

**Jilid III
Bil. 37**



**Hari Selasa
31hb Oktober, 1989**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6845]

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 1990 [Ruangan 6905]

USUL:
Anggaran Pembangunan 1990 [Ruangan 6905]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.(1), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.
(Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.
(Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO, NG CHENG KUALI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar bandar, DATO, MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Yang Berhormat DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).

- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOFF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

Yang Berhormat DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 31hb Oktober, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANDOKTOR KERAJAAN—
KEKURANGAN

1. **Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Kesihatan menyatakan masalah kekurangan doktor terutamanya di dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam negara. Apakah rancangan-rancangan Kerajaan untuk mengatasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, bilangan jawatan pegawai perubatan yang wujud di bawah Kementerian Kesihatan ialah 4,812 dan jawatan yang diisi setakat ini ialah 4,110. Ini bermakna masih terdapat kekosongan sebanyak 702 jawatan.

Kementerian Kesihatan memang sentiasa berusaha untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut. Di antara langkah-langkah yang sedang diambil ialah:

- (a) meminta universiti-universiti tempatan mengeluarkan lebih graduan perubatan; dan
- (b) mengisi jawatan kosong dengan pegawai pakar perubatan bukan warganegara secara kontrak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kota Belud.

Tuan Maidom P. Pansai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan.

Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan, daripada 4,110 jawatan doktor yang telah diisi itu berapakah jawatan yang ada di negeri Sabah dan yang kedua, apa yang saya dapat tahu sekarang ini pesakit seperti kanser dan buah pinggang dihantar terus ke Kuala Lumpur daripada Sabah. Itu menunjukkan bahawa tidak ada doktor pakar dalam bidang itu di Sabah. Jadi, adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk menghantar doktor pakar dalam bidang itu ke negeri Sabah, dan kalau tidak, mengapa, dan kalau ya, bila?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama iaitu berapa doktor yang berkhidmat di Sabah, saya tidak ada angka di sini dan jika Yang Berhormat berminat untuk mengetahuinya sila berhubung dengan saya.

Mengenai soalan kedua, iaitu mengenai pesakit kanser dan buah pinggang yang harus dibawa ke Kuala Lumpur sebab tidak ada pakar di Sabah, Kementerian saya mengakui itu sebab pada masa sekarang untuk kanser kita hanya ada 2 pusat kanser iaitu satu di Kuala Lumpur dan satu lagi di Kuching. Ada lagi satu di Mount Meriam, Penang tetapi dipunyai oleh satu badan swasta yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan.

Mengenai kanser, pada masa ini memang ada doktor pakar pembedah atau doktor pakar perubatan, (physician) dan lain-lain doktor pakar yang boleh menjalankan rawatan untuk kanser seperti doktor pakar pembedahan. Dia boleh memberikan 'chemotherapy' sebagai rawatan kepada

pesakit-pesakit kanser di Sabah, tidak payah dihantar ke Kuala Lumpur dan kita pun ada pakar perubatan yang boleh menjalani tugas seperti perubatan kepada penyakit kanser. Tetapi memanglah Kerajaan sedar mengenai masalah ini dan kita bercadang untuk mengkaji dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk menubuhkan satu pusat untuk merawat kanser di Kota Kinabalu dan ini di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan akan dikaji sedalam-dalamnya.

Mengenai buah pinggang, kita pun sedar kita kekurangan doktor "specialist" dalam bidang buah pinggang dan kita berusaha untuk melatih lebih lagi baik pun daripada universiti tempatan atau daripada universiti luar untuk menempatkan doktor pakar buah pinggang di Sabah.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah kekurangan doktor di Perkhidmatan Kerajaan bukan satu masalah yang baru dan telah pun berlanjutan bagi tempoh masa yang panjang. Ini juga menunjukkan kelemahan Kerajaan dalam perkhidmatan kesihatan ini. Salah satu faktor yang menyebabkan kekurangan doktor di Perkhidmatan Kesihatan Kerajaan adalah sebab peluang untuk post-graduate course untuk mendapatkan kepakaran dalam disiplin-disiplin kepakaran dan juga masalah dalam menaikkan pangkat dalam Perkhidmatan Kesihatan di pihak Kerajaan ini. Kedua-dua masalah ini menyebabkan banyak doktor keluar dari Perkhidmatan Kerajaan dan masuk bidang swasta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Ngoi Thiam Woh: Apakah Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini?

Yang kedua, adakah Kerajaan mengadakan sistem bahawa doktor-doktor yang mengamalkan disiplin mereka di bidang swasta supaya memaksa mereka berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan separuh masa? Itu sahaja dua soalan.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kampar yang begitu minat dalam perkara Kementerian saya.

Yang pertama yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat mengenai kekurangan doktor di perkhidmatan Kerajaan yang dia dakwa berlanjutan dari masa dahulu dan ini menunjukkan satu kelemahan dalam tugas yang dijalankan oleh Kementerian saya. Sukalah saya menolak dakwaan itu sebab kalau kita lihat daripada jumlah doktor-doktor yang ada di negara kita, kita lihat satu kenaikan yang pesat. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menunjukkan pada tahun 1982, kalau kita buat bandingan kita hanya ada 1,962 orang doktor tetapi pada tahun 1989, tahun ini juga, kita memperoleh 4,110 orang doktor. Itu saya kenaikan sebanyak 209% bilangan doktor yang diambil dalam perkhidmatan Kerajaan. Ini menunjukkan satu prestasi yang amat baik. Tetapi kita sedar masalah perlanjutan bukan di negeri ini sahaja tetapi di seluruh dunia. Ini satu masalah sebab rakyat lebih mendidik perkara-perkara kesihatan dan permintaan daripada rakyat jelata meningkat tahun demi tahun sebab itu kenaikan bilangan doktor kita di tanahair.

Mengenai peluang untuk mengikuti kursus-kursus post graduate, suka saya katakan di sini kita telah ambil langkah-langkah yang tegas dalam perkara ini. Seperti dalam tahun 1980 hingga tahun 1988 kita sudah memberikan biasiswa kepada sebanyak 391 orang doktor untuk mengikuti kursus-kursus post graduate baik di negara kita atau di luar negeri-391, satu angka yang amat besar. Kita akan teruskan tugas kita untuk menaikkan bilangan doktor pakar.

Bagi masalah yang kedua dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Kampar mengenai masalah kenaikan pangkat, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk membuat satu kajian dan satu rekomendasi kepada Kabinet dalam hal ini dan saya diberitahu bahawa laporan di dalam final

stage, dengan izin, dan tidak berapa lama lagi boleh dikemukakan kepada Kabinet. Kementerian Kesihatan telah merekomendasikan kepada Jawatankuasa ini mewujudkan lebih jawatan superscale sebab itu kita dapatlah menaikkan pangkat banyak lagi doktor-doktor di dalam Perkhidmatan Kesihatan.

Bagi soalan yang terakhir mengenai perkhidmatan doktor swasta yang meminta berkhidmat dalam Kerajaan, memang itulah satu rancangan Kementerian saya dan telah diumumkan dan sekarang kita telah buat satu kajian bagaimana doktor-doktor daripada swasta boleh bertugas secara part-time, dengan izin, dalam perkhidmatan hospital-hospital.

SYARIKAT INSURANS SEG— TUNTUTAN KEPADA PEMEGANG POLISI

2. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah dalam peratus tuntutan-tuntutan yang akan diterima oleh pemegang-pemegang polisi insurans SEG (dulu Supreme-QBE Insurance S/B);
- (b) jumlah gantirugi yang telah dibayar sejak ia digantung (wind-up) dan sebab mengapa bayaran balik yang penuh tidak diberikan kepada pemegang-pemegang polisi ini; dan
- (c) sama ada tindakan telah diambil terhadap SEG di bawah Insurance Act dan Insurance (Power to Compound) Regulations 1979 kerana amalan-amalan yang tidak amanah sebelum ia digantung, dan kalau tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, bagi bahagian (a), jumlah tuntutan yang akan diterima oleh pemegang-pemegang polisi insurans Syarikat SEG, masih lagi belum dapat ditentukan kerana pihak pembubarannya masih

lagi dalam proses mengkaji kedudukan aset dan tanggungan syarikat itu bagi menentukan jumlah bayaran dividen yang boleh dibuat kepada setiap pemegang polisi dan sipiutangnya.

Bagi bahagian (b), sejak syarikat itu dibubarkan, belum ada apa-apa bayaran dibuat kepada pemegang-pemegang polisinya kerana sesebuah syarikat yang dibubarkan adalah dilarang oleh undang-undang daripada membuat apa-apa bayaran kecuali setelah bayaran dividennya telah ditentukan oleh pihak Pembubar.

Bagi bahagian (c), tindakan mengkompaun oleh Ketua Pengarah Insurans di bawah Akta dan Peraturan-peraturan Insurans (Kuasa untuk Mengkompaun) 1979 hanyalah untuk kesalahan-kesalahan yang melanggar prosedur atau tatacara berkaitan dengan kewangan dan pengurusan sahaja. Kesalahan berkaitan dengan amalan-amalan yang tidak amanah adalah di bawah bidang kuasa pihak polis. Dengan itu bahagian (c) kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak berbangkit.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hendak tahu mengapakah apabila Syarikat SEG dibubarkan iaitu mengalami kerugian dari segi aset sebanyak \$16.2 juta bagaimanakah Jabatan Ketua Pengarah Insurans boleh membenarkan Syarikat SEG mengalami kerugian yang begitu banyak sehingga ia terpaksa dibubarkan apabila Jabatan Ketua Pengarah Insurans bertanggungjawab untuk mengawal syarikat-syarikat insurans di negara kita dan sama ada ini merupakan satu kelalaian daripada Jabatan Ketua Pengarah Insurans kerana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa setakat ini tidak ada satu sen pun yang telah dibayar kepada pemegang-pemegang polisi insurans. Ini bermakna bahawa pemegang-pemegang insurans ini telah membuat bayaran insurans yang mereka tidak boleh menuntut balik.

Saya rasa ini bukanlah satu cara yang baik untuk menarik pelabur-pelabur di negara kerana . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat . . .

Tuan Lim Guan Eng: . . . di mana ada negara membayar satu polisi insurans yang tidak boleh membuat tuntutan. Saya rasa Kerajaan mestilah membayar balik kepada tuntutan insurans dan saya hendak tanya Yang Berhormat mengapakah Kerajaan tidak membayar kepada pemegang-pemegang polisi insurans SEG apabila Kerajaan bertanggungjawab di atas kegagalan Syarikat Insurans SEG?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut bahawa Bank Negara akan hanya mengambil langkah membubarkan sesebuah syarikat insurans sebagai langkah terakhir setelah semua usaha-usaha untuk menyelamatkan syarikat berkenaan gagal, maknanya bagi syarikat yang berkenaan ini telah dibubarkan oleh Bank Negara kerana langkah-langkah yang lain telah diambil dan tidak berkesan. Jadi untuk menyelamatkan pemegang-pemegang polisi maka syarikat insurans ini dibubarkan dan ini bukan kelalaian kita. Kalau kita lalai lebih besar masalah yang akan dihadapi oleh syarikat ini malahan langkah ini dibuat untuk menyelamatkan para pemegang polisi dan lain-lain pihak yang berkepentingan dengan syarikat insurans ini.

Tentang mengapa Kerajaan tidak boleh membayar kepada pemegang-pemegang polisi, sebenarnya Bank Negara tidak ada kuasa untuk membuat bayaran itu kepada syarikat insurans berdasarkan Akta yang berkaitan.

Kemudian berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan-saya ingat itu kedua-dua perkara yang telah dibangkitkan kecuali kalau saya terlupa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof.

Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembedaan di barisan lima dalam soalan ini, iaitu "Kumpulan A, B, C" bukan D. Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 3.

PESARA YANG DILANTIK SEMULA

3. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof minta Perdana Menteri menyatakan dari tahun 1985 hingga Jun 1989, jumlah pesara yang telah dilantik semula atau dilanjutkan perkhidmatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi mengisi jawatan-jawatan profesional tertentu. Daripada jumlah tersebut berapakah Kumpulan A, B, C dan juga mereka yang bukan rakyat Malaysia.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pesara yang telah dilantik semula atau dilanjutkan perkhidmatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi mengisi jawatan-jawatan profesional dan teknikal dari tahun 1985 hingga Jun 1989 mengikut kumpulan adalah seperti berikut:

Tahun	Perlantikan				Jumlah	Perlanjutan				Jumlah
	A	B	C	D		A	B	C	D	
1985	11	18	44	98	171	8	10	20	13	51
1986	3	2	17	—	22	8	9	46	81	144
1987	1	—	—	—	1	3	7	42	54	106
1988	1	—	—	—	1	6	6	62	50	124
sehingga Jun 1989	—	—	2	—	2	2	—	8	2	12
JUMLAH	16	20	63	98	197	27	32	178	200	437

Lantikan semula pesara-pesara untuk mengisi jawatan-jawatan profesional dan teknikal adalah disebabkan oleh kesukaran mengisi jawatan-jawatan tersebut dengan calon-calon lantikan terus atau pegawai yang berpengalaman. Pengisian jawatan-jawatan ini memerlukan calon-calon yang mempunyai kemahiran, pengalaman yang luas dan kelayakan-kelayakan tertentu.

Timbalan Yang di-Pertuan (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Tan Kok Wai tidak hadir).

PERTIKAIAN PERUSAHAAN

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) bagaimanakah seriusnya longgokan kes mahkamah perindustrian seluruh negara dengan memberi angka-angka kes mahkamah yang dibawa ke hadapan sejak tahun lalu dan hingga akhir Ogos 1989;
- (b) apakah tindakan yang telah dirancang untuk menyelesaikan longgokan kes dan menegerakan penyelesaian kes; dan
- (c) jumlah bilangan mahkamah perindustrian seluruh negara dan apakah rancangan yang telah diusahakan untuk menubuh lebih banyak mahkamah perindustrian dan menyediakan lebih ramai kakitangan bagi mahkamah-mahkamah ini.

14-12-89

8. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) jumlah kes yang masih belum dihadapkan ke Mahkamah Tindakan Industri (Industrial Court Actions) setakat bulan September 1989; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama sekali dengan pertanyaan Yang Berhormat dari Pontian pada 14hb Disember 1989 yang mempunyai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kes pertikaian perusahaan yang belum diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan pada akhir tahun 1988 ialah sebanyak 531 kes. Bilangan ini telah meningkat kepada 609 kes pada akhir Ogos, tahun ini. Mahkamah Perusahaan telah menyelesaikan dan memberi keputusan dalam sebanyak 327 kes daripada 591 kes yang dirujukkan ke Mahkamah pada tahun 1988.
- (b) Untuk mempercepatkan penyelesaian baki kes yang saya sebutkan tadi, tindakan sedang diambil untuk mengisi secepat mungkin jawatan-jawatan Yang di-Pertua dan satu jawatan Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang masih lagi kosong sejak pertengahan tahun ini. Di samping itu, langkah-langkah berikut juga telah dan sedang diambil:
 - (i) mengkaji semula peraturan untuk memudahkan serta memendek prosedur perbicaraan dalam kes-kes yang tertentu;
 - (ii) memastikan perbicaraan bermula tepat pada jam 9.00 pagi setiap pagi;
 - (iii) menetapkan perbicaraan pada tiap-tiap hari Sabtu juga;
 - (iv) hanya menangguh kes-kes yang mempunyai alasan yang munasabah;
 - (v) menentukan kuota bilang kes, seberapa yang boleh, yang

harus didengar oleh setiap Pengerusi Mahkamah;

- (vi) menasihatkan kepada pihak majikan dan kesatuan sekerja cuba sedaya upaya menyelesaikan pertikaian antara mereka, jika perlu, dengan bantuan daripada Kementerian Buruh.
- (c) Pada masa sekarang hanya terdapat Mahkamah Perusahaan di Kuala Lumpur dan Pengerusi-pengerusi Mahkamah dari Kuala Lumpur akan pergi ke negeri-negeri lain untuk mendengar kes-kes. Mengikut bilangan kes yang diterima bagi setiap negeri, Kementerian Buruh sedang berusaha untuk menubuhkan sebuah Mahkamah Perusahaan di Pulau Pinang yang dijangka akan mula berfungsi pada awal tahun hadapan.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa 60% kes-kes yang dirujuk kepada Mahkamah Perindustrian adalah berkaitan dengan kes-kes pembuangan kerja? Dan adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Mahkamah Perindustrian untuk tuntutan-tuntutan kecil sebagai satu cara ini untuk menyelesaikan kes-kes yang tidak begitu penting?

Yang kedua ialah sama ada pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji Peraturan-peraturan untuk Mahkamah Perindustrian dan juga jenis prosedur-prosedur yang berkaitan memandangkan bahawa prosedur-prosedur itu haruslah dikemaskinikan bagi tujuan untuk mempermudah penyelesaian kes-kes yang berkaitan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar bahawa kebanyakan kes yang dirujuk dan dikendalikan oleh Mahkamah Perusahaan ialah berkaitan dengan pembuangan kerja. Seumpamanya dalam tahun 1988, 317 daripada 591 kes yang dirujuk adalah

berkaitan dengan pembuangan kerja. Jadi, Kementerian sedang mengkaji semula prosedur-prosedur yang sedang diikuti mengenai pengendalian dan penyelesaian kes-kes pembuangan kerja ini kerana untuk memudahkan lagi prosedur itu dan menjadikan prosedur itu lebih "summary", dengan izin, dengan tiga atau empat cara yang mungkin berkesan sebelum kita dapat memutuskan lagi:

- (i) dengan menerima "affidavit" sebagai bukti berbanding dengan "oral evidence", dengan izin, yang sedang diberikan di Mahkamah pada masa ini dan "oral evidence" ini memakan masa yang lama;
- (ii) dengan meminta kepada kedua-kedua pihak untuk bersetuju mengenai, dengan izin, "bundle of documents" seperti dalam "civil proceedings" yang boleh dikemukakan kepada Mahkamah sebelum pendengaran kes itu; dan
- (iii) untuk membolehkan Pengerusi Mahkamah merekodkan faktor-faktor yang disetujui sahaja dan hanya mendengar dalam Mahkamah perkara-perkara yang tidak disetujui antara kedua-dua pihak.

Dan dengan cara-cara yang lain itu, kita harap dapat menyenangkan atau memudahkan penyelesaian kes-kes pembuangan kerja yang dirujuk kepada Mahkamah tanpa mengabaikan keadilan kepada pihak-pihak yang berkaitan. Perkara ini sedang dalam perbincangan dan kita harap dapat memutuskan perkara ini tidak lama lagi. Lain-lain aspek prosedur Mahkamah Perusahaan juga sedang diberi perhatian untuk memudahkannya.

PROJEK MINI-HYDRO

6. Tuan. S. S. Subramaniam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apa telah terjadi dengan cadangan yang telah dibuat oleh pihak LLN

untuk mengadakan 80 buah Mini-Hydro untuk membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kelima. Apakah kemajuan di atas projek ini dan berapakah Mini-Hydro yang telah dibina hingga kini dan akan dibina dalam lima tahun yang akan datang. Jika pencapaian di atas projek ini tidak memuaskan apakah sebabnya dan apakah cadangan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi; dan

- (b) adakah beliau sedar sistem ini boleh menjadi suatu cara yang baik untuk membekalkan letrik kepada beberapa estet-estet dan bolehkah pihak LLN membuat suatu kajian bagi seluruh estet-estet di Semenanjung dan Sabah dan Sarawak untuk mengetahui berapa estet boleh dibekalkan api dengan cara tersebut dan apakah langkah yang harus diambil oleh LLN dan Pengurusan Perladangan untuk memenuhi hasrat rakyat yang ada di sektor ini dalam satu jangka masa yang pendek.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) di bawah Rancangan Malaysia Kelima projek mini-hydro yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan berjumlah 82 buah. Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan sebanyak 19 buah projek di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima dengan jumlah kos \$63.6 juta. Sebanyak 9 projek telah siap dan dimulagugaskan, 9 dalam pelaksanaan dan sebuah lagi di peringkat menyediakan spesifikasi dan dokumen tender. Kerajaan belum lagi menentukan jumlah projek mini-hydro yang akan dilaksanakan bagi tempoh lima tahun akan datang. Pencapaian pelaksanaan fizikal projek-projek yang telah diluluskan peruntukannya adalah memuaskan. Bilangan projek yang telah diluluskan dan dilaksanakan adalah

rendah dari yang telah dikenalpasti kerana dengan pelaksanaan dan perkembangan grid ke seluruh negara setengah-setengah projek yang dikenalpasti didapati tidak perlu dilaksanakan kerana kawasan-kawasan berkenaan boleh dibekalkan melalui grid atau rangkaian tersebut.

Untuk menjawab soalan (b) dari Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua,

- (b) beberapa kawasan estet di negara juga mungkin mempunyai potensi mini-hydro. Oleh kerana estet adalah bertaraf komersial dan majikan bertanggungjawab ke atas kebajikan pekerja maka pihak pengurusan estet hendaklah menyumbang kepada kos menyambung bekalan elektrik kepada estet mereka. Pihak Kementerian melalui agensi-agensy perbekalan elektrik iaitu LLN, LLS dan juga SESCO memang mempunyai kepakaran untuk mengkaji dan juga melaksanakan projek mini-hydro ini jika didapati kaedah ini menguntungkan dan jika pihak-pihak berkenaan sanggup menanggung perbelanjaan yang mereka patut tanggung di bawah peraturan yang digunapakai sekarang.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, apakah yang dimaksudkan dengan mini-hydro, hydro dan maybe super-hydro.

Yang kedua, adakah Kerajaan selain daripada melaksanakan projek-projek mini-hydro ini akan juga diselaraskan dengan projek-projek haidro elektrik yang besar di negara kita ini seperti Batang Air dan sebagainya; dan

Yang ketiga, apakah kedudukan projek besar-besaran yang boleh dikatakan super-hydro yang dirancang di Sarawak, di kawasan Balagos beberapa tahun yang lepas dan, adakah Kerajaan akan meneruskan projek itu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, rancangan untuk mengadakan mini-hydro itu ialah di tempat-tempat pendalaman yang tidak boleh mendapat bekalan daripada grid yang sedia ada daripada LLN, kawasan itulah kita beri mini-hydro dan digunakan untuk tempat-tempat yang kecil yang tidak ada air yang banyak, tetapi boleh jugalah menjalankan haidro itu di sungai-sungai yang kecil yang sedia ada.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat sebagai ahli dari Sarawak boleh jugalah mendapat tahu daripada pengalaman SESCO yang telah menjalankan beberapa projek dalam negeri Sarawak oleh kerana kawasan-kawasan itu ialah pendalaman, tidak boleh mendapat sambungan daripada SESCO yang sedia ada sekarang.

Yang kedua, soalan daripada Ahli Yang Berhormat iaitu haidro besar-besaran ialah haidro seperti yang ada di Semenanjung Malaysia sekarang boleh juga membekal kepada grid-grid yang sedia ada. Jadi dengan skim besar-besaran itu kita boleh membekalkan elektrik ke beberapa tempat dalam negara kita.

Yang ketiga, iaitu super-hydro. Saya tidak kenal kepada super-hydro. Satu projek raksaksa iaitu kita telah mencadangkan di negeri Sarawak, ada juga banyak bantahan daripada kaum Penan dan orang-orang lain yang sedia ada di sana. Mereka tidak mahu kemajuan kepada tanahair ini, mereka suka tinggal dalam hutan itu. *(Ketawa)* Saya percaya jikalau Ahli Yang Berhormat mengambil sedikit tindakan untuk menyelesaikan masalah itu saya percaya tidak lama lagi kita boleh merancang untuk mengadakan super-hydro di Sarawak dahulu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tasek Chenderoh.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: . . .
Macamana? Adakah Kerajaan teruskan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tidak dengar!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kalau tidak salah pendengaran saya, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan dalam Rancangan Malaysia Kelima ada 19 projek yang telah dikenalpasti, daripada 19 projek ini 9 telah siap dan 9 di dalam perlaksanaan dan satu lagi dalam penyediaan.

Saya ingin bertanya apakah faktor yang menyebabkan walaupun telah berjaya saya kira 50% disiapkan, tetapi masih lagi kita dapati lebih daripada 50% yang belum disiapkan sedangkan tempoh Rancangan Malaysia Kelima akan berakhir tidak lama lagi.

Soalan yang kedua, bagaimanakah kedudukan mini-hydro yang telahpun diura-urakan untuk dibina di kawasan saya iaitu di Kota Tempan dan juga di kawasan Parlimen Gerik iaitu di Sumpitan. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh Lembaga Letrik Negara berkenaan dengan projek-projek seperti apa yang saya katakan tadi belum dapat diselesaikan, ada juga masalah iaitu untuk mendapat jentera dan lain-lain dalam satu tempoh masa yang kita tetapkan.

Masalah yang kedua, apabila kita melaksanakan projek-projek seperti apa yang saya kata tadi, LLN sudah mengadakan rancangan grid di tempat-tempat itu, oleh kerana itu separuh daripada projek kita kena batalkan. Saya percaya itulah masalah yang dihadapi oleh Lembaga Letrik Negara berkenaan dengan projek seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya minta notis, saya akan mendapatkan bukti-bukti berkenaan dengan projek itu.

**SYARIKAT INSURANS—
MODAL BERBAYAR**

7. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan keadaan umum industri insurans sejak laporan Tahunan Ketua Pengarah 1988 dikemukakan di segi:

- (a) kedudukan kewangan atau modal berbayar;
- (b) aduan orang ramai mengenai perkhidmatan serta pembayaran tuntutan;
- (c) bilangan syarikat yang mengalami kerugian;
- (d) bilangan syarikat yang meraih keuntungan;
- (e) jumlah orang serta bilangan polisi baru dalam pengembangan perniagaan insuran am;
- (f) jumlah wang serta bilangan polisi baru dalam pengembangan perniagaan insuran nyawa;
- (g) bahagian pasaran insuran antara-bangsa yang berjaya dikuasai oleh syarikat-syarikat insuran milikan:
 - (1) pelabur tempatan sepenuhnya;
 - (2) pelabur asing sepenuhnya; dan
 - (3) bersama pelabur tempatan dan pelabur asing.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah modal dibayar bagi syarikat-syarikat insurans yang ditubuhkan di negara ini telah menurun dari \$709 juta pada akhir Jun 1988 kepada \$659.8 juta pada akhir Jun 1989. Kekurangan ini adalah disebabkan oleh sebuah syarikat insurans yang telah berhenti menjalankan perniagaannya dalam tempoh tersebut kerana bercantum dengan syarikat sekutunya.
- (b) sebanyak 1,193 aduan bertulis telah diterima sepanjang tempoh enam

bulan pertama tahun 1989, iaitu peningkatan sebanyak 15.7% daripada jumlah aduan yang diterima dalam tempoh yang sama tahun 1988 (iaitu 1,031). Dari jumlah tersebut, 1,090 aduan (atau 91.4%) adalah berkaitan dengan perniagaan insurans am dan 103 (atau 8.6%) adalah berkaitan dengan perniagaan insurans nyawa. Aduan-aduan itu kebanyakannya mengenai kelewatan menyelesaikan tuntutan dan kelewatan pembayaran imbuhan yang diputuskan oleh mahkamah.

- (c) bilangan syarikat insurans yang mengalami kerugian dalam tahun kewangan 1988 ialah sebanyak 14 buah.
- (d) bilangan syarikat insurans yang mencatatkan keuntungan dalam tempoh yang sama ialah sebanyak 36 buah. Kedudukan untung/rugi itu adalah bagi syarikat insurans yang didaftarkan di Malaysia sahaja. Bagi cawangan-cawangan syarikat insurans asing iaitu sebanyak 9 buah adalah tidak diketahui kerana ia ditentukan oleh syarikat induk mereka di luar negeri.
- (e) jumlah premium kasar yang diurusniagakan oleh industri insurans am dalam tahun 1988 adalah sebanyak \$1,323 juta iaitu bertambah sebanyak 9.9% daripada tahun 1987. Jumlah premium bersih pula adalah sebanyak \$992.3 juta iaitu bertambah sebanyak 11.1% daripada tahun 1987. Mengenai bilangan polisi insurans am baru pula, pihak Bank Negara tidak mempunyai rekod mengenainya.
- (f) jumlah wang baru yang diinsuranskan dalam tahun 1988 ialah sebanyak \$13,729.3 juta iaitu meningkat sebanyak 6.7% daripada tahun 1987. Bilangan polisi baru adalah bertambah sebanyak 11% iaitu dari 370,180 polisi pada akhir tahun 1987 kepada 410,757 polisi pada akhir tahun 1988.

- (g) akhirnya, mengenai pembahagian pasaran insurans antarabangsa pula, Kementerian Kewangan tidak dapat memberi maklumat mengenai perkara itu kerana maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat insurans kepada Bank Negara tidak mengasingkan premium yang diterima dari dalam negeri dan luar negeri.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai insurans yang mengalami kerugian kerana mengikut kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Insurans, Tan Sri Jaafar Hussein bahawa 13 syarikat insurans sedang disiasat oleh Bank Negara dan sila nyatakan syarikat-syarikat yang terlibat, jumlah wang yang terlibat supaya orang ramai dapat satu amaran untuk mengelakkan syarikat-syarikat insurans tersebut dan langkah-langkah yang diambil setakat ini.

Yang kedua, mengenai cadangan bahawa sebilangan syarikat insurans luar negeri termasuk Great Eastern Insurance, AIA dikenakan restructuring, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengikut kehendak atau peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru, sila nyatakan kedudukan sekarang. Terima kasih.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, 13 syarikat insurans yang sedang disiasat ini, saya tidak dapat memberikan nama-namanya di sini dan perkara-perkara yang diminta oleh Yang Berhormat tersebut, lagipun penyiasatan sedang dijalankan bertujuan untuk melindungi hak-hak pemegang polisi dan juga pemegang sahamnya.

Saya suka hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat, walaupun sesebuah syarikat itu dikatakan diambil tindakan dibubarkan, para pemegang polisi tidak akan menghadapi kerugian. Yang mungkin timbul ialah tuntutan mereka itu lewat sedikit akan diterima. Jumlah tuntutan yang

akan dibayar kepada pemegang-pemegang polisi yang berkenaan bergantung kepada jumlah-jumlah harta yang boleh dibahagi-bahagikan. Sementara tuntutan-tuntutan dalam kategori tertentu boleh mendapatkan pampasannya dari Kumpulanwang Jaminan Skim Insurans.

Yang kedua, syarikat yang sedang dalam penyusunan semula ini, saya juga tidak dapat memberikan jawapan ini dan ini memerlukan notis daripada Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa 60% daripada portfolio insurans misalnya MAS dibuat "underwritten overseas", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak ada kemampuan kewangan syarikat-syarikat insurans di negara ini dan kalau sedar, apakah tindakan yang diambil untuk memperbaiki keadaan yang tidak baik ini dan berapakah bank ataupun syarikat kewangan yang telah menceburkan diri di dalam perdagangan dan perindustrian insurans setakat ini, dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk captive insurance yang telah pun disebutkan pada akhir ini, dan berapakah syarikat insurans yang dikenakan tindakan oleh pihak Kerajaan setakat ini?

Akhir sekali, adakah mampu Gabenor Bank Negara menyelenggarakan insurans selain daripada urusan bank-bank di negara ini kerana insurans itu adalah satu bidang yang besar, dan adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan satu suruhanjaya insurans di negara ini?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, jika sekiranya tidak ada keupayaan syarikat-syarikat insurans dalam negeri, maka syarikat-syarikat yang berkenaan seperti MAS terpaksa mengambil insurans daripada luar negeri, kerana kita tidak boleh menunggu keupayaan syarikat dalam negeri untuk menanggung risiko yang akan ditanggung oleh MAS.

Jadi, keadaan seperti ini terpulanglah kepada keadaan, bila syarikat insurans dalam negeri kita bersedia, mereka boleh mengambil perniagaan yang seperti ini.

Yang kedua, penglibatan bank dalam industri insurans, saya tidak dapat memberikan angkanya di sini, saya memerlukan notis.

Yang ketiga, syarikat insurans yang sedang diambil tindakan, 13 ini sedang disiasat dan keputusannya akan diketahui bila penyiastannya selesai. Yang telah dibubarkan oleh Bank Negara ialah sebuah iaitu syarikat insurans FEG. Yang Berhormat tidak ada semasa saya menjawab soalan ini tadi.

Tentang mampukah Gabenor Bank Negara menguruskan urusan insurans ini, kita berkeyakinan penuh Bank Negara boleh menjalankan tugas ini dan kita tidak bercadang untuk membentuk Pesuruhjaya Insurans yang lain selain daripada sistem yang kita amalkan sekarang.

BANDUAN ABDULLAH ANG— LAPORAN PENYIASATAN

8. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah Kerajaan akan mengumumkan laporan yang membabitkan kes banduan Abdullah Ang yang bebas keluar masuk penjara sebagaimana yang didedahkan oleh akhbar Malay Mail. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil supaya perkara seperti ini tidak berulang lagi bagi menjamin kewibawaan Penjara Malaysia.

18. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil penyiastan yang dilakukan ke dalam sistem penjara ekoran peristiwa Abdullah Ang; sama ada pegawai-pegawai penjara yang terlibat akan didakwa; jika ya, nyatakan bilangan mereka yang akan didakwa dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah kejadian-kejadian sedemikian daripada berlaku pada masa-masa akan datang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan dari Yang Berhormat ini bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan iaitu soalan No. 18 pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengumumkan kepada orang ramai laporan penyiasatan tersebut kerana ianya merupakan siasatan dalaman mengenai salah-laku pegawai-pegawai Kerajaan. Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengelakkan kejadian yang seumpama itu tidak berulang lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa keengganan Kerajaan untuk mengumumkan laporan tersebut menunjukkan bahawa Kerajaan tidak memandang berat penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa dalam kes semacam ini. Adakah ini oleh kerana subjek tersebut (Abdullah Ang) seorang yang pada satu masa sahabat karib dan baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri (*Tepuk*), ada perhubungan direct dengan Yang Amat Berhormat, boleh telefon direct apabila Menteri-menteri pun tidak boleh telefon direct dan ini semua orang tahu, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun tahu (*Ketawa*) dan adakah. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan kait-kaitkan nama saya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu, saya beritahu. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kes ini bukan sahaja Abdullah Ang seorang tetapi orang-orang lain seperti Tan Koon Swan, Kee Yong Wee dan Wang Choon Wing—semua ada keistimewaan. Kenapa tidak ada satu siasatan terbuka untuk menunjukkan

tidak ada double-standard, orang-orang CBT, penjenayah tidak double-standard. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apakah soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Menunjukkan tidak ada double-standard dalam penjara di mana pemimpin-pemimpin Barisan Nasional masuk penjara pun ada keistimewaan yang khas. (*Tepuk*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanjong yang sungguh marah-marah memberikan soalan. Kerajaan memang peka dengan segala apa sahaja yang dibangkitkan oleh rakyat melalui akhbar-akhbar dan juga melalui Dewan yang mulia ini. Itulah sebabnya Kerajaan menyahut dengan perasaan yang bertanggungjawab di atas apa yang telah keluar dalam akhbar The Malay Mail atas perkara ini dan kita terus mengadakan satu siasatan di atas perkara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengarahkan semua pegawai mengambil tindakan yang sewajarnya di atas perkara ini. Tidak ada kena-mengena langsung persahabatan antara Perdana Menteri dengan apa yang telah berlaku di penjara ke atas Abdullah Ang. Saya akui bahawa perhubungan Abdullah Ang dengan beberapa orang pemimpin sebelum beliau didapati bersalah memang baik, tetapi apabila telah dibuktikan bahawa beliau bersalah maka itu hal dia dan pemimpin tetap pemimpin. Jadi, janganlah disalah ertikan dalam Dewan yang mulia ini.

Apabila siasatan telah dijalankan didapati bahawa ada penyelewengan berlaku terhadap Abdullah Ang, bukan sahaja Abdullah Ang yang telah kita siasat, kita juga menyasat jikalau ada keistimewaan lain diberi kepada banduan-banduan lain, semuanya telah kita tamatkan penyelewengan itu dan tindakan akan kita ambil kepada sesiapa yang bertanggungjawab untuk memberi keistimewaan yang mana ini merupakan penyelewengan dari mata Kerajaan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Abdullah Ang sahaja merupakan sahabat karib kepada Perdana Menteri, itu pertama. Kedua, apabila perkara ini sudah disedari oleh pihak berkuasa adakah pegawai-pegawai yang terlibat, sebelum pada penyiasaan dibuat dan hasil penyiasaan itu diperolehi, apakah pegawai-pegawai berkenaan telah dipindahkan ataupun ditukarkan ataupun digantung kerja ataupun apa-apa tindakan yang lain yang membolehkan supaya keistimewaan yang khas dan khusus tadi, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat dihapuskan dan boleh dikatakan semua banduan itu akan kembali sebagai keadaan biasa dan asal?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Abdullah Ang bukanlah salah seorang atau seorang sahaja sahabat atau yang mengenali Perdana Menteri. Pemimpin-pemimpin Pembangkang juga ada mempunyai hubungan yang rapat. Ketua Pembangkang sendiri kalau hendak jumpa Perdana Menteri, tidak jadi masalah, boleh bertemu, tidak ada siapa yang menghalang.

Tuan Lim Kit Siang: Beri nombor telefon direct. Saya tidak tahu apakah nombor telefon Perdana Menteri, beritahu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pernah Yang Berhormat telefon direct?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, beritahu nombor telefon dia kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong!

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kalau tidak, jangan cakap tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan kata "samakan".

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak pernah telefon jangan kata tidak boleh telefon.

Tuan Lim Kit Siang: Nombor berapa?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Itu tugas Yang Berhormat, saya bukan office boy Yang Berhormat. Saya tidak tahu bila saya jadi office boy Yang Berhormat-minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang kedua pula setelah kita kenalpasti pegawai-pegawai yang bertanggungjawab melakukan penyelewengan, untuk menjayakan penyiasaan kita adalah tidak bijak kalau kita terus mengambil tindakan atau menukarkan kerana penyiasaan harus dijalankan. Setelah kita jalankan siasatan yang rapi maka beberapa orang pegawai akan kita ambil tindakan di bawah Perbekalan 44, Perintah Am Bab D, 1980 dan ada juga pegawai-pegawai yang kita akan ambil tindakan tatatertib dari segi Jabatan.

SEKOLAH DAN ENROLMEN PELAJAR—KATEGORI DAN BILANGAN

9. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah bilangan sekolah dan pelajar untuk kategori sekolah yang berikut:

- (a) Sekolah Kebangsaan;
- (b) Sekolah Rendah Kebangsaan;
- (c) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina); dan
- (d) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bilangan sekolah dan pelajar untuk kategori sekolah adalah seperti berikut:

Enrolmen dan bilangan sekolah Seperti pada 30hb Januari 1989

<i>Kategori Sekolah</i>	<i>Bil. Sekolah</i>	<i>Enrolmen</i>
Sekolah Kebangsaan	3,775	1,307,831
Sekolah Rendah Kebangsaan	1,188	413,689
SRJK(C)	1,290	583,959
SRJK(T)	547	93,361

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah perbezaan antara Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan, oleh kerana memandangkan pada masa sekarang kedua-dua jenis sekolah ini menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Jadi, apakah perbezaannya dan sama ada Kerajaan bercadang supaya kedua-dua jenis sekolah ini dinamakan sama?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali untuk Kementerian Pendidikan ialah memberi perkhidmatan pendidikan untuk mencapai matlamat dasar pendidikan kita dan juga meneruskan falsafah pendidikan kita. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Kebangsaan adalah sekolah yang telah ditubuhkan selepas tahun 1980 dan Sekolah Rendah Kebangsaan ialah yang telah didirikan sebelum tahun 1980, dan kalau perlu usaha-usaha dari segi teknikal atau pentadbiran untuk kita menyelaras-kannya semula, tetapi yang penting sekali ialah untuk meningkatkan prestasi atau mengatasi lagi kelemahan-kelemahan dalam sistem kita, kalau ada wujud untuk memberi perkhidmatan pendidikan yang baik.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai dengan jumlah pelajar Sekolah Kebangsaan iaitu 1,300,000 lebih dan Sekolah Rendah Kebangsaan 413,000 lebih, daripada jumlah tersebut berapakah pelajar kaum Tionghua dan kaum India yang belajar dalam kedua-dua sekolah, Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan ini?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat kerana saya tidak ada butir yang begitu teliti di sini kerana soalan asal adalah berbeza tetapi maklumat ini kita akan berikan kalau diperlukan.

KEMALANGAN PERUSAHAAN

10. **Tuan P. Patto** minta Menteri Buruh menyatakan jumlah kemalangan perusahaan (industrial accidents) dalam negara ini dalam setiap tahun sejak 1970 dan apakah sebabnya kes-kes kemalangan perusahaan ini boleh berlaku dan sama ada ini berlaku kerana undang-undang yang memberi perlindungan daripada kemalangan perusahaan kepada pekerja-pekerja tidak lengkap. Jika ya, bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk mengatasinya supaya pekerja diberi perlindungan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, bagi angka kemalangan perusahaan dari tahun 1970 hingga 1988, dukacita saya tidak bercadang membaca angka bagi setiap tahun kerana ia akan mengambil masa yang panjang. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kemalangan yang dilaporkan daripada tahun 1970 hingga akhir tahun 1988 di bawah Akta Keselamatan Pekerja 1969 dan Akta Pampasan Pekerja 1952, adalah 18,874 bagi tahun 1970; 56,103 dalam tahun 1976; 61,939 dalam tahun 1980; 64,182 dalam tahun 1984 dan 92,383 dalam tahun 1988.

Sebahagian besar kemalangan-kemalangan yang dilaporkan ini adalah kecederaan ringan sahaja. Hanya 4% mengakibatkan hilang upaya kekal (permanent incapacity) dan hanya 0.4% yang mendatangkan maut. Sungguhpun bilangan kemalangan perusahaan yang dilaporkan telah meningkat, kadar kemalangan bagi setiap 1,000 pekerja telah menurun dari 64 kes setiap 1,000 pekerja dalam tahun 1973 kepada 24 kes dalam tahun 1988.

Di antara faktor-faktor yang menyebabkan kemalangan adalah seperti berikut:

- (a) Faktor kemanusiaan, yang termasuk kurang kemahiran dan tidak mematuhi peraturan-peraturan kerja yang selamat;
- (b) Keadaan jentera-jentera, termasuk penyelenggaraan jentera-jentera itu;
- (c) Keadaan persekitaran, khasnya peraturan kerja, kebersihan dan sebagainya.

Kementerian Buruh sememangnya mengambil tindakan bagi menjamin keselamatan pekerja-pekerja di dalam perindustrian. Terdapat beberapa undang-undang keselamatan pekerja yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan untuk melindungi pekerja-pekerja. Tindakan untuk memberi perlindungan yang lengkap di industri-industri adalah satu proses berterusan yang melibatkan pihak Kerajaan, majikan dan pekerja-pekerja sendiri.

Pihak Jabatan Kilang dan Jentera sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan undang-undang dengan pemeriksaan secara mengejut, ulangan dan tambahan, serta juga mengeluarkan Pemberitahu Larangan terhadap proses atau keadaan pekerjaan yang merbahaya. Pada tahun 1988, seumpamanya, pihak Jabatan telah mengadakan sebanyak 21,890 pemeriksaan ulangan, 5,817 pemeriksaan mengejut dan tambahan, serta mengeluarkan sebanyak 550 Pemberitahu Larangan tentang proses atau keadaan yang merbahaya. Dua kilang juga didakwa di mahkamah pada tahun 1988.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi angka-angka dan pada akhirnya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa majikan-majikan atau tuan punya kilang yang melanggar peraturan-peraturan yang sedia ada, ada didakwa. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka-angka tentang bilangan majikan dan tuan punya kilang yang telah dibawa ke mahkamah dan disabit kesalahan kerana tidak mematuhi peraturan-peraturan yang sedia ada dan sama ada peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedia ada untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja dianggap oleh pihak Kerajaan sebagai mencukupi dan juga langkah-langkah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu juga diakui oleh pihak Kementerian bahawa cukup lengkap untuk mengatasi masalah kemalangan perindustrian ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jawab secara ringkas Yang Berhormat.

Datuk K. Pathmanaban: Dua kes. Peraturan memang dikaji dari masa ke semasa. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4 dan 11 hingga 31 adalah diberi di bawah ini).

HAKMILIK STRATA— PERMOHONAN

4. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa terdapat kelewatan yang lama dalam memproses dan meluluskan permohonan hakmilik strata;
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Jabatan Tanah dan Galian dalam pelbagai negeri untuk mempermudah permohonan hakmilik strata;
- (c) berapa banyak permohonan untuk hakmilik strata yang telah dikemukakan kepada Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan berapa banyak yang masih menunggu kelulusan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Kasitah bin Gaddam):

- (a) Kelewatan berlaku dalam prosesan permohonan untuk hakmilik strata atas beberapa sebab. Di antara sebab-sebab yang telah dikenalpasti ialah:
 - (i) permononan-permohonan yang diterima *tidak lengkap* misalnya bayaran tidak mencukupi dokumen-dokumen

seperti dokumen hakmilik keluaran (iaitu gerantanah) dan Sijil Layak Menduduki Bangunan (CFO) tidak disertakan, borang permohonan tidak ditandatangani oleh semua pemilik bersama, cap mohor syarikat yang memiliki tanah tidak diturunkan dalam borang permohonan dan sebagainya;

- (ii) pemohon atau jurukur tanah berlesen yang diupah oleh pemohon, lambat mengambil tindakan yang diperlukan atau lambat mematuhi kehendak Jabatan Ukur;
 - (iii) Pemohon sendiri lambat membuat bayaran-bayaran yang ditetapkan selepas permohonan diluluskan;
 - (iv) jurukur tanah berlesen lambat mengemukakan pelan strata yang diperakui untuk kelulusan Jabatan Ukur;
 - (v) kekurangan tenaga kerja di Pejabat Tanah untuk menguruskan prosesan permohonan dan pendaftaran hakmilik strata; dan
 - (vi) keupayaan tenaga kerja di Jabatan Ukur untuk membuat lawatan (atau "field checks") ke bangunan-bangunan yang dicadangkan dipecah bahagi.
- (b) Bagi mempercepatkan prosesan permohonan dan pengeluaran hakmilik strata, beberapa langkah telah diambil. Langkah-langkah yang dimaksudkan termasuklah yang berikut:
- (i) Menetapkan tempoh 7 bulan untuk pengeluaran hakmilik strata bagi permohonan-permohonan yang lengkap dan mematuhi kehendak-kehendak undang-undang;
 - (ii) Menubuhkan Unit Hakmilik Strata di Pejabat Tanah dan

- di Pejabat Tanah dan Galian di Negeri-negeri yang mempunyai banyak bangunan berbilang tingkat. Unit ini akan dianggotai oleh seorang pegawai dan sekurang-kurangnya tiga orang kerani;
- (iii) mengadakan senarai semakan (atau "Check list") untuk menyenangkan kerja kerani memproses permohonan dan untuk memastikan bahawa tiada apa-apa tindakan yang tertinggal;
 - (iv) menyelenggara rekod-rekod tertentu seperti rekod kemajuan permohonan;
 - (v) mempertingkatkan pengawasan/bimbingan oleh pihak pegawai untuk memastikan bahawa semua kerja dilaksanakan dengan memuaskan;
 - (vi) menambahkan pengetahuan kakitangan Unit Hakmilik Strata mengenai peruntukan-peruntukan undang-undang hakmilik strata melalui kursus/latihan dan mengemaskinikan prosedur-prosedur kerja. Di samping itu, norma-norma kerja bagi proses-proses tertentu diadakan;
 - (vii) mengadakan perhubungan yang lebih erat dengan Jabatan Ukur dan mempertingkatkan semangat bekerjasama; dan
 - (viii) memberi penerangan kepada orang awam mengenai cara-cara mendapatkan hakmilik strata dan lain-lain perkara yang berkaitan agar masalah permohonan-permohonan tidak lengkap dapat diatasi.
- (c) Setakat 31hb Ogos 1989, Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menerima sebanyak

392 permohonan. Dari jumlah ini, 234 (atau 59.7%) permohonan telah diluluskan manakala 106 (atau 27.0%) permohonan telah ditolak dan 52 (atau 13.3%) permohonan masih dalam proses.

PESAKIT KANSER

11. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulisminta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pesakit "cancer" yang dikesan setakat ini semenjak 1980 di Malaysia; berapakah jumlah yang berjaya dirawat dan terus sembuh dan berapakah yang gagal diselamatkan dan meninggal dunia selepas dirawat di hospital. Adakah Kerajaan mempunyai cara yang paling "up-to-date" untuk merawat penyakit "cancer";
- (b) berapakah jumlah pesakit diabetes yang dikesan di Malaysia setakat ini semenjak 1980. Sila berikan angka mengikut negeri-negeri di Malaysia. Apakah cara yang paling "up-to-date" untuk merawat penyakit ini;
- (c) apakah sebab-sebab utama penyakit "cancer" dan "diabetes".

Tuan Chua Jui Meng:

- (a) Jumlah pesakit kanser yang dikesan dan dimasukkan di hospital-hospital Kerajaan di Malaysia semenjak 1980 ialah 152,940. Dari angka ini, 14,423 telah meninggal dunia dan bakinya telah dapat diselamatkan. Kerajaan mempunyai cara yang paling "up-to-date" untuk merawat penyakit kanser iaitu dengan cara pembedahan, pemberian "chemotherapy" (ubat-ubatan) dan radiotherapy yang menggunakan alat-alat seperti "linear accelerator" dan "cobalt therapy".
- (b) Jumlah pesakit diabetes yang dikesan dan dimasukkan di hospital-hospital Kerajaan di Malaysia semenjak 1980 ialah 120,498.

Pecahan mengikut negeri ialah Perlis 1,513 kes, Kedah 7,844 kes, Pulau Pinang 11,258 kes, Perak 21,968 kes, Selangor 9,710 kes, Kuala Lumpur 14,591 kes, Negeri Sembilan 10,466 kes, Melaka 4,282 kes, Johor 16,504 kes, Pahang 6,148 kes, Terengganu 5,300 kes, Kelantan 5,000 kes, Sabah 2,601 kes dan Sarawak 3,313 kes.

Cara rawatan penyakit diabetes bergantung kepada penyebab penyakit diabetes. Jika penyakit diabetes disebabkan oleh tiadanya atau kekurangan hormon insulin, pesakit diberi suntikan hormon insulin. Cara yang moden untuk memberi suntikan insulin ialah dengan cara "injection pen" dan disuntik oleh pesakit sendiri. Untuk penyakit diabetes yang disebabkan oleh keturunan dan kekurangan kesan hormon insulin, pesakit dinasihatkan untuk memakan makanan yang tidak mengandungi gula, membuat senaman dan memakan ubat-ubatan yang dapat meningkatkan kesan insulin di sel badan.

- (c) Sebab sebenar penyakit kanser tidak diketahui. Walau bagaimanapun terdapat beberapa "predisposing factors" yang ada kaitannya dengan penyakit kanser misalnya pendedahan kepada bahan-bahan tertentu seperti "radiation", merokok dan sebagainya. Penyakit diabetes disebabkan oleh kekurangan hormon insulin atau kekurangan kesan hormon insulin dalam badan.

KWSP—PENCARUM MENGELUARKAN WANG SIMPANAN

12. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah perkembangan terakhir hasrat Kerajaan untuk membolehkan pencarum-pencarum

mengeluarkan wang simpanan KWSP bagi maksud pelajaran anak-anak dan untuk menunaikan fardhu haji di samping dasar yang ada sekarang ini untuk pembelian rumah kediaman; dan

- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memberi pertimbangan kepada pencarum-pencarum KWSP mengeluarkan semua simpanan mereka bagi maksud pelaburan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan masih mengekalkan keputusan untuk tidak melaksanakan cadangan-cadangan untuk membolehkan pencarum-pencarum mengeluarkan wang simpanan KWSP mereka bagi maksud pelajaran anak-anak, menunaikan fardhu haji, atau untuk mengeluarkan semua caruman KWSP bagi tujuan pelaburan. Di samping itu, Kerajaan tidak bercadang membuat perubahan ke atas dasar yang sedia ada bagi pengeluaran caruman KWSP untuk tujuan pembelian rumah kediaman.

PENUNTUT TINGGAL DI ASRAMA KERAJAAN/SWASTA

13. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah penuntut yang tinggal di asrama kerajaan dan swasta;
- (b) apakah langkah-langkah keselamatan yang diadakan di tiap-tiap asrama tersebut; dan
- (c) adakah cadangan Kerajaan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Peringkat Pusat di Kementerian untuk menjadi Panel Pelawat di asrama bagi menjamin kebaikan mereka.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Jumlah penuntut yang tinggal di asrama yang terletak di bawah Kementerian Pendidikan ialah 138,650 orang. Dewasa ini Kementerian Pendidikan tidak mempunyai sebarang rekod mengenai jumlah penuntut yang tinggal di asrama swasta.
- (b) Kementerian Pendidikan sentiasa mengutamakan aspek-aspek keselamatan di asrama-asrama sekolah. Sebuah buku panduan untuk guru asrama di bawah Kementerian Pendidikan telah dikeluarkan bagi membantu guru-guru dalam usaha untuk memastikan agar langkah-langkah pencegahan kebakaran di laksanakan.

Di antara langkah-langkah keselamatan lain yang dijalankan di asrama-asrama sekolah adalah seperti berikut:

- (i) penghuni-penghuni asrama sekolah sentiasa mengadakan latihan kebakaran sekurang-kurangnya sebulan sekali.
- (ii) melengkapkan asrama-asrama sekolah dengan alat-alat pemadam api.
- (iii) memastikan alat-alat pemadam api di asrama-asrama tersebut berada dalam keadaan baik dan diselenggara setiap tahun.
- (iv) memastikan agar semua bilik tidur asrama mempunyai sekurang-kurangnya 2 pintu keluar.
- (v) memastikan agar tidak ada sebarang halangan pada tangga, koridor dan laluan sekiranya berlaku kecemasan.

Selain daripada itu, langkah-langkah lain juga diadakan oleh pihak asrama sekolah berdasarkan keperluan serta nasihat dan panduan daripada Jabatan Bomba tempatan.

- (c) pada ketika ini, Kementerian Pendidikan tidak bercadang menubuhkan satu Jawatankuasa Peringkat Pusat untuk menjadi Panel Pelawat di asrama di bawah Kementerian Pendidikan kerana pengawasan perjalanan asrama adalah pada tahap yang mencukupi.

KOPERASI PENGAMBIL DEPOSIT—BAYAR BALIK

14. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan Koperasi-Koperasi yang terjejas oleh skandal koperasi kewangan \$1.6 billion dalam tahun 1986, yang

- (i) telah membayar balik sepenuhnya secara tunai seringgit untuk seringgit kepada pendeposit-pendepositnya;
- (ii) membayar balik lebih 50 sen secara tunai untuk setiap ringgit yang didepositkan;
- (iii) yang hanya mampu membayar wang tunai seringgit untuk seringgit menjelang tahun 1990; dan
- (iv) nyatakan lima buah koperatif yang paling buruk dalam ertikata pembayaran balik dengan menyatakan amaun daripada setiap ringgit yang telah dibayar balik secara tunai.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (1) Sehingga masa ini, bilangan Koperasi Pengambil Deposit (KPD) yang telah membayar balik sepenuhnya deposit dalam bentuk tunai kepada pendeposit-pendeposit atas dasar seringgit untuk seringgit deposit, adalah sebanyak 6 buah. Nama-nama koperasi tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad
- (ii) Koperasi Emas Pulau Pinang Berhad

- (iii) Koperasi Wartawan-wartawan Berhad
 - (iv) Koperasi Jasa Rakyat Berhad
 - (v) Koperasi Sakthi Jaya Berhad
 - (vi) Koperasi Bersatu Tenaga Berhad
- (2) Bilangan KPD yang telah membayar balik deposit lebih dari 50 sen bagi setiap ringgit deposit dalam bentuk tunai, adalah sebanyak 4 buah iaitu seperti berikut:
- (i) Koperasi Pantai Kembang Berhad
 - (ii) Koperasi Wanijaya Malaysia Berhad
 - (iii) Koperasi Bersatu Berhad
 - (iv) Koperasi Sri Maju Berhad
- (3) Sebanyak 3 buah koperasi dari 4 buah koperasi yang disebutkan tadi dijangka dapat membayar balik sepenuhnya deposit dalam bentuk tunai kepada pendeposit-pendeposit menjelang tahun 1990.
- (4) Lima buah KPD yang paling rendah membayar balik deposit dalam bentuk tunai pada masa ini adalah seperti berikut:
- (i) Koperasi Serbaguna Gunung Emas Berhad
 - (ii) Syarikat Kerjasama Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Serbaguna Berhad
 - (iii) Koperasi Kewangan Perindustrian Malaysia Berhad
 - (iv) Koperasi Belia Bersatu Berhad
 - (v) Koperasi Serbaguna Fortiss Berhad

Koperasi-koperasi tersebut telah diambil alih oleh Kewangan Usahasama Makmur Berhad di bawah skim penyelamat yang ditetapkan. Pembayaran balik deposit kepada pendeposit-pendeposit bagi koperasi tersebut adalah dibuat dalam bentuk kombinasi tunai dan ekuiti. Setakat ini sebanyak

35% dari pembayaran balik dalam bentuk tunai telah pun dibuat, manakala pembayaran balik dalam bentuk ekuiti telah disempurnakan.

POLIS MENAKUT-NAKUTKAN PENGUNDI SEMASA PILIHANRAYA

15. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan terdapat aduan-aduan daripada para pengundi bahawa anggota-anggota polis berpereman semasa bertugas di Pilihanraya Kecil Parit Raja dan Telok Pasu menakut-nakutkan para pengundi supaya menyokong parti pemerintah, malahan semasa kempen Pilihanraya Kecil Telok Pasu beberapa anggota Polis berpereman telah mengetuk pintu rumah para pengundi tempatan di waktu tengah malam untuk mengetahui calon mana yang disokong oleh mereka. Seterusnya terdapat dakwaan bahawa seorang anggota Polis pereman didapati berkeliaran di tempat membuang undi yang merupakan tempat larangan. Tindakan ugutan seperti ini boleh menjejaskan proses demokrasi berparlimen di negara ini. Apakah tindakan telah diambil supaya menjamin perkara ini tidak berulang lagi dalam Pilihanraya Kecil dan Pilihanraya umum akan datang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Inginlah saya menegaskan di sini bahawa tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Polis ialah menjaga keselamatan dan ketenteraman awam dan bukannya menakut-nakutkan pengundi-pengundi semasa pilihanraya. Oleh itu sekiranya ada pegawai-pegawai Polis yang bertindak menyalahi undang-undang maka kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan.

CHOGM-PROGRAM RASMI

16. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa mengapa Kerajaan tidak merancang sebarang program rasmi untuk CHOGM di Negeri Pulau Pinang. Sila beri sebab-sebab Pulau Pinang ditinggalkan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Bukan semua negeri di Malaysia dipilih untuk dimasukkan ke dalam program rasmi CHOGM. Pemilihan Pulau Langkawi sebagai tempat Perentian adalah kerana Kerajaan berkehendakkan satu tempat yang terpencil dan bersekitaran luar bandar untuk Ketua-Ketua Kerajaan berehat.

Walau bagaimanapun, kejayaan CHOGM adalah kejayaan seluruh negara MALAYSIA dan bukannya sesuatu negeri tertentu sahaja. Nikmat yang akan diterima hasil kejayaan CHOGM akan diterima oleh seluruh rakyat Malaysia. Dengan itu, tidak mengira negeri manapun, semua rakyat akan mengecapi nikmatnya.

Selain dari itu ingin juga dimaklumkan bahawa semua Ketua-Ketua Kerajaan, ahli-ahli delegasi dan para media asing telah diberi peluang untuk melawat kesemua negeri di Malaysia atau sesuatu negeri pilihan mereka tetapi semua mereka ini telah memilih untuk segera pulang kerana urusan-urusan mustahak yang perlu dijalankan di negara masing-masing.

INDUSTRI ELEKTRONIK

17. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) jumlah nilai pengeluaran Industri Elektronik di dalam negara ini bagi jangkamasa tahun-tahun 1986, 1987, 1988 dan nilai anggaran bagi tahun 1989;
- (ii) berapa peratuskah dari jumlah pengeluaran dunia angka-angka bagi tahun-tahun tersebut mewakili di kawasan; dan
- (iii) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau bagi menggalakkan Industri Elektronik menyertai aktiviti-aktiviti "downstream" seperti membuat barangan-barangan pengindustri dan pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Dato Dr K. S. Nijhar):

- (i) Jumlah nilai pengeluaran Industri Elektronik di dalam negara bagi tahun-tahun yang diminta adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Nilai Keluaran</i>
1986	— \$6.5 billion
1987	— \$8.9 billion
1988	— \$12.2 billion
1989 (Jan-Julai)	— \$8.5 billion

Bagi tahun 1989, jumlah nilai pengeluaran Industri Elektronik dianggarkan sebanyak \$16.9 billion.

- (ii) Peratusan pengeluaran Industri Elektronik negara iaitu berdasarkan kepada pengeluaran separa-konduktor (semi-conductor) yang menyumbangkan sebanyak 82% pengeluaran industri tersebut adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Peratus dari Pengeluaran Dunia</i>
1896	8.6%
1987	9.2%
1988	8.8%
1989 (anggaran)	10.6%

- (iii) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang menggalakkan aktiviti-aktiviti perindustrian bagi semua industri terutamanya aktiviti-aktiviti "downstream" yang akan dapat memberikan nilai tambah (value added) barangan yang dikeluarkan

Kerajaan ada menyediakan pelbagai galakan seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang diberikan kepada syarikat-syarikat baru dan juga syarikat-syarikat yang sedang beroperasi yang hendak mempelbagaikan aktiviti-aktiviti mereka terutamanya kepada aktiviti-aktiviti "downstream". Bagi Industri Elektronik barangan pengguna dan industri

yang dikeluarkannya telah diwartakan sebagai barangan yang digalakkan untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti "down-stream" industri ini. Barang-barang itu berbagai jenis seperti peti televisyen, alat perakam video, perakam kaset, komputer, telefon, radio dan lain-lain.

(Soalan No. 18. Sila lihat jawapan No. 8).

MAS—MENGURANGKAN HARGA TAMBANG

19. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah beliau akan membuat keputusan kepada cadangan yang dibuat oleh pihak MAS untuk mengurangkan harga tambang di antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak memandangkan kepada Tahun Melawat Malaysia.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Cadangan supaya dikurangkan tambang di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak masih dalam pertimbangan Kementerian. Kedudukan tambang sedia ada tidaklah menjejaskan kedatangan serta pergerakan pelancong dalam negeri, khususnya di Sarawak dan Sabah. Sempena dengan Tahun Melawat Malaysia, MAS telah pun menyediakan kadar tambang berdiskaun (promotional fares) kepada penumpang-penumpang yang layak di antara Semenanjung ke Sabah/Sarawak dan sebaliknya.

Di samping itu, sempena dengan Tahun Melawat Malaysia 1990, Kementerian Pengangkutan telah pun meluluskan permohonan MAS bagi memperkenalkan tambang istimewa "Discover Malaysia Pass 1990", yang akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 1990-31 Disember 1990.

Tertakluk kepada beberapa syarat tertentu, kadar tambang istimewa ini membolehkan pelancong-pelancong luar negeri membuat perjalanan keempat destinasi di Sabah/Sarawak dengan bayaran \$199.00. "Pass" ini juga akan membenarkan

potongan diskaun sebanyak 50% bagi pelancong yang membuat perjalanan antara Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak.

PERSIDANGAN KEMUNCIAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI BELGRADE—HASIL

20. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Luar menyatakan apakah hasil-hasil positif yang telah diperolehi di dalam persidangan negara-negara berkecuali di Belgrade baru-baru ini. Apakah saranan-saranan penting yang telah dikemukakan oleh perwakilan Malaysia yang telah diterima menjadi garisan panduan bagi pergerakan itu di masa depan dan apakah reaksi kuasa besar terhadap pergerakan itu sekarang ini.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Hasil-hasil positif daripada Persidangan Kemuncak Negara-Negara Berkecuali di Belgrade pada 31 Ogos-7 September, 1989 baru-baru ini, di antara lain, ialah terciptanya suasana kesederhanaan (moderation) di kalangan negara-negara anggota dan berkurangnya isu-isu radikal yang dahulunya telah memecahbelahkan pergerakan tersebut. Kelahiran suasana kesederhanaan ini juga telah membuka peluang kepada pergerakan ini bagi menumpukan tenaga kepada isu-isu yang lebih penting seperti kerjasama ekonomi. Malaysia, sentiasa menyarankan agar Pergerakan itu mengikuti haluan asalnya iaitu mengamalkan prinsip-prinsip berkecuali dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Dalam persidangan yang lepas juga Malaysia berjaya mempertahankan pendirian kita mengenai Kampuchea, Antartika, Dadah, Kerjasama Ekonomi di kalangan Negara-Negara Membangun, isu-isu Alam Sekitar, Sistem Perdagangan Antarabangsa dan bahan-bahan utama.

Hasil positif mengenai isu-isu tersebut di atas adalah terkandung dalam Perisytiharan Politik dan Perisytiharan Ekonomi Sidang Kemuncak tersebut. Mengenai Kampuchea,

Pergerakan Berkecuali telah menyambut baik Mesyuarat Tidak Rasmi Jakarta yang telah berusaha untuk mencari penyelesaian secara komprehensif bagi masalah itu. Pergerakan Negara-Negara Berkecuali juga telah memutuskan untuk meningkatkan kegiatan dan usahanya bagi membantu menyelesaikan masalah ini. Selaras dengan pendirian Malaysia, Sidang Kemuncak itu juga telah buat sekian kalinya dan sebulat suara menentang dasar Apartheid di Afrika Selatan.

Mengenai Antartika, Persidangan telah menerima saranan Malaysia bahawa benua itu seharusnya hanya digunakan untuk tujuan aman dan hendaklah dibuka kepada semua negara di dunia.

Mengenai isu ekonomi dunia masakini, Persidangan telah bersepakat untuk menggalakkan dialog di antara negara-negara membangun dan negara maju seperti yang telah diadakan di Paris pada Julai, 1989. Persidangan telah menyeru ke arah kerjasama bagi menyelesaikan masalah-masalah pembangunan, hutang luar negeri, kewangan, perdagangan antarabangsa, sains dan teknologi dan alam sekitar.

Bahaya dadah juga menerima perhatian dari Sidang tersebut. Pergerakan Negara-Negara Berkecuali bersetuju sebulat suara bahawa adalah perlu untuk mempertingkatkan kerjasama antarabangsa dalam usaha menukar tanaman dadah dengan tanaman-tanaman pertanian yang lain. Persidangan juga menegaskan keperluan mengadakan undang-undang yang lebih kuat untuk menghukum penjenayah yang terlibat dan merampas keuntungan mereka.

Kuasa-kuasa besar sentiasa sedar wujudnya Pergerakan Negara-Negara Berkecuali. Oleh kerana pergerakan ini telah berjaya menunjukkan ketegasannya untuk tidak menyebelahi mana-mana pihak, kuasa-kuasa besar telah menunjukkan penghormatannya kepada Negara-negara Berkecuali. Dengan wujudnya Blok Berkecuali ini adalah sukar bagi kuasa besar untuk mencero bohi negara-negara anggota dengan sewenang-wenangnya.

PELABURAN TEMPATAN DALAM INDUSTRI

21. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk menggalakkan pelaburan tempatan dalam industri-industri memandangkan angka-angka menunjukkan pelaburan asing adalah empat kali ganda berbanding pelaburan tempatan dalam industri-industri bagi empat bulan pertama tahun ini.

Dato Dr K. S. Nijhar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala peluang pelaburan dan insentif yang diperkenalkan oleh Kerajaan adalah disediakan untuk kedua-dua pelaburan tempatan dan asing. Di samping itu, Kerajaan juga telah diperkenalkan insentif untuk pengusaha-pengusaha kecil demi untuk menggalakkan pembangunan perindustrian di kalangan pengusaha-pengusaha tempatan itu.

Dari segi kewangan/modal, Kerajaan telah bersama-sama dengan pihak Kerajaan Jepun (melalui beberapa buah bank perdagangan Jepun) memperkenalkan skim pinjaman yang dipanggil AJDF. Skim ini bertujuan menggalakkan pembangunan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana tempatan di dalam sektor-sektor perkilangan, pertanian dan pelancongan di mana kos pinjaman modal dapat diperolehi pada kadar faedah yang rendah.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melihat penubuhan projek-projek perkilangan dibuat secara usahasama di antara pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri. Untuk maksud ini, Kerajaan-Kerajaan Negeri telah dan akan terus dari masa ke semasa menganjurkan seminar-seminar pelaburan tempatan bertujuan mempertingkatkan lagi kerjasama di antara pelabur tempatan dan asing di samping menggalakkan pelabur tempatan kini mengetahui dan merebut peluang pelaburan yang wujud di Malaysia.

Pelabur/pengusaha tempatan juga adalah dijemput untuk menyertai di dalam rombongan-rombongan galakan pelaburan

dan perdagangan ke luar negeri anjuran Kerajaan-Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi membolehkan mereka bertemu dan berbincang dengan bakal pelabur asing mengenai kemungkinan mendirikan projek-projek perkilangan secara usahasama di Malaysia.

Selain daripada langkah-langkah di atas Kerajaan juga akan terus berusaha untuk memperkemaskan lagi prosidur-prosidur dan peraturan-peraturan Kerajaan yang dianggap menyusahkan para pelabur. Penubuhan pusat-pusat pelaburan di peringkat Persekutuan dan Negeri baru-baru ini adalah bertujuan untuk mempercepatkan lagi kelulusan bagi penubuhan projek perkilangan di samping menjadi pusat maklumat untuk kemudahan kedua-dua pelabur tempatan.

Kalau dilihat daripada perangkaan pelaburan bagi 8 bulan pertama tahun 1989, memanglah benar pelaburan asing adalah lebih kurang tiga kali ganda daripada pelaburan tempatan. Dalam tempoh ini pelaburan asing adalah sebanyak \$5.5

billion berbanding dengan pelaburan tempatan sebanyak \$1.7 billion. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa perangkaan ini hanya untuk projek-projek perkilangan yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 sahaja yakni di dalam syarikat-syarikat yang mempunyai dana pemegang saham sebanyak \$2.5 juta ke atas atau yang menggaji 75 pekerja penuh masa atau lebih. Oleh itu perangkaan ini tidak merangkumi projek-projek perkilangan yang mempunyai dana pemegang saham yang kurang daripada \$2.5 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian besar daripada pelaburan-pelaburan rakyat tempatan adalah di dalam syarikat-syarikat yang kecil dan sederhana, yang dikecualikan daripada perlesenan.

Walaupun bagaimanapun, statistik daripada tahun 1986 sehingga Ogos 1989 jelas menunjukkan bahawa jumlah pelaburan tempatan telah meningkat walaupun jumlah pelaburan asing telah meningkat dengan lebih pesat.

Projek Perkilangan Yang Memerlukan Lesen Perkilangan di Bawah Akta Penyertaan Pelaburan, 1975

<i>Tahun</i>	<i>Bil. Projek *(Tempatan)</i>	<i>Jumlah Pelaburan Tempatan (M\$B.)</i>	<i>Bil. Projek (Asing)</i>	<i>Jumlah Pelaburan Asing</i>
1986	335	2.4	99	0.4
1987	191	1.6	132	1.4
1988	403	2.9	301	3.8
1989 (Jan-Ogos)	226	1.7	282	5.5
	<hr/> 1,155 <hr/>	<hr/> 8.6 <hr/>	<hr/> 814 <hr/>	<hr/> 11.1 <hr/>

* Projek yang dimiliki oleh pelabur tempatan (51-100% dari jumlah modal dibayar)

Untuk menggalakkan penglibatan aktif di peringkat yang lebih besar di kalangan pelabur-pelabur tempatan Kerajaan sentiasa menggalakkan kemasukan pesat pelaburan asing yang di dalam jangka masa tertentu, akan memberi kesan sampingan yang baik untuk ekonomi negara amnya, iaitu dari segi aktiviti perkhidmatan, pengangkutan, kewangan, pekerjaan dan sebagainya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Y.B. Dato' Hj. Sakaran bin Dandai dari Semporna, Sabah berhubung dengan pencapaian usaha-usaha Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) di dalam melaksanakan tugas-tugas penggalakan pelaburan asing.

Di antara peranan-peranan utama MIDA di luar negeri ialah:

- (i) mengenalpasti jenis-jenis keluaran di dalam sektor perkilangan di sesebuah negara asing tersebut yang boleh digalakkan di Malaysia yang akan mendatangkan faedah kepada negara dan rakyatnya;
- (ii) mewujudkan kesedaran dan memberi penerangan mengenai iklim pelaburan dan peluang-peluang pelaburan Malaysia;
- (iii) memperkenalkan polisi, prosidur dan insentif pelaburan semasa yang ditawarkan oleh Kerajaan; dan
- (iv) mengambil tindakan-tindakan su-sulan yang bersesuaian bagi memastikan syarikat-syarikat atau pelabur-pelabur asing tersebut memilih Malaysia sebagai pusat pelaburan luar mereka (offshore investment).

Hasil dari usaha oleh semua pejabat-pejabat MIDA di luar negeri selama ini, sama ada secara langsung dan tidak langsung didapati jumlah pelaburan asing di Malaysia (lebih dari 30 buah negara asing) sentiasa bertambah dari tahun ke

setahun seperti yang dapat dilihat daripada perangkaan-perangkaan berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pelaburan Asing</i>
1986	1,687 juta
1987	2,059 juta
1988	4,878 juta
1989 (Jan-Ogos)	6,101 juta
JUMLAH . .	14,725 juta

Pelaburan di dalam sektor perkilangan di Malaysia oleh pelabur-pelabur asing adalah merangkumi berbagai-bagai jenis industri yang wujud di Malaysia. Di antara jenis-jenis industri utama yang terlibat ialah keluaran barang-barang elektrik dan elektronik, kimia dan barang-barang kimia, makanan, barang-barang yang berasaskan getah, barang yang berasaskan logam, kayuan petroleum dan barang-barang tekstil. Manakala jumlah pelaburan yang terlibat adalah seperti berikut:

Pelaburan asing mengikut jenis industri (1986-1989 (Ogos))

<i>Jenis Industri</i>	<i>Jumlah Pelaburan (\$M)</i>
1. Elektrik dan Elektronik	1,459,905,169
2. Kimia & Barang-barang Kimia	616,290,070
3. Pengeluaran Makanan	482,427,744
4. Barang-barang Getah	466,234,023
5. Barang-barang Kayu	385,881,375
6. Barang-barang Logam Asas	368,529,807
7. Petroleum & Arang Batu	324,537,037
8. Barang-barang Tekstil	285,923,073
JUMLAH . .	4,319,728,298

KEMPEN MELAWAT MALAYSIA 1990

22. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan

menyatakan setakat mana usaha-usaha Kementerian yang berkesan untuk menarik pelancong luar negeri dalam kempen Melawat Malaysia 1990.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam memasarkan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan di luar negeri, Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran yang menyeluruh. Aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan di pasaran-pasaran berpotensi yang telah dikenalpasti bagi memastikan bahawa pulangnya adalah sejajar dengan perbelanjaan yang dilakukan dan selaras dengan kehendak pembangunan industri pelancongan Malaysia.

Dari segi pelaksanaan aktiviti-aktiviti pemasaran, Kementerian melalui PKPM menggunakan campuran kempen pengiklanan, penggalakan, perhubungan awam dan penyebaran maklumat.

Pengiklanan

Di pasaran-pasaran terpilih, kempen pengiklanan pengguna antarabangsa menggunakan kombinasi media letronik melalui radio dan televisyen serta media cetak iaitu melalui akhbar-akhbar kebangsaan dan majalah-majalah terkemuka. Kempen pengiklanan ini mencerminkan tarikan Malaysia yang menarik. Setakat ini, kempen pengiklanan yang dijalankan adalah berkesan dan "response" yang diterima adalah menggalakkan. Kempen ini bukan saja memberi kesedaran mengenai Tahun Melawat Malaysia 1990 malahan juga mempertingkatkan lagi kesedaran mengenai destinasi-destinasi pelancongan di Malaysia.

Promosi

Usaha-usaha promosi seperti misi promosi jualan, pesta kebudayaan dan makanan, pameran dan sebagainya telah dan sedang dijalankan di pasaran-pasaran

utama bagi mempertingkatkan kesedaran mengenai Tahun Melawat Malaysia 1990. Kesemua program promosi yang dilaksanakan pada 1989 ini telah menonjolkan Tahun Melawat Malaysia 1990. Kempen promosi Tahun Melawat Malaysia 1990 telah dijalankan dengan aktiviti-aktiviti seperti mengadakan persembahan audio-visual, seminar dan sesi dialog, travel mart dan mengedarkan barangan promosi seperti T-shirt, badge, tie pin, topi dan sebagainya. Sehingga kini kempen ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan pihak swasta sama ada dalam mahu pun luar negeri.

Perhubungan Awam

Program keraian di mana penulis-penulis rencana, rombongan perfileman televisyen dan pemberita luar negeri dijemput ke Malaysia untuk membuat liputan dari aspek pelancongan dilaksanakan untuk memperkenalkan tempat-tempat menarik di Malaysia. Penulisan-penulisan serta rencana dokumentari-dokumentari pelancongan hasil dari program ini juga terdapat di majalah-majalah, akhbar-akhbar serta televisyen di luar negeri.

Penyiaran Maklumat

Penyiaran maklumat pelancongan melalui risalah-risalah pelancongan terbitan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia dalam berbagai bahasa juga terdapat di pejabat Perbadanan di luar negeri. Di pasaran-pasaran di mana Perbadanan tidak mempunyai pejabat-pejabat risalah pelancongan disebarkan melalui pejabat-pejabat Penerbangan Malaysia dan Kedutaan-Kedutaan Malaysia di luar negeri.

Sayugia dimaklumkan bahawa di samping memasarkan Tahun Melawat Malaysia 1990, kempen-kempen ini juga memasarkan tarikan-tarikan destinasi pelancongan Malaysia. Oleh yang demikian, kempen ini bukan sahaja untuk menggalakkan pelancong datang ke Malaysia pada tahun 1990 tetapi juga di tahun-tahun berikutnya.

SUKAN SEA XV—ANGGARAN KASAR

23. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapa jumlah kos untuk menjayakan Sukan SEA yang baru lalu dan berapakah pula keuntungan yang diperolehi oleh pihak penganjur. Memandangkan prestasi yang ditunjukkan oleh jaguh-jaguh sukan kita amat cemerlang apakah rancangan kerajaan untuk mengekalkan dan seterusnya meninggikan lagi mutu sukan di negara kita.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Jumlah perbelanjaan mengikut anggaran kasar bagi menjayakan Sukan SEA XV adalah di dalam lingkungan \$13-\$14 juta. Walau bagaimanapun, perbelanjaan sebenar dan keuntungan akan hanya diketahui apabila penyata akhir terimaan dan bayaran dapat disediakan oleh Jawatankuasa Kewangan Sukan SEA XV. Rancangan-rancangan kerajaan untuk mengekalkan dan seterusnya meninggikan lagi mutu sukan di negara ini adalah melalui:

- (a) Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Projek Gemilang '90 pada 2-12-1986. Projek Gemilang '90 adalah merupakan program persediaan latihan jangka panjang untuk meningkatkan lagi prestasi ahli-ahli sukan negara bagi menghadapi Sukan Asia di Beijing pada tahun 1990. Setakat ini seramai 13 atlit individu dan 3 sukan berpasukan telah dipilih untuk menyertai Projek Gemilang '90.
- (b) Mengadakan Program Latihan Persediaan Ke Arah Sukan SEA Ke 16 di Manila. Program latihan dua (2) tahun ini akan dilancarkan pada bulan Januari 1990. Program ini akan meliputi persediaan atlit-atlit dari aspek:
 - (i) latihan iaitu latihan pusat, pusat cemerlang, latihan luar negeri dan sebagainya;

- (ii) pendedahan pertandingan tempatan dan pertandingan luar negeri;
- (iii) mengadakan jurulatih-jurulatih asing dan sebagainya; dan
- (iv) peralatan dan kemudahan sukan.

PENDAFTARAN SIJIL KELAHIRAN RAKYAT

24. Dr Nicholas Munong Anak Ibau minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah permohonan sijil kelahiran yang lewat (late registration) yang diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara di Sarawak pada tahun 1988, 1987 dan 1986;
- (b) dari jumlah permohonan itu berapakah jumlah dan peratusan yang diluluskan;
- (c) berapakah jumlah penduduk-penduduk tempatan di Sarawak yang dianggarkan tidak mempunyai sijil kelahiran atau kad pengenalan; dan
- (d) apakah tindakan Jabatan Pendaftaran Negara untuk membetulkan perkara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Jumlah permohonan pendaftaran sijil kelahiran lewat (late registration) yang diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah
1986	15,465
1987	9,465
1988	5,819
Jumlah . .	30,749

- (b) Jumlah dan peratusan yang lulus ialah:

Tahun	Lulus	Peratus
1986	11,553	74.7
1987	4,159	43.9
1988	2,245	38.6
Jumlah . .	17,957	58.4

- (c) Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memberikan anggaran tersebut.
- (d) Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak sentiasa berusaha untuk memudahkan penduduk tempatan yang tidak memiliki sijil kelahiran atau Kad Pengenalan bagi memperolehi dokumen-dokumen tersebut. Antara tindakan yang diambil antaranya:
- (i) mengaturkan perkhidmatan pendaftaran bergerak ke kawasan-kawasan pendalaman.
 - (ii) mendapatkan kerjasama Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri untuk mengumpul maklumat mengenai kelahiran; dan
 - (iii) menghebahkan kepada orang ramai melalui media massa mengenai kepentingan

memiliki sijil kelahiran dan kad pengenalan.

ZON PERDAGANGAN BEBAS— JUMLAH

25. Tuan P. Patto minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah bilangan Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zones-FTZ) yang terdapat di setiap negeri, dengan memberi butir-butir lanjut mengenai tempat di mana ia terletak dan juga perdagangan yang dijalankan serta senarai nama syarikat, jumlah pelaburan dan negara tuannya syarikat itu.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Sehingga 30 September 1989 terdapat sejumlah lapan (8) buah Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone-FTZ) di Semenanjung Malaysia. Bilangan syarikat-syarikat yang beroperasi di dalam ZPB ini berjumlah 120 syarikat. Pecahan-pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Lokasi ZPB Ditempatkan</i>	<i>Bilangan Syarikat</i>	<i>Pihak Berkuasa (ZPB)</i>
1. Johor	Pasir Gudang	3	Lembaga Pelabuhan Johor
2. Melaka	(a) Batu Berendam (b) Tanjung Keling	} 10	Majlis Perbandaran Melaka Tengah Majlis Perbandaran Melaka Tengah
3. Selangor	(a) Sungai Way (b) Hulu Kelang (c) Teluk Panglima Garang	19 5 4	Majlis Perbandaran Petaling Jaya Majlis Daerah Gombak Majlis Daerah Kuala Langat
4. Pulau Pinang	(a) Bayan Lepas (b) Seberang Prai	} 79	Majlis Perbandaran Pulau Pinang Majlis Perbandaran Seberang Prai
Jumlah . .	<u>8 ZPB</u>	<u>120 Syarikat</u>	

Berkaitan dengan butir-butir lanjut mengenai jenis perdagangan yang dijalankan, senarai nama syarikat, jumlah pelaburan dan negara tuannya syarikat, Y.B. bolehlah berhubung dengan Pihak Berkuasa ZPB ataupun Ketua Pengarah Kastam, Cawangan Perindustrian, Blok 11, Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

SINGAPURA PENGKALAN BARU AMERIKA

26. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah kerajaan telah menduga bahawa Amerika dan Singapura

telah mengadakan muafakat untuk menjadikan Singapura sebagai pengkalan tentera Amerika sebelum perkara itu diberitahu secara rasmi oleh kerajaan Singapura;

- (b) setakat ini apakah maklumat yang disampaikan oleh Singapura berhubung dengan pengkalan itu dan apakah reaksi kerajaan terhadapnya;
- (c) adakah rancangan mengalihkan pengkalan Amerika dan Singapura itu disebabkan kurangnya kempen dari pentadbiran negara sekarang terhadap mengekalkan Asia Pasifik sebagai rantau berkecuali; dan
- (d) bersetujukah Yang Berhormat Menteri bahawa beban hutang yang ditanggung oleh Kerajaan mempengaruhi sikap kerajaan yang tidak begitu lantang menolak rancangan Amerika menjadikan Singapura pengkalan barunya.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab di Dewan Yang Mulia ini pada 30hb Oktober 1989 apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

KAPAL SELAM TLDM— PEMBELIAN

27. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar Kerajaan Malaysia akan membeli sebuah kapal selam untuk kegunaan Tentera Laut kita, kalau ia, apakah jenis kapal selam itu, daripada negara manakah ia dibuat, adakah ia dilengkapi dengan senjata agak moden, dan boleh dianggap dapat bertanding dengan kapal selam negara-negara jiran kita.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Kerajaan Malaysia dalam rancangan pembangunan

pertahanannya memang berhasrat untuk memperolehi kapal selam untuk kegunaan Tentera Laut Diraja Malaysia. Rancangan ini bertujuan untuk menjadikan TLDM sebuah Angkatan Laut yang seimbang dan benar-benar berkeupayaan.

Setakat ini usaha untuk memperolehi kapal selam masih ditahap kajian dan projek kapal selam secara berperingkat-peringkat dan akan mengambil masa yang lama, ini adalah disebabkan perlaksanaannya akan melibatkan latihan dan persediaan yang masih dilakukan di setiap peringkat dalam TLDM dengan terperinci, supaya ianya dapat dikendalikan dengan sempurna dan berkesan.

Oleh kerana rancangan ini masih di peringkat awal, jenis dan bakal pembekal serta kekuatan pasukan kapal selam yang sesuai dengan keperluan TLDM masih belum ditentukan lagi. Adalah menjadi keperluan Kerajaan untuk memastikan kapal selam yang akan dibeli mempunyai kemampuan yang setanding dengan negara-negara yang mempunyainya.

MESYUARAT CHOGM— PERBELANJAAN

28. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapakah wang telah dibelanjakan untuk melakukan CHOGM di Malaysia;
- (b) berapakah aduan dan kelemahan telah dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia dan rombongan asing; dan
- (c) sejauh manakah kejayaan CHOGM.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Perkiraan sekarang ini sedang dibuat untuk menentukan perbelanjaan sebenar yang dibelanjakan bagi mesyuarat CHOGM. Perkiraan ini akan mengambil sedikit masa kerana perkiraan teliti perlu dibuat dan pihak Akauntan

Negara sekarang ini giat membuat pembayaran dan penjelasan semua bil-bil.

- (b) Tidak banyak aduan dan kelemahan yang terdapat sewaktu Mesyuarat CHOGM. Adalah terdapat aduan-aduan kecil seperti kehilangan bagasi-bagasi pakaian, yang selepas itu ditemui semula, ketinggalan kereta oleh beberapa orang ahli delegasi, yang mana digantikan dengan kereta lain yang sedia ada dan berapa perkara kecil lain. Perkara seperti ini lazimnya berlaku di mana-mana sahaja, terutama di mesyuarat yang besar seperti Mesyuarat CHOGM ini. Sebaliknya pula, banyak pujian-pujian yang diterima dari para delegasi dan media asing bagaimana semua acara yang besar atau kecil berjalan dengan licin dan amat memuaskan sekali. Maklumbalas bagaimana Malaysia dapat mengadakan mesyuarat yang sebesar ini dengan amat baik dan bermutu tinggi banyak diterima daripada hampir kesemua delegasi yang menghadiri mesyuarat ini serta juga daripada para wartawan asing tersebut. Seperti yang telah kita semua sedia maklum daripada laporan dan liputan akhbar-akhbar, banyak pula yang menyatakan bahawa Mesyuarat CHOGM di Malaysia ini adalah paling baik dan memuaskan yang pernah mereka hadiri, termasuk daripada Sekretariat Komanwel sendiri yang mana menghadiri semua Mesyuarat CHOGM yang telah diadakan. Ini adalah menjadi satu kebanggaan bukan sahaja kepada Kerajaan, pegawai-pegawai Kerajaan malah kepada seluruh rakyat Malaysia.
- (c) Kejayaan CHOGM 1989 di Malaysia amatlah besar sekali. Dengan berlangsungnya CHOGM di negara ini, negara kita telah mendapat penghormatan daripada kesemua Ketua-Ketua Kerajaan

yang hadir, dan dengan ini telah memberi publisiti yang amat meluas kepada negara kita. Secara tidak langsung juga, ini akan meningkatkan ekonomi negara untuk kebaikan semua rakyat kerana dengan publisiti tersebut akan meningkatkan kemasukan pelancong ke Malaysia, memperkenalkan Kuala Lumpur sebagai Pusat Konvensyen Antarabangsa dan seterusnya akan meningkatkan lagi dagangan Malaysia dengan dunia luar. Kejayaan CHOGM akan membawa kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat di seluruh negara.

PERMIT PALSU IMPORT KERETA TERPAKAI

29. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah firma-firma negara bagi tiap-tiap negeri untuk tahun 1988 diluluskan di seluruh negara bagi tiap-tiap negeri untuk tahun 1988 sehingga Oktober 1989. Sama ada beliau sedar bahawa ada pihak yang menjual permit-permit palsu untuk mengimport kereta-kereta terpakai bagi orang-orang awam dan pengedar-pengedar kereta. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk memastikan yang tidak ada penyimpangan atau penyalahgunaan permit-permit yang dikeluarkan.

Dato K. S. Nijhar: Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan daripada Y.B. Tuan Nik Abdullah Arshad yang dijadualkan dijawab pada 15-11-89. Untuk makluman Y.B., pada masa ini jumlah syarikat Bumiputera yang mendapat kuota import kenderaan bermotor jenis kereta terpakai adalah seramai 23 syarikat di Semenanjung Malaysia, 7 syarikat di Sabah dan 24 syarikat di Sarawak. Kementerian sedar bahawa dari masa ke semasa ada di antara pihak-pihak tertentu yang mengambil peluang mendapatkan keuntungan dengan menjual permit-permit palsu kepada orang-orang awam dan pengedar-pengedar kereta.

Daripada maklumat yang diterima, Kementerian telah membuat kenyataan akhbar untuk menerangkan kedudukan yang sebenar. Di samping itu juga, Kementerian telah menasihati orang ramai supaya jangan mendapatkan apa-apa lesen daripada sumber-sumber lain. Sebagai langkah memastikan lesen import yang dikeluarkan tidak disalahgunakan, Kementerian telah menjalankan ulangkaji ke atas syarikat-syarikat pemegang kuota dari masa ke semasa di mana sekiranya terbukti ada di antara mereka yang menyalahgunakan AP yang telah dikeluarkan ataupun yang menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan, maka Kementerian akan bertindak untuk menarik balik kuota dari syarikat-syarikat berkenaan.

Mengikut dasar sekarang, lesen import adalah dikeluarkan mengikut kriteria-kriteria dan syarat-syarat yang ketat, antaranya, urusan perniagaan (pengimportan/penjualan) dilakukan oleh syarikat sendiri, penjualan kereta motor dibuat secara runcit, syarikat mempunyai sistem perakaunan yang teratur dan lain-lain lagi. Jika syarikat didapati melanggar syarat-syarat yang tersebut, kuotanya akan ditarik balik oleh Kementerian.

Suka juga dimaklumkan bahawa pihak Kementerian telah membekukan pengeluaran kuota import kepada syarikat-syarikat baru dan dengan ini tidak ada permit-permit baru akan dikeluarkan. Pembekuan ini akan berkuatkuasa untuk beberapa waktu lagi selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan jumlah permit yang dikeluarkan dari tahun ke tahun sebagai peratusan pengeluaran kereta yang dipasang dalam negeri.

SEKOLAH BERASRAMA PENUH— BILANGAN

30. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah bilangan sekolah-sekolah berasrama penuh yang ada di negara kita pada tahun 1988. Berapakah lagi sekolah-sekolah

asrama penuh yang sedang dibina pada tahun 1989 dan dalam jangka masa 5 tahun bilangan ini mencukupi untuk memenuhi hasrat rakyat luar bandar untuk mendapat suatu pelajaran yang penuh bagi anak-anak mereka; dan

- (b) berapakah jumlah penuntut-penuntut yang berasal dari ladang-ladang yang telah berpeluang memasuki sekolah berasrama penuh di negara kita dan adakah Kementerian akan mengambil langkah-langkah positif untuk memberi lebih banyak peluang kepada penuntut-penuntut dari sektor tersebut pada masa akan datang.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Terdapat sebanyak 26 buah Sekolah Berasrama Penuh pada tahun 1988. Dalam tahun 1989 sebanyak 3 buah lagi Sekolah Berasrama Penuh telah dibina dan dari tiga buah itu sebuah telah pun siap dan mula beroperasi sejak bulan Ogos. Dua buah lagi akan siap pada akhir tahun ini. Buat masa ini Kementerian Pendidikan sedang membina sebuah lagi sekolah Berasrama Penuh yang dijangka akan siap pada tahun 1991.

Bilangan sekolah berasrama penuh yang ada hanya boleh menampung 2,880 pelajar Tingkatan I setiap tahun, manakala bilangan calon yang layak untuk dipertimbangkan adalah ramai. Umpamanya jumlah calon yang layak untuk pengambilan tahun 1989 adalah lebih kurang 17,000 orang. Oleh itu bilangan Sekolah Berasrama Penuh yang ada tidak mencukupi jika Kementerian berhasrat hendak memberi peluang kepada semua yang layak.

- (b) Dasar pengambilan pelajar Tingkatan I adalah 30% dari bandar dan 70% dari luar bandar termasuk pelajar-pelajar dari ladang-ladang.

**PERTABALAN D.Y.M.M. SERI
PADUKA BAGINDA YANG DI-
PERTUAN AGONG—
PERBELANJAAN**

31. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa jumlah wang yang telah dibelanjakan bagi Majlis Pertabalan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
- (b) berapakah pembiayaan mengubahsuai Istana Negara; dan
- (c) apakah Kementerian bercadang untuk membina Istana Negara yang baru memandangkan Istana Negara sekarang ini adalah ciri-ciri dan warisan penjajah. Jika ada berapakah peruntukan dan di manakah tapak yang dicadangkan.

Tuan Othman bin Abdul: Perbelanjaan bagi Majlis Pertabalan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah ialah sebanyak \$2.7 juta.

Kos bagi mengubahsuai Istana Negara ialah sebanyak \$23 juta.

Kerajaan belum lagi bercadang untuk membina Istana Negara yang baru memandangkan Istana yang ada sekarang ini telah pun diubahsuai dan dalam keadaan yang memuaskan serta dapat memenuhi keperluan-keperluan semasa.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang

ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,257,427,310 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1990, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 27 tahun 1989, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." [30hb Oktober, 1989]

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu menyambung.

3.36 ptg.

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung semula perbahasan. (Beberapa Ahli DAP keluar Dewan) Nampaknya DAP takut kena kata, semua sudah keluar.

Tuan Yang di-Pertua, semalam telah saya sebut dalam Dewan yang mulia ini bahawa ahli yang telah dilantik dan diterima untuk menduduki kerusi dalam Majlis Perunding Ekonomi Negara telah gagal memainkan peranannya untuk kepentingan negara pada masa akan datang. Kelmarin Yang Berhormat dari Tanjong selaku Ketua Pembangkang telah pun menyebut, "Kalau Kerajaan meneruskan dasar kuota selepas daripada tahun 1990 maka DAP akan menarik balik, akan keluar, akan berhenti daripada menjadi ahli Majlis Perunding Ekonomi Negara."

Tuan Yang di-Pertua, sikap yang seperti ini adalah merupakan suatu sikap yang kurang bertanggungjawab. DAP hanya duduk di dalam Majlis Perunding Ekonomi Negara kalau ianya mendatangkan kepentingan, keuntungan politik kepada DAP. Sikap yang seperti ini saya amat ragu akan kesetiaan mereka terhadap negara. Kesetiaan DAP terhadap negara Malaysia. Kesetiaan ahli-ahli DAP terhadap negara. Mereka akan buat, mereka akan bekerjasama, mereka akan lakukan selama mana apa yang mereka buat itu mendatangkan keuntungan kepada mereka. Pada pandangan saya sikap yang seperti ini adalah merupakan suatu sikap self interested loyalty, itupun kalau ada kesetiaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh soal PAS di dalam Majlis Perunding Ekonomi Negara. Orang yang masuk kampung keluar kampung memberitahu rakyat di luar bandar bahawa mereka memperjuangkan Islam sebagai suatu ideologi parti mereka tetapi dalam Majlis Perunding Ekonomi Negara, mereka hantar orang-orang yang tidak mampu dan berwibawa untuk menjelaskan dan menerangkan tentang dasar ekonomi Islam, sekurang-kurangnya menjadi panduan ataupun guideline, dengan izin, kepada Majlis Perunding Ekonomi Negara untuk membentuk dasar selepas daripada tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, sikap yang ditunjukkan oleh PAS ini adalah suatu sikap kepura-puraan di dalam memperjuangkan Islam di negara kita. Sikap yang seperti ini tidak lebih seperti memperalatkan Islam untuk tujuan politik mereka yang sempit dan pendek. Bukan sebenarnya untuk menunjuk dan membawa Islam itu sesuai dengan kedudukan agama yang tinggi tetapi mereka mempergunakan kedudukan ini, mempergunakan Islam sebab itu mereka boleh mendapatkan ramai penyokong kerana soal agama apabila berhadapan dengan orang-orang Melayu, semangit mereka dibakar, apatah lagi kalau mereka kurang pengetahuan tentang Islam . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Zubir bin Embong: Saya beri Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dahulu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat wakil Kuala Terengganu yang menimbulkan masalah mengenai PAS. Saya ingin tahu Yang Berhormat mengaitkan Islam dan menuduhkan PAS memperalatkan Islam untuk tujuan politik, adakah Yang Berhormat sendiri faham dengan secukup Islam.

Yang kedua, apa maksud Yang Berhormat mengatakan PAS menghantar wakil ke dalam Majlis MPEN bukan dari golongan orang yang bijak pandai dalam Islam, apakah maksud Yang Berhormat mahu membawa Al-Quran di dalam Majlis ataupun mahu bawa orang yang boleh memberi pandangan dan tahu keadaan yang sebenar yang akan dibincang dan adakah Yang Berhormat tahu apa yang berlaku dalam sidang MPEN sejak ditubuh sampai ke hari ini.

Yang ketiga, kalau Yang Berhormat berani menyentuh masalah Islam dan berani membuat tuduhan, saya minta penjelasan apakah maksud ayat yang Tuhan berfirman:

"Wajahhidu billahiq qajihadih wajtabaqqu".

Ayat itu dituju kepada siapa dan ayat itu adakah boleh orang Islam memperalatkan Islam ataupun orang Islam wajib bertanggungjawab menjalankan Islam itu sendiri. Minta tolong ulas ayat itu.

Tuan Zubir bin Embong: Itu senang sahaja, Tuan Yang di-Pertua, bukan payah. Saya mengatakan bahawa PAS memperalatkan Islam itu kerana ada bukti. Saya bercakap bukan kerana mengikut emosi saya, satu bukti yang jelas. Kepada orang PAS, seorang itu Islam, Islam mereka baik atau tidak baik bergantung sama ada ia menjadi ahli PAS atau tidak. Buktinya apabila sembelihan seorang Islam yang kebetulan tidak menjadi penyokong PAS tidak akan diterima sebagai satu sembelihan yang halal. Dia tidak mengukur dari segi keimanan orang itu. Dia tidak mengukur dari segi amalan ibadat orang itu. Apakah ini yang dikehendaki oleh Islam? Pada pandangan saya ini bukan kehendak Islam sebab Islam itu diukur bukan daripada parti mana mereka menjadi ahli. Di Mekah tidak ada PAS, kata Yang Berhormat dari Marang, saya setuju. *(Ketawa)*

Soal ayat yang dibaca sebentar tadi, saya akui kepada siapa yang dituju, memang kepada kita yang harus berjuang untuk Islam. Apakah orang-orang PAS menganggap bahawa UMNO tidak memperjuangkan Islam? Sebab itu kita harus membezakan antara memperjuangkan Islam dari segi nama dan memperjuangkan Islam dari segi isi. PAS menekankan perjuangan Islam dari segi nama, apa yang tidak disebut Islam, itu bukan Islam. Tetapi UMNO memperjuangkan Islam dari segi isi yang memang orang PAS jahil mengenai isi, dia sahut nama sahaja, dia mungkin tidak faham.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bangun.

Tuan Zubir bin Embong: Saya ingat cukuplah sekali saya beri peluang sebab kalau giliran dia, saya hendak tanya, memang tak beri peluang pun. Saya ini sudah agak lenient, dengan izin, tetapi orang sudah bangun, berilah. *(Ketawa)*

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, Yang

Berhormat mengatakan kebaikan seseorang itu bukan terletak kepada parti ataupun politik, memang saya akui, tetapi di manakah Yang Berhormat dapat buktikan kebenaran itu duduk pada apa, pada pegangankah, pada amalankah ataupun kepada apa. Bolehkah satu orang kalau tidak betul keyakinan boleh dianggap orang itu benar dalam perjuangan? Apakah tugas orang mukmin kalau dia berjuang untuk apa, untuk menentang Islamkah ataupun untuk menyokong Islam?

Tuan Zubir bin Embong: Saya jawab ini. Tuan Yang di-Pertua, Nabi pernah berkata:

"Manqalalaila hailallah dahallaljannah".

"Siapa yang berkata tidak ada Tuhan melainkan Allah masuk syurga".

Kata sahaja: "manqalalaila hailallah dahallaljannah", siapa yang berkata "lailahailallah" masuk syurga. Itu kata sahaja ucapan. Ini ucapan Nabi-Hadis, bukan rekaan saya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Zubir bin Embong: Tidak payah, duduk! Atas apa? Point of order atau minta penjelasan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Hujah itu Nabi tuju kepada orang yang belum Islam . . .

Tuan Zubir bin Embong: Kalau minta penjelasan, tak beri. Tuan Yang di-Pertua, sila arahkan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa duduk, saya tak beri peluang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jangan memutarbelit. Saya terima tetapi jangan memutarbelit untuk menyesatkan orang yang sudah sesat. *(Ketawa)*

Tuan Zubir bin Embong: Saya menerangkan kepada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa supaya tidak sesat dan saya tidak memutarbelit perkara ini. Yang Berhormat dari Kuala Nerus sangat arif perkara ini, tetapi saya kesal dia kata dia mahu memperjuangkan Islam yang betul dan memberi nasihat serta mencegah apa-apa kemungkaran yang dilakukan oleh umat Islam, kenapa apabila Setiausaha Agung Parti Semangat 46 mengaitkan dan menyamakan perjuangan mereka dengan perjuangan Rasulullah, orang-orang PAS tidak pernah mengkritik dan memberi nasihat perkara ini, kenapa? Sebab Semangat 46 dengan PAS sudah berkahwin. Apakah boleh kita menyamakan satu perjuangan itu hanya untuk kepentingan kuasa sebagaimana didakwa oleh Setiausaha Agung Parti Semangat 46 mengatakan bahawa perjuangan mereka ini sama sebagai mana perjuangan Rasulullah. Perjuangan Rasulullah atas arahan Allah s.w.t. dan perjuangan Baginda bukan untuk kuasa, perjuangan Baginda bukan untuk pangkat, perjuangan Baginda bukan untuk kedudukan, tetapi perjuangan Semangat 46 berbeza sama sekali, kenapa orang PAS tidak mengkritik soal ini? Saya hendak tanya kalau betul mereka ikhlas terhadap Islam. Tidakkah ini satu kebiadapan terhadap Islam menyamakan perjuangan mereka dengan perjuangan Rasulullah yang suci itu. Rasulullah berkata tidak pernah mengikut hawa nafsu, tetapi orang-orang kita berkata manusia biasa mengikut hawa nafsu:

"Wamayantiqu anilhawa inhuaila wahyunduha".

Nabi itu berkata tidak mengikut hawa nafsu, tetapi kita berkata mengikut hawa nafsu, bagaimana mahu disamakan perjuangan ini? Mengapa orang PAS tidak mengkritik soal ini? Mengapa orang PAS tidak memberikan satu nasihat yang baik kepada Setiausaha Agung ini kalau betul mereka ikhlas terhadap perjuangan Rasulullah s.a.w. Tak boleh jawab? (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat jangan minta dia jawab. (*Ketawa*) Kalau hendak debatkan, di lain tempat.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sudut ekonomi...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasankah? Tengok, macam mana ini?

Tuan Zubir bin Embong: Tidak beri. Saya hendak teruskan, ada banyak lagi, panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya takut akan memakan masa orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan minta jawab.

Tuan Zubir bin Embong: Saya tak minta jawapan. Saya kata, dia tidak boleh jawab.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia minta penjelasan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sudut ekonomi pada tahun 1990 sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi...

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak beri?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tak beri.

Tuan Zubir bin Embong: Tak ertikah? (*Ketawa*). Kita juga melihat bahawa tahun 1990 sebagai satu tahun yang dibuat satu speculation, dengan izin, oleh beberapa golongan yang menganggapkan bahawa tahun 1990 dan selepasnya kuasa politik Melayu akan hancur, "Malay Dominance" akan tenggelam dan akan dikatakan bahawa

kekuatan kuasa politik Melayu akan tidak ada lagi di negara ini. Apabila keadaan yang sedemikian berlaku, maka tentulah ia mendatangkan satu rasa bimbang di kalangan orang-orang Melayu. Tetapi saya suka memberi ingatan bahawa terutama kepada orang-orang bukan Melayu, kenikmatan kedudukan mereka sekarang dari segi sosial, dari segi ekonomi, dari segi politik yang mereka nikmati dan rasai sekarang ini adalah kerana hasil tindakan yang liberal daripada pemimpin-pemimpin Melayu yang ada di negara ini dan pemimpin-pemimpin Melayu itu adalah pemimpin-pemimpin UMNO yang membentuk Kerajaan secara bersama mengundang orang-orang bukan Melayu secara bersama untuk mentadbir dan memerintah negara ini. Maka dengan sebab itu harus mereka menanamkan rasa kesetiakawanan yang hebat. Semangat kesetiakawanan harus ditepati dan mereka jangan cuba bermain untuk mencari keselamatan semata-mata.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat ini dan memberi amaran kepada orang-orang bukan Melayu. Seperti yang pernah kita dengar kata Yang Berhormat Menteri, Encik Lee Kim Sai, orang Melayu bukan rakyat asal negeri ini. Dalam memberi andaian ini apakah kalau bukan rakyat asal negeri ini memberi amaran kepada orang yang bukan rakyat asal juga.

Soalan yang kedua, saya juga mendengar kritik daripada Yang Berhormat tadi, terdapat ahli-ahli DAP yang bukan daripada orang Melayu mengkritik tentang Dasar Ekonomi Baru ataupun perbincangan dalam MPEN, ada beberapa perkara yang DAP tidak bersetuju. Adakah MCA dan MIC juga yang saya percaya mewakili duduk dalam MPEN bersetuju di atas perkara yang tidak dipersetujui oleh DAP ataupun tidak bersetuju apa yang DAP tidak setuju? Terima kasih.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin panjangkan ucapan saya tetapi saya sudah ditanya, biarlah saya terangkan awal supaya jadi senang. Saya

bercakap sedemikian memberi ingatan kepada orang-orang bukan Melayu kerana hanya UMNO sahaja, kerana pemimpin-pemimpin Melayu UMNO sahaja yang akan bersikap liberal terhadap mereka. Jangan harapkan pemimpin-pemimpin lain. Sebab selama 32 tahun pemimpin-pemimpin Melayu UMNO telah membuktikan sikap mereka yang tidak pernah berubah. Sebab itu saya memberi ingatan. Jangan cuba mereka mengharap orang lain untuk memberikan sikap yang liberal seperti ini. Sebab itu semangat setia kawan itu perlu ada pada mereka. Bukan hanya sekadar ucapan, tetapi juga dari segi amalan dan tindakan mereka.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Tidakkah beliau sedar bahawa kedudukan orang-orang bukan Melayu, khususnya orang-orang China dan orang-orang India di negara ini adalah hasil daripada usaha mereka dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dalam tahun 1950an? Itu yang pertama. Yang keduanya, tidakkah beliau bersetuju bahawa untuk setiap orang Ahli Parlimen ataupun ADUN yang ingin menang dalam pilihanraya umum ataupun pilihanraya kecil memerlukan sokongan daripada semua pihak, semua kaum? Itu sahaja.

Tuan Zubir bin Embong: Saya setuju, memang betul, sebab itu kita perlu ada setia kawan. Sebab itu saya beri ingatan tadi supaya tidak dilupa dan saya percaya tidak dilupakan. Memangnya ini sikap yang kita mahu supaya ada ingatan seperti ini. Ingat-mengingat ini bukan satu perkara yang salah. Kalau lupa, kita ingat, kalau sudah ingat akan bertambah ingat lagi, tidak salah, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak menyalahkan orang yang membuat spekulasi bahawa selepas tahun 1990 kuasa politik Melayu akan punah dan musnah. Saya tidak menyalahkan mereka untuk membuat andaian yang sedemikian kerana adalah keadaan-keadaannya. Pertama, kerana wujudnya perpecahan di kalangan orang-orang Melayu—wujudnya UMNO, wujudnya PAS, kemudian wujud

pula Parti Semangat 46. Kalau kita kaji sejarah, Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab wujudnya PAS? Ketika UMNO sudah mendapat kedudukan di hati orang-orang Melayu hasil penggembelangan tenaga pada tahun 1946, kemudian berjaya menumbangkan Malayan Union dan UMNO muncul sebagai satu-satunya parti yang boleh menyuarakan hak dan pandangan serta berjaya dan berdaya untuk menebus maruah orang-orang Melayu ketika itu, pada tahun 1951 PAS keluar kononnya mahu memperjuangkan Islam dan kononnya kalau berada dalam UMNO mereka tidak berupaya untuk memperjuangkan Islam. Tetapi kalau kita kaji kedudukan yang sebenar bukan kerana mahu memperjuangkan Islam, tetapi adalah kerana mahukan kuasa yang ada di tangan pemimpin-pemimpin Melayu pada waktu itu. Didorongkan oleh perasaan iri hati, didorongkan oleh perasaan dengki maka mereka mengambil dasar Islam kononnya mahu sebagai satu alasan untuk keluar dari UMNO, lalu mereka menuduh bahawa perjuangan UMNO adalah satu perjuangan yang sekular, perjuangan yang bertentangan dengan Islam.

Saya pernah berbahas dengan beberapa pemuda PAS mengenai soal sekular. Saya pernah bertanya pada mereka apa itu sekular yang mereka faham? Mereka tidak mengerti apa itu sekular sebenarnya dan mereka tidak dapat menerangkan apa itu sekular sebenarnya. Kecuali mereka boleh berkata bahawa sekular ialah "the separation between church and state" atau sekular itu ialah perpisahan di antara gereja dan negara. Saya kata kalau perpisahan di antara gereja dan negara, ertinya dia tidak boleh digunakan kepada Islam, tidak boleh digunakan dalam masyarakat Melayu. Di dalam masyarakat Melayu tidak ada perpisahan di antara masjid dan negara, sebab di Kuala Lumpur kita ada Masjid Negara. (Ketawa) Di negeri Terengganu ada Masjid Negeri, begitu juga di Kelantan. Ertinya tidak ada perpisahan dan kita tidak pernah berkata "God is there" sebagaimana dikatakan oleh filasauf Eropah ketika zaman secularisation yang berlaku di Eropah, kita tidak ada. Ertinya perkataan sekular itu ialah suatu istilah yang hidup

dalam pemikiran falsafah Eropah dan ia-nya wujud dan muncul kerana pengalaman Eropah itu sendiri dan bukan pengalaman kita. Maka kita tidak boleh menggunakan perkataan sedemikian untuk maksud dan tujuan kita. Tetapi kalau orang jahil dia tetap guna juga kerana dia mahu menuduh UMNO itu sebagai satu perjuangan yang bertentangan dengan Islam.

Begitu juga dia menuduh bahawa UMNO adalah satu parti nasionalis. Apa itu nasionalis? Diistilah dalam Bahasa Kebangsaan ia disebut semangat kebangsaan. Apa itu semangat kebangsaan? Kalau kita mengkaji sejarah dan baca buku-buku falsafah bahawa nasionalis ini juga merupakan satu idea yang muncul dalam pemikiran Eropah dan kemunculan perkataan nasionalis itu sendiri ialah kerana keadaan di Eropah pada waktu itu. Maka apakah kita boleh gunakan perkataan nasionalis itu maksud kita? Kalau kita pinjamkan pun perkataan itu maka ia mempunyai makna dan erti yang berbeza daripada makna yang dipakai dalam pemikiran falsafah Eropah. Maka dengan sebab itu kita tidak boleh menuduh bahawa UMNO bertentangan dengan Islam. Nasionalis yang dipakai oleh UMNO berbeza maknanya dengan nasionalis yang dipakai dalam pemikiran Eropah. Tetapi kerana orang PAS sudah dengki, iri hati melihat kedudukan kekuasaan pemimpin-pemimpin Melayu pada waktu itu, maka mereka terpaksa keluar kerana mahu menyaingi parti UMNO. Dan mereka keluar sebagai parti pembangkang, lalu beberapa fatwa demi fatwa mereka keluarkan seperti mengkafirkan orang-orang UMNO. Bila dia keluar sekali, dia kata kafir sekali. Bila dia masuk, perkataan kafir itu tenggelam. Kemudian dia keluar, dia kafirkan pula.

Seperti sekarang ini dia tidak kata kafir, kerana dia ada sahabat baru yang dahulunya ahli UMNO. Sebab itu dia tidak menggunakan perkataan kafir terhadap orang-orang Melayu sekarang yang tidak menyokong parti mereka. Parti Semangat 46 oleh kerana bersama dengan mereka, mereka tidak kata kafir. Tetapi malangnya saya dengar juga ucapan beberapa orang

pemimpin PAS mengatakan bahawa ahli-ahli Semangat 46 yang sudah berganding bahu dengan PAS ini ialah "muafak". Saya pun tidak faham. (*Ketawa*) Ini saya dengar sahaja, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa makna itu, Yang Berhormat?

Tuan Zubir bin Embong: "Muafak" ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak beritahu ialah orang-orang yang baru masuk Islam. Baca fatimah dia pelat, beri salam pun dia pelat. Saudara baru yang dijinakkan hati mereka.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan, bukan minta penjelasan-minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat tidak boleh minta jalan . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh minta jalan untuk minta penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak mengapalah, minta hendak bercakap, dia beri jalan. Saya asyik juga mendengar ceramah dan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Ada perkara-perkara yang saya kira bernas, ada perkara-perkara saya tidak tahu apakah tujuannya. Marah dia sangat kepada PAS, marah kepada Semangat 46, sebut perkataan "muafak". Apakah Yang Berhormat dari Kuala Terengganu takut bahawa dalam pilihanraya umum akan datang kerusi Kuala Terengganu akan terbang? Kalau itu yang dibimbangkan, saya rasa kita boleh berkira. Tak usahlah bantai, hentam tidak tentu fasal. Saya kira elok dipergunakan masa di Dewan Rakyat ini menumpukan kepada perbahasan Belanjawan bagi mencari manfaat kepada faedah semua pihak untuk kepentingan rakyat dan negara. Terima kasih.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok seekor gajah, kita mesti tengok semua, jangan kita tengok seperti orang buta, pegang ekor pun kata gajah, pegang telinga pun kata gajah, pegang tubuh pun kata gajah. Jadi, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas ini begitulah ibaratnya. Sebab ia tidak mengikuti ucapan saya berdakwah, saya membahaskan memang ucapan belanjawan yang saya bahas. Saya mula dengan tahun 1990 sebab ucapan belanjawan itu merujuk pada tahun 1990 dan apa yang berlaku pada tahun 1990 dari sudut ekonominya, dari sudut politiknya. Sekarang saya bahas dari sudut politik. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, kalau boleh dengarlah baik-baik, sebab ini akan sampai kepada Parti Semangat 46.

Tuan Yang di-Pertua, apabila sahaja sampai kepada tahun 1987, satu lagi perkara dan malapetaka menimpa umat Melayu. Kalau pada tahun 1951 Parti PAS sudah membentuk satu parti yang baru daripada sayap UMNO, tahun 1987 satu lagi peristiwa yang telah mencetuskan pepecahan di kalangan orang-orang Melayu, Semangat 46 dengan rasminya mereka telah mendaftarkan parti mereka, Semangat 46. Kalau kita tanya kenapa wujudnya Semangat 46. Orang kampung semua bertanya kenapa wujudnya Semangat 46. Pemimpin-pemimpin Semangat 46 masuk kampung, keluar kampung beri tahu bahawa kita ini adalah UMNO yang asal, kitalah parti UMNO yang asal dan parti UMNO yang lama sudah mati, tetapi kalau kita kaji sejarah, Tuan Yang di-Pertua, Semangat 46 adalah merupakan satu parti, susur galur kelahirannya, apabila timbul pertandingan 1987 dalam parti UNMO, golongan yang telah meletakkan diri mereka sebagai Team B dan cuba mendapatkan kedudukan serta pangkat dan jawatan dalam parti UMNO gagal, lalu mereka mempergunakan 11 orang anggota UMNO, ahli UMNO biasa untuk membawa tindakan ke mahkamah. Hasil daripada tindakan mahkamah ini menyebabkan UMNO telah diharamkan dan UMNO telahpun diharamkan. Apabila UMNO diharamkan, Team B ini dalam satu keadaan telah berkumpul di Pulau

Pinang kononnya mahu meraikan Harijadi Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, tetapi suasana perhimpunan untuk meraikan Harijadi Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah bertukar, telah menjadi suatu suasana yang lain di mana pembentukan UMNO Malaysia. Pada waktu itu semua tangan di kalangan pimpinan Parti Semangat 46 menuding kepada pimpinan UMNO yang ada. Kerana apa mereka berdiam diri tidak mahu menubuhkan UMNO tetapi dalam keadaan senyap-senyap mereka menubuhkan UMNO Malaysia. Malangnya barisan yang menubuhkan UMNO Malaysia tak seorang pun daripada kalangan mereka terdiri daripada Menteri ataupun Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, yang adanya semua bekas, bekas Timbalan Menteri, bekas Setiausaha Parlimen termasuk bekas Pengerusi Majuikan ada sama. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bekas Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan itu siapa?

Tuan Zubir bin Embong: TST, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Semuanya bekas. Jadi, kalau betul mereka mahu menghidupkan UMNO kenapa ini barisan yang harus dijadikan pimpinan? Kenapa tidak Perdana Menteri, kenapa tidak Timbalan Perdana Menteri, kenapa tidak Menteri? Kenapa mereka ini, apakah kedudukan mereka ini, tidak ada gunakah mereka ini?

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, apabila permohonan mereka tidak diluluskan untuk menubuhkan UMNO Malaysia, lalu mereka sekali lagi mengarahkan dan meminta Perdana Menteri supaya menggunakan Seksyen 70 Akta Pertubuhan untuk menyelamatkan UMNO. Perdana Menteri tidak menggunakan kuasanya selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Seksyen 70 untuk menghidupkan UMNO. Sekali lagi tangan mereka menuding kepada Perdana Menteri bahawa inilah orang yang mahu matikan UMNO. Dahulunya merekalah yang menggunakan kumpulan 11 untuk mematikan UMNO, kemudian secara senyap-senyap mahu menubuhkan UMNO Malaysia dan apabila UMNO Malaysia tidak direstui, tidak

dibenarkan penubuhan, mereka mengarahkan, meminta Perdana Menteri supaya menggunakan Seksyen 70 untuk menghidupkan semula UMNO.

Kalaulah Perdana Menteri menggunakan Seksyen 70 pada waktu itu, saya percaya inilah orang-orangnya yang akan bangun dan menghasut rakyat bahawa lihat Perdana Menteri yang diktator yang telah menggunakan kuasa Seksyen 70 semata-mata mahu menjaga kedudukan dan kekuasaannya sebagai Perdana Menteri tambah pula pada waktu itu sudah ada satu isu yang lain iaitu isu independence of the judiciary, kebebasan kehakiman. Tambah pula kes UMNO ini diputuskan oleh Badan Kehakiman. Pendek kata, kalau Perdana Menteri buat begitu pun salah, buat begini pun salah, tidak ada yang kena pada Perdana Menteri pada waktu itu. Jadi, apakah sebenarnya UMNO kepada Tunku Abdul Rahman yang pada waktu dia merasmikan mesyuarat agung, perhimpunan agung Semangat 46, ia berkata matikan UMNO, mengajak seluruh orang Melayu semua memusnahkan UMNO yang ada sekarang. Apakah UMNO pada Tuanku Abdul Rahman yang pada awalnya meminta supaya pucuk pimpinan menghidupkan UMNO.

Kepada saya, UMNO pada Tunku Abdul Rahman pada waktu itu tidak ada makna lain kecuali UMNO yang terdiri dari puak kalangan mereka, golongan mereka, penyokong mereka, yang bersimpati dengan mereka. Kalau ini tidak terdiri dari golongan-golongan ini, maka sebenarnya UMNO tidak ada pada mereka. Sebab itu Tunku Abdul Rahman dengan cara tidak segan dan silu mengajak seluruh orang Melayu supaya mematikan UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana nama UMNO itu satu yang amat baik, yang ada nilai dan goodwillnya, maka oleh sebab itu oleh kerana gagal memperolehi nama UMNO, maka mereka menamakan diri mereka sebagai Semangat 46.

Waktu saya di Tingkatan IV di sekolah menengah, saya telah membaca sejarah

tahun 1946. Pada bulan Mei, 1946 Al-Marhum Dato' Onn bin Jaafar telah meminta semua orang Melayu datang ke Johor Bahru, dari semua negeri, dari semua persatuan, dari semua pertubuhan untuk hadir di Johor Bahru, pada 11 Mei. Apakah sebenarnya tujuan kehadiran mereka. Pada waktu itu Sir Harold Mc Michael dalam kempennya kepada Raja-raja Melayu, meminta persetujuan kepada Raja-raja Melayu untuk bersetuju dengan gagasan Malayan Union yang mahu dikenakan kepada Tanah Melayu pada waktu itu. Pada waktu itu tidak ada jalan raya, pada waktu itu jalan perhubungan tidak seperti sekarang. Pada waktu itu orang Melayu serba lemah, dhaif, miskin. Berada di luar bandar. Tetapi oleh kerana semangat mereka, cinta mereka kepada negara, cinta mereka kepada bangsa, mereka dengan penuh susah payah datang ke Johor Bahru berhimpun di bawah permintaan dan rayuan Dato' Onn bin Jaafar. Pada waktu itu Dato Onn bin Jaafar berucap.

Pada hari ini, antara lain, kata Dato' Onn bin Jaafar, hari ini kita berhimpun dari semua negeri, dari semua daerah di kalangan orang-orang Melayu dan kita bergabung di sini di bawah satu payung yang bernama UMNO. Hari ini kita menenggelamkan rasa kedaerahan kita, kita menenggelamkan rasa kenegerian kita, kita menenggelamkan rasa kepersatuan kita dan kita juga menenggelamkan rasa kepertubuhan kita. Semuanya kita pendamkan perasaan-perasaan itu, tetapi kita sama-sama mengatakan kita orang Melayu dan berpayung di bawah UMNO.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Tuan Zubir bin Embong: Nanti sekejap, tidak habis lagi ini, mengenai Dato' Onn bin Jaafar. Sekejap lagi tanyalah, saya bukan tak beri peluang. Insya Allah, kalau Yang Berhormat dari Bagan Serai saya beri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Zubir bin Embong: Jadi, apakah saya sebagai orang yang berumur 16 tahun

pada waktu itu sudah mengerti bahawa inilah dia pengorbanan orang-orang Melayu, walaupun mereka susah, walaupun mereka menderita, walaupun payah untuk sampai ke Johor Bahru, berhari-hari baru boleh sampai ke Johor Bahru, tetapi mereka berkorban. Timbul semangat keinsafan dalam diri mereka, rasa kagum saya terhadap kumpulan manusia ini dan kerana perjuangan merekalah kita menjadi sebagaimana kita hari ini. Kalau tidak kerana perjuangan mereka, kita belum tentu sebagaimana kita hari ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kagum mendengar seorang ahli sejarah ketika umur 16 tahun . . .

Tuan Zubir bin Embong: Apa dia kata tadi?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Dato' Onn telah mengatakan bahawa semua orang Melayu mesti pendamkan perasaan kedaerahan, persatuan, pertubuhan dan bersatu di bawah UMNO. Ini memang noble. Hatinya tulus ikhlas. Bagaimana apabila Dr Mahathir mengisytiharkan UMNO (Baru) dan menyenaraikan bilangan pemimpin-pemimpin orang-orang Melayu tidak boleh menyertai UMNO (Baru)? Di mana letaknya keikhlasan Dr Mahathir sebagai Presiden UMNO (Baru) dengan perbandingannya dengan Dato' Onn yang juga hendak bawa, yang sudah mencipta sejarah membawa penyatuan orang-orang Melayu. Sejarah Dr Mahathir menyingkir, menindas, mengeluarkan ataupun menyenaraikan orang-orang ini tidak boleh menyertai UMNO (Baru) adalah satu sejarah yang diketahui umum. Minta ahli sejarah beri perbandingan ini.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya ambil satu iktibar, di dalam Islam kalau ayat Al-Quran itu yang turun awal kemudian ada ayat yang sama turun kemudian maka yang dahulu itu dianggap diterima. Begitu juga di dalam keputusan mahkamah. Kalau keputusan

mahkamah menyentuh perkara itu begini, kemudian datang pula keputusan yang lain mengenai perkara yang serupa, yang kemudian itu terpakai. Begitu juga dengan soal undang-undang dalam Parlimen. Yang tahun 1957 diluluskan kemudian tahun 1980 diluluskan mengenai perkara yang sama maka yang tahun 1957 itu dianggap batal. Mengapa disebut penyenaaraan? Kenapa tidak disebut tawaran untuk memasuki UMNO. (*Tepuk*) Kenapa dibesar-besarkan soal senarai hitam . . .

Dato' Zainal Abidin bin Zin: (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: . . .sedangkan perkara itu telah berlalu. Kenapa tidak disebut tawaran terbuka, jawatan Menteri, kedudukan dalam Majlis Tertinggi oleh Perdana Menteri. Kenapa itu tidak disebut? Kenapa itu yang ditimbul?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli dari Bagan Serai bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Zubir bin Embong: Di mana keikhlasan. Saya hendak terangkan ini, hendak tanya apa lagi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Hendak tanyalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat dari Bagan Serai.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya dengar ahli sejarah ini tidak faham . . .

Tuan Zubir bin Embong: Saya tidak mahu beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat dari Bagan Serai. Dia tidak beri jalan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ahli sejarah ini dia tidak faham.

Seorang Ahli: Ya, betullah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Zubir bin Embong: Saya tidak tahu sama ada saya tidak faham atau dia yang tidak faham.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia tidak faham.

Tuan Zubir bin Embong: Dia tidak faham, kata Yang Berhormat dari Marang. Bukan saya yang tidak faham.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bangun pula, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Zubir bin Embong: Tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak beri, sebab dia tidak boleh beri fahamlah itu.

Tuan Zubir bin Embong: Okay, beri. Tidak mahu? Tidak mahu tidak apa. (*Ketawa*)

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Dia beri?

Tuan Zubir bin Embong: Bila saya hendak bangun, dia hendak bangun. Bila saya hendak duduk, dia hendak duduk. Macam mana, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya persoalkan ini bukan masalah mengungkit. Sejarah adalah satu pelajaran, satu perkara yang juga diungkit membawa perkara silam kepada perkara sekarang. Dan perkara ini telah pun berlaku dan kalau perkara yang sudah berlaku tidak boleh diungkit, kenapa diungkit pula penubuhan Semangat 46? Kita jangan lari atas falsafah yang kita pegang. Kalau satu ketika kita pegang satu falsafah dan satu ketika lain untuk menyelamatkan kita, kita pegang falsafah lain, ini yang menjadi haru-biru dan perpecahan pada hari ini.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat dari Bagan Serai menyediakan satu forum untuk saya memperbahaskan dan memperdebatkan soal sejarah apa yang dimaksudkan sebentar tadi. Saya bersedia berdebat dengan beliau soal sejarah. Kalau itu diungkitkan soal persenaraian itu, pada sekian haribulan, soal penawaran pada sekian haribulan, itu dianggap sebagai sejarah. Saya sedia berdebat dengan beliau pada bila-bila masa.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Zubir bin Embong: Sila.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya telah faham, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dinyatakan tentang Semangat 46 dulu iaitu menentang penjajah, jaga bumi-putera, jaga Melayu, jaga negara, jaga tanahair, agama, bangsa dan sebagainya. Tetapi saya tidak faham, Semangat 46 sekarang ini apa dia? Nombor Totokah atau Nombor Ekor? (*Ketawa*)

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua . . .

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya rasa. . .

Tuan Zubir bin Embong: Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya panjang lagi. Saya takut makan masa dua jam, nanti Tuan Yang di-Pertua tidak benarkan saya bercakap. Saya hendak bercakap biar licin, smooth.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau panjang sangat nanti, saya suruh berhenti.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya minta jalan.

Tuan Zubir bin Embong: Tidak beri, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sebab dia cabar tadi . . .

Tuan Zubir bin Embong: Lepas ini saya tidak beri, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak capak terus.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Zubir bin Embong: Tidak payah, kalau hendak jawab, jawab di luar.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Berucap lepas ini.

Tuan Zubir bin Embong: Ya, berucap lepas ini. Tuan Yang di-Pertua, maka apakah sebenar ertinya Semangat 46 yang ada di hadapan mata kita sekarang. Kepada saya tidak lebih sebagai satu semangat yang menggambarkan cita-cita dalam tahun 1987. Semangat balas dendam, semangat kecewa kerana tidak memperolehi jawatan dan kedudukan dalam parti. Itu sahaja. Sebenarnya Parti Semangat 46 ini patut diubah dan dipinda, bukan Semangat 46 kerana Semangat 46 itu suatu semangat yang mulia, tinggi nilainya kepada orang Melayu. Tetapi semangat yang ada sekarang ialah semangat membalas dendam. Semangat kecewa, Rata-rata, kalau kita ambil satu dua tiga yang ada ini pun, minta maaf, memang begitu-kecewa.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun pula.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, adakah . . .

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, dia tidak benarkan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia beri.

Tuan Zubir bin Embong: Sila. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Adakah maksud Yang Berhormat itu bahawa Yang Berhormat dari Pasir Mas dan juga Yang Berhormat dari Bagan Serai itu kecewa?

Tuan Zubir bin Embong: Things speak for themselves, Tuan Yang di-Pertua. Kalau betul Semangat 46 satu parti yang mempunyai ideologi untuk memperjuangkan Melayu . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Tuan Zubir bin Embong: Tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak beri?

Tuan Zubir bin Embong: Tidak beri. Kalau betul Semangat 46 sebagai satu parti memperjuangkan ideologi, satu parti yang mengambil ideologi untuk memperjuangkan Melayu maka saya tidak nampak kenapa perlunya wujud Semangat 46. Sebab UMNO sudah membuktikan keupayaan dan kemampuannya membela nasib Melayu dan mereka tahu nahas yang akan menimpa umat Melayu kalau mereka tubuhkan Parti Semangat 46 seperti yang ada sekarang.

Saya bukan takut kerana soal kerusi Kuala Terengganu terlepas. Kepada saya itu tidak penting. Yang penting nasib orang Melayu. Yang penting kedudukan orang Melayu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun di belakang sana.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kenapakah Semangat

46 yang ada pada hari ini sanggup bersekongkol bukan sahaja dengan PAS tetapi dengan DAP yang ternyata anti-Melayu, tidak suka Raja-raja Melayu, tidak suka agama Islam sebagai agama rasmi, tidak suka bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi terutama seperti yang Berhormat dari Kepong dan juga yang lain-lain. Saya hendak minta penjelasan, termasuk Yang Berhormat dari Rasah.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, betullah, ucapan itu betullah. Kalau mana-mana parti politik yang mahu memperjuangkan nasib orang Melayu, umat Islam sendiri dia tidak mungkin boleh bersekongkol dengan parti DAP. Saya hendak beritahu kepada Semangat 46. Kalau percaya atau tidak percaya apa yang saya katakan ini, saya persilakan mereka supaya membaca buku "*Time Bomb in Malaysia, Crisis of Identity*". Ini merupakan satu kumpulan ucapan Ketua Pembangkang daripada Tanjong. Kelmarin pun . . .

Dato' Zainal Abidin bin Zin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Serai bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Zubir bin Embong: Ini saya baru hendak terangkan. Lepas saya terangkan, lepas itu tanya. Tunggu sekejap Dato' ya?

Kelmarin pun dia menyebut soal bagaimana perkara yang bertentangan dengan Islam. Tetapi PAS boleh terima mereka. Semangat 46 boleh terima mereka. Jadi bagaimana Semangat 46 dalam teriakan dan laungan mereka mengatakan bahawa merekalah UMNO asal! Kalau betul mereka ini UMNO asal bagaimana DAP boleh menerima mereka, sedangkan DAP tidak pernah boleh menerima UMNO asal. DAP tidak boleh menerima UMNO (Baru). Bagaimana kalau betul mereka UMNO asal, bagaimana PAS boleh menerima mereka sebab PAS tidak boleh menerima UMNO asal. Maka siapa sebenarnya UMNO asal? Tentulah UMNO (Baru) itu sebagai UMNO yang asal sebab UMNO (Baru) tidak boleh

diterima oleh PAS, tidak boleh diterima oleh DAP. DAP boleh menerima Semangat 46 dan Semangat 46 boleh menerima DAP. Lojiknya di situ. Kalau kita tanya pula, UMNO asal . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Zubir bin Embong: Sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, marah sungguh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu ini. Kecewa, bersekongkol dengan DAP, bekerjasama dengan PAS dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat setuju kalau saya cadangkan oleh kerana marahnya Yang Berhormat tadi supaya menggunakan RTM, bersyarah dan hentamlah habis-habis Semangat 46 ini ataupun buat syarahan di Tugu Negara, hentam habis-habis. Sebab cara Yang Berhormat bercakap tadi saya yakin bahawa Semangat 46 sudah bertambah kuat, kalau tidak, takkanlah melenting begitu sekali. Terima kasih.

Tuan Zubir bin Embong: Saya bukan melenting, Tuan Yang di-Pertua, rekod di dalam Parlimen ini akan dibaca. Sekurang-kurangnya saya sebagai ahli UMNO, sebagai Ahli Parlimen telah memperjelaskan, sebab ini akan dibaca oleh generasi yang akan datang. Sekurang-kurang saya telah pun melaksanakan tanggungjawab saya kepada bangsa dan negara. Sebab itu saya bercakap di sini, tidak guna saya pergi melolong, melaung di kampung-kampung kerana kadangkala rakyat ini, kalau kita hendak beritahu sesuatu perkara itu, oleh kerana taksub mereka, fahaman mereka yang sudah tertutup, mereka yang tertutup pintu hati tidak boleh terima penerangan kita.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ucapan Yang Berhormat dari Kuala Terengganu begitu lembut, begitu lemah, kenapa Yang Berhormat dari Kuala Terengganu tidak hentam habis-habis, kerana saya lihat parti Semangat 46 ini tidak mengerti-mengerti, tidak faham-faham. Dia sudah mulai takut dengan ucapan Yang Berhormat. Yang Berhormat hentam habislah (*Ketawa*).

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, rotan itu tidak semestinya keras seperti kayu, ia boleh dibentuk dan dilentur tetapi dia paling ditakuti. Saya kira ucapan yang lembut juga akan menikam telinga yang agak peka tetapi telinga yang pekak itu memang tidak ada apa-apalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada soal ekonomi pula. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana atas dasar jimat-cermatnya, ia mendatangkan satu kesan yang baik kepada ekonomi negara. Pencapaian ekonomi, kadar pertumbuhan ekonomi yang melebihi 7.5% untuk tahun 1988 satu kadar yang di luar jangkauan. Kedudukan kewangan negara yang kukuh dan stabil ini, ditambah pula dengan hutang luar negara yang dibayar mengikut tempoh dan kadang-kadang terdahulu daripada tempoh, menunjukkan hasil daripada prudent management, dengan izin. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan dan kakitangan Kerajaan yang telah bekerja sebagai satu team, yang telah menghasilkan kadar pertumbuhan ekonomi yang di luar jangkauan.

Walau bagaimanapun, saya suka mengingatkan Kerajaan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negara yang tinggi tidak akan bermakna kalau soal kemiskinan rakyat di luar bandar yang masih belum berbela, rakyat luar bandar yang dhaif kedudukan mereka tidak dibela, tetapi baru-baru ini saya merasa sukacita dan berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah memperuntukkan \$400 juta untuk menolong rakyat yang termiskin sama ada di luar bandar ataupun di bandar. Peruntukan \$400 juta yang dibuat oleh Kerajaan ini

menunjukkan satu sikap yang mengambil berat, satu soal tanggungjawab yang dipikul dengan penuh rasa kesedaran dan keinsafan. Tetapi sebenarnya hasrat dan tujuan Kerajaan untuk menolong mereka yang termiskin ini tidak akan terlaksana dengan baik dan jayanya kalau ianya tidak juga ada kesedaran di kalangan kakitangan Kerajaan sebagai golongan yang melaksanakan dasar itu. Saya merayu kepada golongan kakitangan Kerajaan supaya menyedari tentang hasrat suci Kerajaan dan sama-sama menggembelingkan tenaga untuk mencapai hasil sebagaimana yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat di luar bandar harus diberi penekanan yang kuat, sebabnya ialah kerana masyarakat di luar bandar keadaannya telah berubah. Masyarakat orang Melayu tidak sama sebagaimana masyarakat orang Melayu di masa tahun-tahun 50an, 60an ataupun 70an dahulu. Pada masa itu mobiliti sosial dilalui oleh masyarakat Melayu di luar bandar melalui pendidikan dan pelajaran. Seorang yang berjaya di dalam satu keluarga di luar bandar, dia boleh mempengaruhi keadaan keluarganya yang lain, kaum kerabatnya, waris-warisnya yang terdekat, tetapi sekarang peluang yang seperti itu sudah tidak ada.

Sekarang kalau seorang yang keluar daripada universiti dia terpaksa menganggur dan peluang pekerjaan terlalu sempit untuknya. Walau bagaimana tinggipun pendidikan dan pelajaran yang diperolehi, kelulusan yang diperolehi oleh seorang penuntut daripada luar bandar daripada masyarakat Melayu, dia tidak mungkin boleh mengubah keadaan keluarganya, apatah lagi masyarakatnya. Tetapi ini berbeza pada waktu dahulu. Seorang pelajar Melayu atau penuntut Melayu yang berjaya dari pusat pengajian tinggi ia akan memperolehi pekerjaan yang tetap, jawatan yang baik, pendapatan yang baik, maka dengan itu ia boleh mengubah suasana keadaan sosial keluarganya, masyarakatnya. Oleh sebab itu satu fikiran harus dibuat bagaimana untuk memperbaiki keadaan ini. Peluang yang ada pada orang-orang Melayu sudah tidak ada sebagaimana ianya ada pada waktu

dahulu. Sekarang ini kalau kita lihat dalam dunia persaingan seperti bidang perniagaan, ada beberapa faktor yang mempengaruhi kejayaan seseorang. Pertama, ialah modal; kedua, informasi; ketiga konteks, hubungan; dan keempat pengaruh.

Dari segi modal, ia akan mempengaruhi cara teknologi yang digunakan dalam perniagaan, dari segi informasi, dia akan mempengaruhi peluang yang bakal diperolehi seseorang dalam bidang perniagaan. Hampir keseluruhan faktor yang saya sebutkan itu tidak dipunyai oleh anak-anak Melayu daripada luar bandar, walaupun anak-anak Melayu itu berkelulusan dari sebuah pusat pengajian tinggi. Sikap dan pandangan mereka hanya Kerajaanlah merupakan sebagai majikan yang terbaik untuk mereka. Sebab itu mereka mengharapkan apa-apa daripada Kerajaan. Baik atau buruk semuanya mereka mengharapkan daripada Kerajaan sebab mereka tidak mempunyai faktor-faktor yang saya nyatakan tadi. Oleh kerana itu ia mewujudkan satu keadaan yang amat tidak adil kepada orang-orang Melayu daripada luar bandar. Hal inilah yang harus diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan kedudukan keusahawan Melayu yang digelar sebagai usahawan-usahawan Melayu. Apakah sebenarnya usahawan Melayu? Dalam keadaan masyarakat kita yang mengamalkan konsep free enterprise society di mana setiap orang boleh dan berpeluang untuk berlumba mengikut kemampuan, kecekapan seseorang dan mereka boleh membuat apa sahaja selagi ianya di dalam peraturan dan undang-undang. Apa yang sudah terjadi kepada Malay entrepreneur? Hari ini kita dengar ramai daripada mereka yang terpaksa gulung tikar.

Di dalam masyarakat free enterprise society, mereka terpaksa berdepan dengan beberapa sabotaj, beberapa tekaan. Saya bagi contoh, misalannya seorang peniaga kereta dan motosikal Melayu, dealer-sabotaj yang dilakukan oleh syarikat yang membekalkan motosikal dan kereta kepada usahawan Melayu ini, lebih kurang begini

caranya sebagaimana yang pernah diceritakan kepada saya. Kalau bekalan itu harus sampai dalam tempoh sebulan, maka bekalan itu dilambatkan kepada sebulan setengah, sedangkan orang yang membekalkan barang yang sama memberi dan menghantar bekalan itu kepada orang lain yang bukan daripada kalangan orang Melayu, bukan sahaja on time, bahkan lebih awal. Oleh kerana kita berada dalam satu masyarakat free enterprise society, maka para pelanggan sudah tidak lagi menaruh kepercayaan kepada pembekal Melayu itu. Maka mereka terpaksa beralih kepada dealer yang bukan Melayu. Lama mana dealer Melayu ini boleh bertahan? Lama kelamaan mereka terpaksa menutup kedai, maka mati seorang dealer Melayu, bukan kerana kelemahan pengurusan mereka tetapi ialah kerana ia disabotaj oleh syarikat pembekal yang berkenaan.

Begitu juga saya dengar seorang kontraktor Melayu yang membekal makanan kepada askar, seorang jutawan bukan Melayu pernah membeli seluruh sayur dalam bandar Kuala Lumpur, menyebabkan kontraktor Melayu ini tidak berupaya untuk membekalkan sayur yang cukup bagi dibekalkan kepada askar.

Maka terpaksa oleh kerana tidak keupayaan itu, maka terpaksa kontraktor itu ditamatkan perkhidmatan mereka. Inilah dia di antara contoh-contoh sabotaj yang dilakukan terhadap usahawan-usahawan Melayu.

Saya menyeru pihak Kerajaan supaya memerhatikan perkara ini. Kadangkala oleh kerana perbuatan yang sedemikian rupa menjadikan usahawan-usahawan Melayu tidak lagi dipercayai bukan sahaja oleh pelanggannya bahkan juga oleh kakitangan Kerajaan. Apabila menyebut usahawan Melayu mereka merasa kurang yakin dengan keupayaan dan kebolehannya. Sebab itu keadaan ketidakadilan ini mesti diperbaiki. Sebab itulah seorang penulis daripada Hongkong yang menulis berkenaan dengan soal "Free Enterprise Society". Kata beliau, "kita tidak pemerlu-

kan "Free Enterprise Society", mengikut penulis Hongkong ini. Ia mungkin menulis mengikut pengalamannya di Hongkong tetapi apa yang dikatakan yang penting ialah disiplin "Free Enterprise Society" yang tunduk kepada nilai-nilai budi, ethic, kasih-sayang, tolong-menolong di antara satu sama lain di mana kita boleh mewujudkan masyarakat disiplin "Free Enterprise Society". Inilah merupakan suatu tanggungjawab di pihak Kerajaan. Kalau kita mahu menyelamatkan negara ini, mahu mewujudkan keadilan sosial yang baik pada masa akan datang, perkara ini harus diberi penekanan.

Di negara kita kelihatan orang-orang bukan Melayu terutama orang Cina merupakan golongan yang dianggap paling berjaya dan berpengalaman dalam bidang perniagaan. Kejayaan dan pengalaman orang-orang bukan Melayu tidak membimbangkan orang Melayu. Saya rasa yang membimbangkan orang Melayu ialah sifat tamak dan haloba orang-orang bukan Melayu. Sebab itu luahan perasaan kurang senang dengan Dasar Ekonomi Baru merupakan suatu luahan perasaan yang tidak berasas. Mereka harus melihat kepada "reality" orang-orang Melayu yang masih perlu kepada pertolongan, yang masih perlu kepada bimbingan. Maka kalau orang-orang bukan Melayu sudah mula diasak oleh perasaan tamak dan haloba melihat apa yang dimiliki oleh orang Melayu kononnya merupakan satu ancaman kepada mereka, maka inilah yang akan menimbulkan rasa resah dan gelisah di kalangan orang-orang Melayu.

Ketika saya bersekolah rendah dahulu, soal tamak haloba ini merupakan satu ajaran yang tidak baik. Guru saya pernah bercerita. Dia menceritakan kepada darjah saya pada waktu itu, dia kata, "anta seperti anjing dengan bayang-bayang". Seekor anjing yang menggigit tulang dan melintasi satu sungai. Airnya jernih melalui sebatang jambatan lalu anjing melihat bayangnya sendiri dalam air. Lalu, dia menyalak kerana dia tidak suka anjing dalam air itu memiliki tulang sebagaimana ia memilikinya. Maka oleh kerana dia menyalak maka tulang yang

digigit olehnya jatuh ke dalam air dan akhirnya anjing itu rugu.

Maka kepada orang-orang bukan Melayu harus melihat cerita ini sebagai satu teladan untuk mereka contohi. Sifat tamak dan haloba ini tidak perlu dipakai kerana dalam mana-mana peradaban dan tamadun pun memang menentang dan tidak menggalakkan sifat tamak dan haloba.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di bawah pimpinan beliau, saya melihat bahawa negara kita telah berupaya muncul untuk menjadi sebuah negara berideologi. Kepada saya, apa yang telah beliau lakukan selama ini memaparkan bahawa beliau merupakan seorang pemimpin yang berideologi. Apakah maksud ideologi yang saya sebutkan tadi? Ideologi yang saya maksudkan ialah sebagaimana yang telah disebut oleh Almarhum Dr Ali Syariati, seorang ahli sosiologi Islam di abad ke 21 daripada Iran. Mengikuti Dr Ali Syariati, pemimpin yang berideologi ialah seorang pemimpin yang mempunyai pemikiran lalu mengutarakan suatu gagasan, konsep dan keyakinan. Gagasan, konsep dan keyakinan ini satu keadaan yang kritis terhadap *status quo* masyarakat negara yang dilihat daripada berbagai-bagai aspek sama ada aspek budaya, aspek ekonomi, aspek politik dan aspek moral. Pemikiran dan gagasan konsep yang dibawa olehnya ini merupakan satu keyakinan yang kecenderungannya untuk mengubah *status quo* masyarakatnya. Oleh itu ia terpaksa mengajukan satu perencanaan dan perancangan untuk tujuan yang ideal sebagai pengganti baru kepada *status quo* lama yang masih bertahan dalam masyarakatnya.

Dengan pengajuan rancangan ini, ia akan menimbulkan satu komitmen dan tanggungjawab dan ia sanggup menghadapi risiko sama ada risiko itu bersifat risiko politik ataupun risiko ekonomi dan sosial. Pelaksanaan itu dibuat penuh dengan rasa sadar dan dia merangka dan bertindak dengan jelas, disusun jalan kehidupan yang terang, jalan berfikir yang sesuai dan

akhirnya membentuk satu falsafah dalam sebuah negara itu. Kemudian ianya akan mencetuskan satu gerakan yang progresif dan kalau kita ambil definisi yang disebut oleh Dr Ali Syariati ini dan kita letakkan sebagai satu ukuran kepada apa yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sudah jelas kelihatan bahawa beliau layak untuk dipanggil sebagai seorang pemimpin yang berideologi. Di awal-awal ketika beliau memegang sebagai jawatan Perdana Menteri, beberapa perubahan lahir dan pemikiran yang bertunjangan jiwa telah mula diperkenalkan dalam pemerintahan negara seperti soal masa yang dahulunya dalam masyarakat budaya negara di anggap satu perkara yang tidak penting.

Sekarang, hari ini semua orang menilai masa dan itulah hasilnya daripada apa yang beliau tonjolkan pada satu ketika dahulu. Kakitangan Kerajaan terpaksa "punch card" masa bekerja dan masa balik.

Saya masih ingat ketika awal sistem ini diperkenalkan, beberapa orang memberi pendapat yang negatif mengatakan ini mungkin akan membantut kecerdasan, komitmen pegawai-pegawai Kerajaan bekerja terutama orang-orang PAS. Tetapi hari ini, perkara itu sudah tidak terjadi. Hari ini kita lihat bahawa sudah ada hasilnya dari segi produktiviti, dari segi efficiency, dari segi honesty bekerja, dari segi dedication terhadap pekerjaan dan tanggungjawab mereka. Begitu juga dengan slogan bersih, cekap dan amanah yang bukan maknanya sekadar sebagai lahir sahaja tetapi mempunyai makna yang dalam. Begitu juga dengan soal Dasar Pandang ke Timur. Semuanya ini untuk mengajak seluruh rakyat melihat dalam diri sendiri, mengukur diri sendiri untuk mencapai suatu "par-excellence" dalam perkhidmatan Kerajaan ataupun di peringkat swasta. Slogan seperti Kepimpinan Melalui Teladan, bagaimana pemimpin harus melakukan terlebih dahulu baru ianya boleh dicontohi oleh orang-orang bawahan dan bukan sekadar kepada pemimpin negara, bukan sekadar kepada pemimpin politik tetapi juga pada peringkat Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Syarikat

dan siapa sahaja yang bernama Ketua haruslah memulakan satu tindakan yang baik sebelum ianya dilakukan oleh orang-orang bawahan.

Saya melihat perubahan kepada masyarakat Malaysia, pada masyarakat negara dengan adanya dasar-dasar tersebut satu perkara yang amat mengagumkan. Satu perkara besar yang baru diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah Dasar Perindustrian. Kalau mengikut Alvin Toffler di abad ke-21 ini merupakan sudah masuk third wave-gelombang ketiga. Super automator. Maka ertinya Dasar Perindustrian ini merupakan gelombang kedua dan kalau dibandingkan dengan apa disebutkan oleh Alvin Toffler sebagai third wave itu, ertinya kita sudah jauh masih lagi ke belakang dan kita belum lagi bersama-sama dengan masyarakat dunia yang lain. Masyarakat Barat terutamanya sudah masuk golongan ketiga kerana kita masih berada di gelombang kedua.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Dasar Perindustrian Negara, saya suka mengingatkan Kerajaan pengalaman yang sedang dilalui oleh dunia barat sekarang, apa yang sudah ditempo oleh dunia barat sekarang hendaklah kita ambil sebagai contoh dan teladan supaya pengalaman yang dilalui oleh barat, kita tidak lalui hasil daripada Dasar Perindustrian Negara ini. Tidak ada salahnya kepada Dasar Perindustrian Negara, tetapi apa yang telah dilalui oleh masyarakat barat kesannya terhadap sosial, kesannya terhadap ekonomi, kesannya terhadap pemikiran, kesannya terhadap sikap orang-orang barat sekarang harus diambilkira supaya ianya tidak berlaku kepada masyarakat di negara ini pada masa akan datang. Yang perlu kita wujudkan ialah keseimbangan. Keseimbangan ini penting kerana apa yang berlaku di barat itu tidak akan berlaku di tempat kita, keluhan orang-orang barat sendiri terhadap kemajuan yang dilalui oleh negara mereka adalah hasil dari kemajuan sains dan teknologi sebagai sebuah negeri perindustrian. Sebagaimana dalam sebuah buku yang ditulis oleh seorang Paderi Kristian yang

bertajuk "Future Lies In Our Hands", dia kata:

"Oleh kerana kemajuan perindustrian menyebabkan kemajuan ekonomi, suatu kesan yang jelas yang kita lihat ialah masa bekerja dalam seminggu itu bertambah pendek, kemudian dikurangkan kepada 30 jam, kemudian working years dikurangkan pula kepada 9 bulan.

Dalam tahun 1965 di Amerika katanya, 69 juta kereta, 60 juta TV set, 77.7 juta bot dan yachts. Dalam masa yang sama orang-orang Amerika menghabiskan belanja US\$30 billion untuk holiday, 2/5 daripada barang-barang mereka ialah barang-barang mewah (luxury) US\$15 billion dibelanjakan untuk kosmetik semata-mata. Taraf kehidupan mereka pula lima kali lebih baik dari tahun 1800, 60 tahun akan datang ia mungkin lebih lima kali lebih tinggi daripada apa yang berlaku sekarang."

Begitulah optimistiknya vиси kehidupan bagi rakyat Amerika. Tetapi penulis ini bertanya "We ask ourselves. Does this mean that life will be five times richer, happier and more humane as well?". Statistik jenayah yang ada di Amerika telah menunjukkan bukan five times happier, bahkan sebaliknya kerana di Amerika ada orang yang amat susah, bukan five times more humane. Di Amerika orang lebih tidak berperikemanusiaan. Inilah dia akibat yang berlaku kerana kemajuan perindustrian. Keluhan yang begini menggambarkan kekuatan perindustrian yang bergantung kepada sains dan teknologi adalah merupakan satu perkara yang mengecewakan.

Pada pandangan saya, kalau kita kaji pembangunan itu atau kemajuan itu haruslah diwujudkan untuk manusia tetapi kita harus bertanya siapa manusia itu? Kalau kita bertanya siapa manusia itu? Siapa kita? Kerana kita manusia, siapa kita? Keluhan yang disebut oleh penulis Amerika itu disokong oleh kenyataan Setiausaha Agung

Bangsa-bangsa Bersatu dalam tahun 1972. Ia berkata: "In spite of material progress, human life has never been less secured than it is nowadays. Different form of crime, personal and public thefts, deceit, corruption and organised robberies represent a high price for modern way of life and progress". Sehingga dibuat satu kesimpulan dengan mengatakan bahawa "We are able to create a civilised society but with uncivilised people whereas ancient society has represented and uncivilised society but with civilised people."

Tuan Yang di-Pertua, mengenal diri sendiri sebelum pembangunan itu didatangkan adalah merupakan perkara yang penting dan akan menjamin bahawa kita tidak akan mengulangi pengalaman pahit yang dilalui oleh barat. Bagaimana untuk mengenal diri sendiri? Ini juga satu persoalan yang payah dan sukar untuk di jawab. Saya pulangkan perkara ini kepada golongan ulama, kepada golongan cendekiawan, kepada golongan intelektual, kepada golongan seniman-seniman, artis-artis untuk bekerja dan berbincang, bermuzakarah perkara ini, kerana perkara ini penting untuk dijadikan sebahagian daripada Dasar Perindustrian Negara, tanpa perkara ini dilihat sebagai perkara yang penting, saya tidak nampak Dasar Perindustrian Negara ini boleh mendatangkan kemakmuran kepada rakyat Malaysia dalam jangka masa yang panjang kerana apa yang berlaku di barat pasti akan berlaku di sini. Apa yang dialami oleh orang-orang Amerika akan juga dialami oleh rakyat di sini, maka dengan sebab itu biarlah pembangunan itu sesuai dengan fitrah, kehendak insan itu sendiri, sebab tidak ada gunanya kita membuat pembangunan tetapi untuk menghancurkan manusia itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu, saya masih optimistik bahawa apa yang dialami oleh barat, mungkin kita dapat lari kerana wujudnya beberapa perkara dan dasar baru dalam negara sekarang, di antara yang terbesar ialah reformasi pendidikan.

Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang telah

membawa perkara ini, kerana reformasi pendidikan ini telah dilihat sebagai satu keperluan negara pada masa sekarang, yang bertujuan untuk melahirkan insan yang bersepadu "integrated man". Integrated manlah atau insan bersepadulah sebagaimana yang dimaksudkan oleh reformasi pendidikan yang akan berupaya untuk mencapai kemajuan negara pada masa akan datang.

Kalau saya rumus reformasi pendidikan ini merupakan suatu refleksi kepada intellectual originality, suatu vision yang berkehendakkan penyediaan generasi yang sambung-menyambung untuk terus bangun serta mempertahankan negara yang berideologi ini. Hal ini tidak dapat dipikul oleh lain-lain mutu manusia kecuali oleh integrated men, dengan sebab iaitu saya bagi pihak penduduk dan pengundi kawasan Kuala Terengganu mengucapkan syabas sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Kita mengharap masyarakat yang akan kita lahirkan berikutan dengan reformasi pendidikan ini suatu masyarakat yang baik, bukannya satu masyarakat sebagai "The pirates of Scandinavian Society" satu masyarakat yang bermalu, satu masyarakat yang beriman, satu masyarakat yang berbudi pekerti yang tinggi, satu masyarakat yang bertanggungjawab, bukan sahaja terhadap diri mereka bahkan juga terhadap bangsa, terhadap negara dan agama. Walau bagaimanapun beberapa perkara perlu dilihat dalam isi reformasi pendidikan, antaranya mengenai sukatan matapelajaran.

Saya diberitahu ada beberapa matapelajaran yang belum berubah untuk disesuaikan dengan reformasi pendidikan seperti matapelajaran sejarah. Sejarah yang diajar dahulu, Tuan Yang di-Pertua; dan juga sekarang kepada saya lebih merupakan fakta-fakta atau sebagai perkataan yang digunakan dalam kamus, sungguhpun ianya menjelaskan kebenaran maknanya, tetapi secara keseluruhan dia tidak mengandungi apa-apa makna, sebab pengumuman itu hanya berdasarkan kepada "huruf abjad", keseluruhannya ia tidak berubah dan tidak berupaya untuk membentuk apa-apa konsep

yang dapat menayangkan maksud, gambaran, pandangan hidup masyarakat yang menggunakannya.

Oleh itu, sejarah dalam falsafahnya harus memilih apa-apa yang hendak dikaji. Ia juga harus mengasingkan apa yang hendak dicatat dari bahan-bahan yang tidak terbatas. Ia juga harus memuatkan apa yang hendak dilaporkan dengan tujuan bagi menayangkan gambar yang terdiri daripada sifat-sifat tertentu yang akan menjamin hakikat bangsa atau negara itu sendiri. Ia tidak harus jadi sebagaimana yang disebut oleh sebuah pantun lama:

Sifat sejarah menurut orang,
Ibarat pentas bermain wayang;
Ceritera lampau dihurai dalam,
Apabila tamat segera diulang.

Bagaimanakah sejarah yang diajar di sekolah sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, seperti soal Sejarah Tanah Melayu. Sebenarnya Sejarah Tanah Melayu ini bukan sebenar Sejarah Tanah Melayu, ia lebih merupakan Sejarah Inggeris di Tanah Melayu. Penulis sejarah yang saya belajar di Sekolah Menengah, ia menggambarkan dan menceritakan kedudukan bagaimana keadaan Raja-raja Melayu yang berperang sama sendiri kerana merebut kuasa; digambarkan bahawa pembesar-pembesar Melayu tidak bertanggungjawab dan masa mereka dihabiskan dengan bermain judi semata-mata. Tetapi digambarkan pula orang-orang Inggeris sebagai orang yang berwibawa dalam pemerintahan negara. Tanah Melayu digambarkan sebagai sebuah negara yang huru-hara, tidak ada undang-undang, pembesarnya koyak-rabak, bermain judi, bersabung ayam. Apabila datang Inggeris seperti Sir Andrew Clarke, digambarkan Sir Andrew seorang yang mempunyai personaliti yang baik, pendidikan yang tinggi dan kedatangan beliau telah mengubah suasana yang berlaku di Tanah Melayu daripada sebuah negara yang negerinya tidak ada undang-undang ada undang-undang; sebuah negeri yang tidak ada sistem pentadbiran ada sistem pentadbiran; sebuah negeri yang tidak ada mahkamah diadakan mahkamah, apabila datang Inggeris.

Apa maknanya sejarah seperti ini kepada saya apabila saya membaca ini sejarah negara saya. Kepada saya, apabila saya membaca sejarah negara saya seperti ini, saya tidak mahu membaca sejarah negara saya seperti ini kerana sejarah ini jijik kepada saya, satu penghinaan kepada saya, satu perkara yang tidak patut dibaca kerana ianya menghina Raja-raja Melayu, menghina orang-orang Melayu, menghina pembesar-pembesar Melayu, seolah-olah orang-orang Melayu tidak ada tamadun, orang-orang Melayu tidak ada pembangunan, orang-orang Melayu tidak ada Kerajaan, orang-orang Melayu tidak ada undang-undang. Dan kalau beginilah sejarah, saya akan menutup mata lalu saya memandangi Inggeris, memandangi orang-orang Inggeris, penjajah dan memuji mereka sebagai sumber aspirasi, dan hanya dengan kedatangan mereka maka negara berubah. Kalau mereka tidak datang, negara tidak berubah, negara tidak bertamadun, negara tidak mempunyai kemajuan.

Maka, kalau sejarah yang seperti ini, bagaimana kita boleh menanamkan rasa bangga terhadap negara, bagaimana kita boleh menanamkan rasa cinta terhadap negara. Apa yang ditanam daripada sejarah seperti ini ialah rasa rendah diri apabila berhadapan dengan penjajah Inggeris, inferiority complex berkembang dan ini memang terjadi. Sebab itu orang-orang Melayu, anak-anak Melayu apabila mereka masuk ke sekolah Inggeris, mereka merasa bangga; kemudian mereka dihantar ke luar negeri dan pulang ke tanahair sendiri apabila tamat belajar, mereka akan berlagak lebih daripada Inggeris, sebab apa-apa dasar yang mahu dibuat selepas itu yang bersifat kebangsaan, yang bersifat cinta kepada negara tidak mungkin dapat dilaksanakan.

Sebab itu, dasar Bahasa Kebangsaan terpaksa mengambil masa 32 tahun barulah kita boleh luluskan di Parlimen ini untuk ianya dilaksanakan di mahkamah-mahkamah di Malaysia. Itu selepas daripada 32 tahun merdeka, bayangkanlah. Itulah kesan, salah satu daripada kesan ialah kerana pelajaran sejarah, rasa keyakinan pada diri sendiri tidak ada, rasa bangga

terhadap diri sendiri tidak ada, kerana ia melihat asal-usul mereka sebagai golongan yang rendah dan tidak bertamadun. Sebab itu sejarah ini harus dipandang dengan mata kepala kita sendiri, dipandang dengan citarasa kita sendiri, dipandang dengan kehendak kita sendiri.

Dalam suatu kisah lama seperti "Laila dan Majnun"—kalau boleh saya bercerita kepada Dewan yang mulia ini—"Laila dan Majnun"—Laila ini seorang perempuan yang cantik, Majnun ini seorang lelaki yang hitam legam. Pada suatu hari Sultan Mahmud Ghasnawi dari India, telah meminang Laila untuk dijadikan isterinya tetapi Laila menolak. Laila telah dibawa ke istana, Laila bermati-matian tidak mahu kepada Sultan Mahmud Ghaznawi walaupun Mahmud Ghaznawi itu seorang Raja yang tampan, segak, walaupun seorang Raja yang kaya, berkuasa tetapi ia tidak menawan hati Laila. Lalu Raja bertanya, kenapa Laila tidak terpaut dengannya dan siapakah lelaki yang menjadi idaman Laila.

Laila menyebut, lelaki yang menjadi idamannya ialah Majnun. Lalu Raja memerintah Majnun ini ditangkap dan dibawa ke hadapan baginda. Majnun ditangkap dan dibawa ke hadapan baginda dan ditunjukkan kepada Laila. Majnun ini seorang lelaki yang hodoh, hitam legam-mengikut ceritanya, Tuan Yang di-Pertua-tetapi dalam wayang gambar digambarkan lelaki yang baik, digambarkan lelaki yang segak, tetapi cerita asalnya lelaki yang hitam legam, Tuan Yang di-Pertua. Lalu Sultan Mahmud Ghaznawi bertanya kepada Laila: "Inikah dia lelaki yang kamu cintai, dengan muka yang begini hodoh, dengan kulit yang hitam legam?" Kata Laila dengan tenang: "Saya memandang dengan mata hati dan citarasa saya dan saya cinta kepada Majnun. Tuanku sahaja memandang Majnun ini hitam, Tuanku sahaja memandang Majnun ini hodoh, tetapi patik memandang Majnun ini segak, tampan dan hebat".

Maka begitulah juga dengan sejarah, Tuan Yang di-Pertua. Ia harus dilihat dengan mata dan citarasa kita sendiri. Sebab itu hari ini kita lihat rata-rata, penulis Sejarah Tanah Melayu bukannya terdiri daripada

orang-orang negara ini, ia terdiri daripada orang-orang luar. Inilah kekurangan yang ada pada kita dan Kementerian Pendidikan harus berikhtiar untuk mewujudkan sejarah sendiri yang ditulis oleh anak bangsa sendiri supaya penulisan itu menepati kehendak dan citarasa kita, dan bukan dilihat dengan citarasa orang lain. Inilah yang penting untuk generasi muda Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Contohnya, saya telah ditanya oleh seorang pelajar bukan Melayu, yang bertanya kepada saya: "Kenapakah orang Melayu diberi keistimewaan, kenapa orang Melayu diberi kedudukan yang tinggi, kenapa kita orang-orang bukan Melayu dipandang rendah sebagai rakyat kelas dua, kenapa anak Melayu diberi biasiswa, kita tidak diberi biasiswa? Kenapa anak Melayu walau dapat markah kecil dan rendah boleh masuk universiti, kita dapat markah tinggi tidak dapat masuk universiti?" Saya agak susah juga hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu.

Kalau persoalan yang sedemikian ditanya, apakah sebenarnya refleksi daripada soalan itu? Refleksinya tidak lain dan tidak bukan ialah kerana dia buta sejarah, dia tidak diajar sejarah, tidak ditunjuk sejarah yang sebenar, tidak diberitahu bagaimana pakatan antara orang-orang bukan Melayu dengan Melayu, bagaimana perjuangan orang Melayu, bagaimana soal kerakyatan ini tidak pernah timbul di masa sebelum tahun 1957 di waktu Inggeris memerintah. Kenapa sekarang sesudah merdeka sahaja soal kerakyatan ini timbul, kenapa pada waktu itu tidak timbul dan kenapa orang Melayu diberi hak yang istimewa, bagaimana peruntukan dalam Perlembagaan itu dicapai, bagaimana perjanjian antara orang Melayu dengan bukan Melayu, bagaimana orang Melayu memberikan hak kerakyatan kepada orang-orang bukan Melayu, diterima sebagai rakyat negara ini, kedudukan sama dengan mereka, boleh berpolitik boleh menjalankan perniagaan, boleh hidup sebagai rakyat dan dijaga ketenteraman dan keselamatan mereka sebagaimana juga orang Melayu dijaga. Hal ini tidak diterangkan dengan jelas.

Saya tidak boleh hendak mengharapkan golongan seperti DAP untuk menerangkan perkara ini, kerana perkara ini tidak menguntungkan politik mereka, sebab itu mereka tidak menerangkan perkara ini. Kalau betul mereka cinta kepada negara, kalau betul mereka sayang kepada negara, tentu mereka berperanan untuk menerangkan perkara-perkara yang kecil seperti ini. Anak-anak muda, contohnya anak muda bukan Melayu yang bertanya kepada saya tadi, seorang anak muda yang innocent, yang tidak bersalah, tetapi oleh kerana gambaran sebenar tidak diajar dan ditunjukkan kepada mereka. Sebab itu peranan sejarah ini penting, sekurang-kurangnya apabila mereka mengetahui perkara ini tidaklah mereka mengungkit membabi buta, mereka tahu bahawa ada logik, ada rationale di belakang kenapa ia dilaksanakan, kenapa ini dilakukan sedemikian rupa.

Orang Melayu 40 tahun diperintah dan dijajah, tidak ada pembelaan dibuat terhadap orang Melayu, hanya selepas merdeka baharu nasib orang Melayu mula dibela, ia tidak mungkin terbela kalau 400 tahun ditindas, tidak mungkin terbela nasib mereka dalam tempoh 32 tahun, tidak seimbang, sebab itu pandangan jauh yang dibuat dengan Dasar Ekonomi Baru sebagai satu ikhtiar untuk memperimbang keadaan yang tidak seimbang ini. Hal ini harus difahami oleh orang-orang bukan Melayu, bukan kita bercakap mengikut sentimen perkauman, kerana kita tahu bahawa kestabilan politik, kestabilan negara yang ada di negara kita ini tidak mungkin wujud kalau hanya orang bukan Melayu sahaja yang kaya dan orang Melayu miskin, masih belum berubah nasib mereka. Maka dengan sebab itu harus wujud perimbangan, sekurang-kurangnya bukan ada "accumulation of wealth" tetapi yang wujud ialah "distribution of wealth", dengan izin.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Marang bangun— "distribution of wealth" dan "accumulation of wealth".

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak faham juga benda apa itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak berapa faham juga.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta dia terangkan, Tuan Yang di-Pertua, itu satu. Yang kedua, adakah patut kita ajarkan sejarah terutama kepada Pembangkang DAP ini, kerana dia mungkin tidak faham sejarah maka ia berperangai macam itu, dan juga akhir-akhir ini budak-budak baru (Semangat 46) ini dia mungkin tidak faham sejarah, sebab itu dia buat kacau-bilau sedikit, sehingga dia lupa kepada sejarah pertuanan bangsa, sejarah perjuangan bangsa sehingga dia sanggup gadai maruah, bercampur aduk dengan DAP yang dahulu diludah, dicaci, tetapi hari ini dijilat balik. Terangkan sedikit, saya tidak berapa ertilah.

Tuan Zubir bin Embong: Yang sebenarnya Yang Berhormat dari Marang sudah terangkan. "Accumulation of wealth" ialah menghimpunkan kekayaan, "distribution of wealth" ialah membahagikan kekayaan. Jadi, yang kita maksudkan, yang kita kehendaki ialah supaya ada "distribution of wealth", tetapi oleh kerana sistem ekonomi di negara kita ini merupakan satu sistem yang berdasarkan kepada "free enterprise society" maka dengan sebab itu perlumbaan ini memungkinan orang yang berupaya dengan modal, berupaya dengan informasi, berupaya dengan teknologi, berupaya dengan "contacts", pengaruh dan berbagai lagi akan boleh untuk menghimpun menjadikan "wealth" itu, kekayaan itu dalam satu tangan atau satu kumpulan. Tetapi yang kita mahu ialah "distribution of wealth", sebab itu pembelaan dengan Dasar Ekonomi Baru itu harus dan wajar untuk disokong.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mewujudkan dalam negara kita ini orang-orang yang berupaya menggambarkan pemikiran yang merdeka dalam menulis sejarah.

Saya beri contoh, misalnya seperti Professor Dr Syed Naguib Al-Attas, dalam

buku yang berjudul "Islam dalam Sejarah Melayu" yang merupakan suatu buku yang menggambarkan "originality of thought" (keaslian pemikiran). Maka orang-orang seperti inilah dan kalau boleh saya hendak minta supaya Menteri Pendidikan menjadikan "Islam Dalam Sejarah Melayu" ini sebagai satu teks yang mesti dibaca oleh pelajar-pelajar kita sama ada di sekolah menengah ataupun di universiti supaya boleh mereka mengenali sejarah bangsa dan mengenali sejarah negara. Maka ini juga satu cabaran kepada pusat-pusat pengajian tinggi. Mereka yang bergelar sebagai profesor, mereka yang bergelar sebagai Profesor Madya atau lecturer atau pensyarah yang berpengalaman harus mengambil peluang untuk menulis sejarah bangsa, menulis sejarah negara dan jangan biarkan orang luar menulis, kerana orang luar menulis tidak menurut sebagaimana yang kita kehendaki, tidak ada "originality of thought".

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mewujudkan negara berideology dan berbudaya dengan dasar yang telah disebutkan tadi juga, reformasi pendidikan, saya berpendapat kekuatan pertahanan negara juga harus diambil kira. Kerana tidak ada maknanya kalau negara kita ini negara yang berideologi, negara yang berbudaya, tetapi sebenarnya kita tidak kuat dari segi pertahanan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Angkatan Tentera dan Polis yang telah berjaya mengekalkan keamanan negara dan saya sanjung tinggi pengorbanan yang dibuat oleh mereka selama ini.

Saya juga mengucapkan syabas kepada Kerajaan yang baru-baru ini telah mengadakan satu perjanjian dengan Great Britain untuk membeli kelengkapan peperangan bagi maksud pertahanan negara. Kuat atau lemahnya sesuatu negara itu bukan bergantung kepada bilangan kapal terbang yang kita ada, bukan bergantung kepada bilangan kapal perang yang kita ada, bukan bergantung kepada bilangan tentera yang kita ada, tetapi dia bergantung sebagaimana yang disebut oleh Von Hornish, seorang ahli fikir mengenai peperangan yang diambil dan dipetik oleh Paul Kennedy dalam buku

"The Rise and Fall of the Great Power", kata beliau, "Whether a nation becomes mighty or rich or not depends on the abundance or security of its powers and riches but principally on whether it never forces more or less of it". Kalau jiran kita mempunyai kelengkapan peperangan yang kurang daripada kita bererti kita kuat, tetapi kalau jiran kita mempunyai kelengkapan peperangan yang lebih besar daripada kita maka kita lemah, ertinya kita meletakkan negara kita dalam keadaan yang tidak menentu dari segi keamanan dan pertahanan.

Saya tidak menganjurkan kepada Kerajaan untuk mengambil prinsip ini dengan secepatnya kerana saya insaf dan sedar bahawa prinsip ini akan membawa kepada perlumbaan senjata di kalangan bangsa dan negara di rantau ini. Tetapi walau bagaimanapun kita harus memikirkan perkara ini dengan bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya ialah saya hendak sebut juga berkenaan dengan soal Angkatan Tentera. Saya baru-baru ini diberitahu bahawa Angkatan Tentera dibekalkan dengan makanan daging, tetapi malangnya daging ini diimport dari sebuah negara yang mengadu-urus berniaga dengan kita, tetapi daging ini kadangkala berusia 5 tahun atau 10 tahun. Bagaimana kita boleh beri makan kepada tentera kita sedangkan tentera kita ini kita hendakkan tentera yang gagah. Kalau kita bekalkan dengan makanan yang berusia 10 tahun atau 15 tahun, bagaimana? Apakah mutu tentera kita dari segi physical fitness, maka dengan sebab itu saya minta Kementerian Pertahanan melihat perkara ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun pula.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Tanya sedikit, daging ini dia sembelih atau tidak?

Tuan Zubir bin Embong: Daging ini memang halal, katanya, Tuan Yang

Pertua. Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, negara berideologi dan berbudaya ini memerlukan juga generasi muda yang dibentuk dengan baiknya dan saya merasa kesal dengan apa yang dimainkan oleh Kementerian Penerangan pada masa sekarang. Apa yang saya hendak sebut satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, iaitu penonjolan "rock" di dalam televisyen di negara kita sehingga ianya sudah menjadi satu budaya yang baru di kalangan generasi muda dan saya merasa kesal dengan perkara ini. Apakah Kementerian Penerangan tidak memikirkan perkara ini, bagaimana asalnya "rock"—Freo Chapra, seorang penulis dan pemikir saintis dari barat, dia menerangkan bahawa "rock" ini merupakan "counter culture", dalam sebuah bukunya yang bertajuk "Uncommon Wisdom", bagaimana hubungan "rock" dengan perkara-perkara yang lain? Perkara ini saya minta supaya Menteri Penerangan mengambil tindakan.

Baru-baru ini dalam televisyen "Rock Kingsway" dipamerkan kumpulan "rock" yang keadaan wajah dan fizikal mereka itu, saya tidak fahamlah, Tuan Yang di-Pertua, susah untuk kita jadikan orang ini sebagai example yang boleh diikuti oleh generasi muda kita di kampung-kampung.

Kemudian pula pukul 2.00 pagi radio pun interview kumpulan rock ini, seolah-olah ia mengambil alih sebagai satu budaya yang dominal di kalangan pemuda dan pemuda kita di negara kita pada hari ini. Mengikut Freo Chapra, saya petik apa yang disebut oleh Freo Chapra:

"This sub-culture was immediately identifiable and tightly bound together. It had its own rituals. It uses poetry, literature and common fascination with spirituality on occult and shared the vision of a peaceful and beautiful society. Rock music and psychiadelic drugs were powerful bonds that strongly influenced the art and life-style of the hippie culture."

Kalau inilah yang diterangkan oleh Freo Chapra, orang yang penuh terlibat dan menjadi hippies, maka saya tidak nampak bagaimana rock ini harus dipopularkan

melalui mass media seperti televisyen. Maka saya minta supaya Menteri Penerangan melihat perkara ini dan inilah yang akan merosakkan sebuah negara berideologi dan negara yang berbudaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itulah sahaja yang dapat saya terangkan, yang dapat saya sebutkan dalam ucapan ini dan saya tidak mempunyai hasrat lain tetapi tujuannya ialah untuk mencapai suatu vision sebagaimana yang diharapkan oleh Perdana Menteri dan ianya tidak mungkin dapat dilaksanakan kalau tidak ada penyatuan pemikiran dan juga penyatuan tindakan di kalangan rakyat jelata negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.12 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian, bagi membahas Belanjawan negara tahun 1990 dan Usul yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan sebagaimana yang ada di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat tergamam dengan pengumuman Belanjawan 1990 kerana Belanjawan ini dapat menyolek wajah Kerajaan menjadi seorang jelitawan baru. Oleh kerana solekan ini barangkali terlalu luar biasa sehingga Perdana Menteri berkata ramai yang berfikir bahawa Belanjawan ini merupakan Belanjawan untuk pilihanraya. Belanjawan solekan luar biasa ini menjadi seperti "ziela" seorang lelaki yang berwajah wanita. Orang ramai tetap mengenali si gadis ziela sebagai seorang lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat kisah si Abu Dajal yang mencuri takar wang lalu meninggalkan kata-kata di tempat pencuri itu; "Si Abu Dajal tidak mencuri wang di dalam takar itu".

Tuan Yang di-Pertua, banyak slogan yang telah diberi kepada Belanjawan 1990 ini. Belanjawan untuk rakyat miskin, Belanjawan untuk semua, banyak pihak

menyambut Belanjawan ini, sungguh banyak pujian dalam akhbar-akhbar, Utusan Malaysia, Utusan Zaman, The New Straits Times, Berita Harian, pendek kata sebahagian besar mass media dikuasai oleh Kerajaan, televisyen dan sebagainya, semua sekali pujian demi pujian.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Belanjawan ini dikatakan Belanjawan untuk pilihanraya di mana Belanjawan ini cuba mencari jalan bagi Kerajaan UMNO Baru dan Barisan Nasional yang memerintah sekarang ini untuk berbudi dengan rakyat sekurang-kurangnya untuk tahun hadapan kalau pilihanraya diadakan maka saya kira tidak memadai.

Sewajarnya kalau ianya Belanjawan untuk pilihanraya, ianya mesti lebih baik daripada apa yang telah dibentang dalam Dewan Rakyat yang mulia ini. Mesti lebih baik, sebab kalau kita lihat dalam Belanjawan ini, yang dikatakan untuk rakyat yang miskin, kita lihat jumlah yang diperuntukkan untuk Belanjawan ini, \$33,405 juta di mana daripada jumlah tersebut 26.5% untuk Belanja Mengurus dan 20.1% untuk belanja khidmat bayar hutang. Hutang negara \$89.1 bilion, mengikut apa yang telah diperuntukkan \$6,700 juta adalah untuk bayar hutang, manakala untuk belanja pembangunan tidaklah sebesar ataupun hampir sama dengan jumlah hendak bayar hutang, belanja pembangunan \$9,000 juta, belanja bayar hutang \$6,700 juta. Wah! cantik Belanjawan ini, diakui kononnya dalam Belanjawan ini mengatakan ekonomi pulih tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan barang komoditi ataupun eksport negara kita akan mulai jatuh. Dikatakannya ekonomi pulih maka sebab itulah berbagai-bagai kemudahan telah diberi untuk rakyat, kalau kita lihat gembar-gembur mengenai dengan kemudahan untuk rakyat, saya telah meneliti Belanjawan ini dengan secara terperinci:—

- (1) Langkah untuk membantu sektor pengangkutan
- (2) Perubahan kepada beberapa bayaran di bawah Akta Pengangkutan Jalan.

- (3) Langkah-langkah bagi menggalakkan perkembangan sukan.
- (4) Menyelaraskan duti import di atas alat-alat ganti dengan duti import atas barang-barangnya.

Adalah perkara-perkara pecahan-pecahan tetapi yang pokoknya apa dia untuk rakyat miskin di bawah. Ada disebut di dalam Belanjawan ini mengenai dengan \$68 juta untuk membantu rakyat miskin. Ada peruntukan untuk Kementerian Pertanian, ada peruntukan untuk lain-lain Kementerian yang pada mereka semua ini digolongkan untuk menolong rakyat miskin di luar bandar. Tetapi soalnya apakah peruntukan ini boleh membawa perubahan sosio-ekonomi kepada rakyat dalam usaha hendak membasmi kemiskinan.

Ini dia perkara pokok kalau hendak bercakap ataupun kalau kita hendak berhujah dari segi soal belanjawan untuk kepentingan rakyat. Sepatutnya saya mencadangkan kepada Kerajaan, kalau hendak buat pilihanraya tahun hadapan ataupun pada bila-bila masa sahaja hendak memukau rakyat dengan belanjawan, saya mencadangkan iaitu hapuskan ataupun kurangkan cukai pendapatan terutamanya kepada rakyat yang miskin, yang susah, itu dia satu. Kurangkan cukai pintu, kurangkan cukai tanah ataupun cukai televisyen, macam-macam lagi cukai yang ada kait mengait secara langsung dengan rakyat. Itu baru dikatakan belanjawan untuk rakyat yang miskin, belanjawan untuk orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya sifatkan apa pun tetapi kalau kita lihat secara terperinci, saya berani menegaskan Belanjawan ini Belanjawan "Santa Claus" untuk orang-orang kaya, bukan Belanjawan untuk rakyat miskin dalam erti kata yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1990 ini memang tidak ada cukai dinaikkan, atau cukai baru diperkenalkan, beberapa cukai import dan cukai jualan, barangan keperluan yang menjadi kegunaan rakyat diturunkan. Cukai jalan untuk motosikal

diturunkan, manakala cukai jualan untuk beberapa peralatan sukan dihapuskan, beberapa insentif dalam bentuk pengurangan dan penghapusan cukai diperkenalkan bagi mencergaskan kegiatan industri berasaskan rotan dan kayu, pelancongan dan beberapa sektor ekonomi yang lain. Itu dia inti yang saya tengok, yang besar, yang pokok dalam Belanjawan ini. Kalau motosikal mungkin ada rakyat yang mendapat manfaat, ramai juga rakyat yang menunggang motosikal di negara kita ini tetapi tidak semua rakyat yang akan mendapat faedah sebab ramai juga yang tidak menunggang motosikal seperti rakyat di desa sebagai contoh. Sebab itu saya beri perbandingan tadi adakah sebenarnya yang dikatakan Belanjawan dari segi untuk rakyat di peringkat bawah ini.

Anihnya Belanjawan solekan luar biasa ini disambut oleh rakyat dengan tanggapan yang luar biasa juga. Ada yang mengatakan kalau tidak ada berada, masakan tempua bersarang rendah. Ada yang bertanya kenapa untuk tahun 1990 tiba-tiba Kerajaan menjadi pemurah? Kenapa tidak menjadi pemurah dua, tiga, empat tahun dahulu ataupun mungkin jadi pemurah tahun 1990 selepas pilihanraya, tahun 1991 sudah tidak pemurah lagi. Ini dia apa yang dikatakan pemurah itu. Nampaknya Menteri Kewangan dia menyebut ada ahli nujum meramalkan seolah-olah ekonomi negara ini akan sampai kepada akhir zaman, walaupun kita tahu apa yang hendak diperkatakan itu, tetapi kita berpendapat ataupun rakyat berpendapat amatlah bahaya pengurusan ekonomi diberi tanggungjawab kepada orang yang terlibat terlalu banyak kepentingan perniagaan kerana ianya akan menjadi pengurusan Santa Claus dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan dan Kerajaan harus insaf bahawa rakyat hari ini terlalu peka dalam semua perkara. Mereka tidak mudah tertipu dan terpedaya dengan silapmata Belanjawan seperti ini. Walaupun gambaran disogokkan kepada mereka seolah-olah ekonomi negara telah pulih sepenuhnya, namun mereka sedar akan kedudukan ekonomi negara sebenar-

nya. Walaupun Kerajaan menggambarkan kemasukan modal asing dalam jumlah yang besar, tetapi mereka melihat di mana pengangguran masih di tahap 7.9%. Walaupun digambarkan kewangan telah pulih, tetapi mereka sedar nilai Ringgit kita masih jauh rendah. Walaupun digambarkan seolah-olah harga barangan komoditi kita berada di paras yang baik dan sekarang telah mula jatuh, tetapi rakyat sedar ianya berlaku kerana faktor-faktor luaran sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa rakyat dapat membaca apa yang tersirat di sebalik apa yang tersurat pada Belanjawan solekan tahun 1990 ini. Adalah terlalu malang sekiranya Kerajaan mengharapkan pertukaran undi dari tangan rakyat melalui pengumuman Belanjawan tahun 1990 ini. Percayalah rakyat tidak terpuakau dengan silapmata persolekan Ziela ini, malahan rakyat akan menuntut supaya diberikan kelonggaran-kelonggaran, kelepasan-kelepasan dan keistimewaan kepada mereka kerana mereka sedar bahawa negara ini kaya dengan sumber alam seperti minyak, bijih, emas, balak dan macam-macam lagi. Negara Timur Tengah seperti Saudi Arabia dan lain-lain negara lagi yang kita lihat tidak ada sumber alam seperti negara kita, rakyat tak seramai rakyat negara kita, tetapi kita di antara negara yang paling banyak cukai.

Sebab itu saya mengatakan tadi kalau betul Belanjawan ini untuk solekan tertentu, banyak lagi cukai harus dihapuskan. Tetapi manakala kita lihat dari segi peruntukan untuk menolong orang miskin, saya sudah bertanya di Dewan yang mulia ini, dijawab oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, cerita Ziela yang saya bangkitkan dan diakui untuk 8 ekor Orang Utan kerana Tahun Melawat Malaysia, saya ada Jawapan Bertulis, jawapannya telah diberi kepada saya, \$2 juta untuk 8 Orang Utan; \$10,000 untuk Rokiah dan Ziela untuk setahun. Skim Siswazah Menganggur \$350 ke \$400, hari inipun sudah mula hendak dihentikan. Nelayan berapa, petani berapa, penoreh getah berapa, pemandu teksi berapa, iipun saya dengar hendak pandu

teks pun susah. Kementerian Perusahaan Awam tidak lagi memberi permit teks kepada individu lagi di Kotaraya Kuala Lumpur, kena beri kepada syarikat.

Saya sudah tengok dalam bandar sudah ada teks baru "Saujana Car Hire Sendirian Berhad", kononnya 200 permit telah dikeluarkan. Mana dia hak untuk orang ramai, untuk rakyat yang perlukan kepada pembelaan, bekas tentera, bekas polis, rakyat biasa yang perlukan mencari nafkah kais pagi makan pagi, hari ini kena tubuh syarikat dahulu, baru hendak dapat lesen teks. Bolehlah tubuh syarikat, tak salah, elok, kena bayar \$50, setiap tahun kena audit, mampukah setengah-setengah orang itu hendak tubuh syarikat. Bila tubuh syarikat itu kalau dimajukan permohonan, dapat ataupun tidak permit itu. Hari ini sudah diberi kepada Saujana Car Hire Sdn. Bhd., saya diberitahu oleh setengah-setengah pemandu teks . . .

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas sama ada beliau sedar bahawasannya lesen pemandu individu masih lagi diberikan kepada mereka yang memerlukan tetapi di luar kawasan Wilayah Persekutuan.

Mengenai mereka yang memerlukan syarikat, sememangnya menjadi praktikal pada masa dahulupun setiap mereka yang mendapat permit diperlukan untuk ada sebuah syarikat, itu memang sudah ada praktikal ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih kerana penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam. Memang kalaulah permit teks itu masih diberi di luar kawasan Kuala Lumpur, tetapi untuk dalam kawasan Kuala Lumpur mesti bersyarikat. Yang saya katakan tadi Saujana Car Hire itu betul atau tidak 200 permit, kalau betul, saya hendak minta supaya keputusan itu dikaji semula sebagai dasar. Saya kira tidak adil,

sebab saya dengar ada rungutan, ada orang yang hendak menyewa teks itu kena bayar \$3,000, \$40 pula satu hari, under the counter lagi \$1,000. Ini bukan sentimen parti politik, tidak. Waktu saya dalam Barisan Nasional dahulu, sekarang ini Semangat 46, serupa sahaja saya bercakap, ada yang baik, saya hendak sokong, yang baik apa yang dilakukan oleh Kerajaan, sama sahaja sikap kita tidak berubah sebagai mewakili rakyat saya daripada Pasir Mas untuk mencari kebaikan, sebab tidak munasabah sama sekali.

Begitu juga peruntukan-peruntukan lain, saya sebut tadi untuk Ziela \$10,000. Apa Ziela makan steakkah, Ziela makan chicken chopkah, minum susu cap Junjungkah sampai \$10,000 setahun, bererti \$800 sebulan. Betulkah mungkin sekali itu sahaja, Ziela tak ramai, maskot negara ini tak banyak, rakyat ramai. Jangan kita buat perbandingan, tetapi soalnya bila orang fikir dari segi intelektual, fikir dari segi ilmiah, tak munasabah \$700, \$800 sebulan. Betullah pentingnya maskot negara ini, tetapi takkanlah sampai setakat itu beratus-ratus ringgit tiap-tiap bulan kena belanja untuk maskot negara ini.

Saya bangkitkan perkara ini sebab saya kira penting bagi saya, mungkin Ahli-ahli Dewan yang mulia ini kira tak penting, itu soal lain, tetapi pada saya sebab susah kalau orang tanya, taraf kemiskinan negara kita \$350 sebagaimana yang kita dengar selama ini, tetapi kalau kita kaji dari segi peruntukan yang telah diberi sudah nampak sangat ganjil dan janggalnya.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah cukai tidak dinaikkan tetapi rakyat tahu kenapa Brunei yang hanya bergantung kepada minyak semata-mata ataupun di Timur Tengah dapat membebaskan rakyatnya dari cukai pendapatan. Minyak kita sekarang telah meningkat kepada 570,000 tong sehari, bagaimana dengan hasil balak, bijih, sawit dan dari perindustrian dan lain-lain. Dahulu kita dengar cerita emas di Terengganu, kita ingat bila jumpa emas memberi kebahagiaan kepada rakyat. Bila kita ada minyak, kita harap minyak beri kemakmuran kepada

rakyat. Ada minyak, minyak mahal. Ada emas dengat cerita rakyat mati di Rusila, Terengganu. Banyaklah cerita pelik dalam negara kita ini. Pelik sungguh, Tuan Yang di-Pertua. Tiap-tiap bulan ada cerita pelik. Dahulu jeti Pulau Pinang runtuh sesudah Jambatan Pulau Pinang siap . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang minta jalan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan sedikit. Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Pasir Mas, sejak daripada tadi lagi semua yang Kerajaan buat ini, semua tidak betul, soalnya fasal apa? Dahulu masa dalam Barisan Nasional semua betul, fasal apa? Dahulu Yang Berhormat dari Kepong dia panggil topek, sekarang dia panggil geng baik, fasal apa? Jawab yang itu dahulu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak layan pertanyaan Yang Berhormat dari Marang ini pun saya takut saya jadi macam dia. (*Ketawa*) Betul ikhlas saya cakap. Saya sudah kata pada awal tadi, boleh semak rekod Hansard saya. Waktu saya dalam Barisan Nasional pun ada juga saya tegur. Ada yang baik, saya kata baik. Ini pun ada hendak puji, tunggu dahulu. Yang baik, saya kata baik. Tidak bererti semua tidak baik. Soal dengan DAP, soal lain. Ah! ini dia, ada disebut.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Boleh.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Ini soal perhubungan dengan DAP bab lain, bab mana ini?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bab DAP ini tadi banyak dibangkitkan. Semangat 46 bersekongkol dengan DAP macam-macam. Saya hendak beritahu.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Kita hendak tahu sama ada betul atau tidak Semangat 46 dengan DAP ini bersekongkol?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak beritahu Semangat 46 memang sedang bercakap-cakap. (*Ketawa*) Bercakap-cakap. . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bukan bercakap-cakap, bersekongkol-kongkol. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sedang bercakap-cakap di atas sifat kerjasama . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bukan bersekongkol-kongkol, berpeluk-peluk.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bukan bersekongkol macam UMNO (Baru) dengan MCA. Tetapi bercakap dalam konteks rundingan untuk menghadapi pilihanraya umum supaya kita boleh berhadapan dengan Barisan Nasional, itu dia. Itu tidak marah. Itu cara jawapan dengan penuh perasaan. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan sedikit. Saya bangun dahulu. Saya hendak tambah dengan penuh perasaan tidak sedar dan tidak insaf diri.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Apa sekiranya Semangat 46 bekerjasama dengan DAP salahkah? Saya minta Yang Berhormat jawab-salahkah, aibkah, apa cacatnya itu. DAP Cina, MCA pun Cina. Rasa saya Cina ini serupa, tidak ada apa beza. Cina, Cina juga, adakah salah, itu saya minta penjelasan?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebenarnya kalau dari segi salah, tidak salah. Tidak payah sebenar pun diulas. Bukan soal takut, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beritahu kepada kawan-kawan saya biarlah ada rekod dalam Dewan Rakyat pada hari ini dengan penuh keikhlasan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (Bangun)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Nanti dahulu Man!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bukan Man, Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Marang tunggu dahulu, saya akan beri peluang. Jangan saya nanti isytihar Yang Berhormat dari Marang kerana Dewan Rakyat kita pada tahun depan, mungkin akan dibubarkan, mungkin kita tidak bertemu lagi. Saya hendak isytiharkan, jangan saya isytiharkan Yang Berhormat dari Marang sebagai maskot Dewan Rakyat bagi Penggal Parlimen Ketujuh.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa salahnya . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta suratkhbar siarkan maskot Dewan Rakyat Parlimen Ketujuh.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa dia hendak kata, katalah. Tetapi saya minta penjelasan. Dia bubuh maskot itulah, inilah, itu yang tidak baiknya. Jadi, menggambarkan fikirannya yang tidak intelektual dan juga tidak sedar apa yang dia cakap. Rendah mutu perbincangan yang kurang tinggi, yang kurang arif, yang kurang bijak, yang kurang berilmu, kalau saya hendak kata, tetapi saya tidak hendak kata macam itu. (Ketawa)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Katalah, saya bimbang bila kita kata dekat orang, kita yang macam itu. Jagalah kalau kita ada sedikit harge diri, kita mengaibkan . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, macam dia hendak kata dekat sayalah, dia kata maskot Dewan. Saya boleh kata dia maskot Dewan juga. Serupa sahaja.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak mengapalah. Saya tidak ada masalah, Tuan Yang di-Pertua. Orang macam saya ini apa kena pun always smile, dengan izin. (Ketawa)

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat dari Pasir Mas belum lagi menjawab penjelasan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus sama ada apakah salahnya Semangat 46 bersekongkol ataupun baik-baik dengan DAP? Itu pertanyaan saya, yang pertama. Yang kedua, tadi Yang Berhormat dari Pasir Mas mengatakan bahawa apa yang dilakukan oleh Semangat 46 dengan DAP sekarang ini tidak sama dengan apa yang dilakukan oleh UMNO (Baru) dengan MCA. Saya hendak tahu, apakah perbezaannya itu? Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itulah saya hendak jawab tadi. Belum saya jawab, sudah ada yang bangun. Senang sahaja saya hendak jawab supaya tidak ada keraguan lagi. Kita dalam Semangat 46 sudah pun dari segi pakatan sudah wujud Angkatan Perpaduan Umah dalam sebuah politik demokrasi tanahair. Dengan DAP, kita sedang berunding, bercakap untuk mengadakan pakatan kerjasama, bukan sekongkol macam UMNO (Baru) dengan MCA itu. Marah kawan-kawan kita kepada DAP. Saya dengan DAP walaupun kerjasama dalam bentuk politik, ada yang DAP tidak betul, saya pun hentam. MCA dengan UMNO (Baru) pun ada perbezaan. Tadi waktu Yang Berhormat dari Marang tanya salah seorang Ahli Yang Berhormat yang sedang berucap, dia kata dahulu ludah, jilat balik. Saya hendak beritahu dalam Dewan yang mulia ini ingatkah tidak peristiwa dalam bulan Oktober dahulu. Kalau saya bangkit ini semua nanti, susah. Sebab itu bagi menahan supaya saya tidak meluahkan banyak perkara . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya cabar dia bangkitkan peristiwa bulan Oktober.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Peristiwa bulan Oktober, bangkit. Saudara dari Marang bercakap soal ketuanan Melayu. Saudaralah salah seorang anggota Pemuda UMNO. Di waktu mesyuarat untuk mengadakan perhimpunan di Stadium TPCA Yang Berhormat dari Marang cadang bawa parang dalam perhimpunan tersebut untuk hadiah kepada Dato Najib. Saya yang larang, saya yang nasihat, tetapi saya yang ditangkap dibawah ISA. *(Tepuk)*

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, dia kadang-kadang cakap ini tidak sedar, ada juga, kena cari bomoh. Saya tidak pernah suruh bawa parang. Dia yang wujud-wujud, yang ada-adakan. Dia dahulu lebih daripada bawa parang. Kita buat perhimpunan di Stadium TPCA kerana kita membantah puak-puak, pihak yang ingin menghalau pertuanan Melayu dan juga yang mengatakan bahawa Melayu ini bukan bumiputera termasuk saudara Semangat 46 juga. Jadi, ini satu tuduhan yang tidak betul. Tidak adakah cerita lain, peristiwa bulan Oktober lain daripada itu?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itu sebab saya kata itu. Kalau tidak ganggu banyak sangat, kalau hendak tanya penjelasan-penjelasan yang khusus, yang intelektual, saya akan response secara intelektual. Tetapi kalau hendak main-main, saya boleh main-main. Kalau hendak buat secara angkuh, saya boleh buat angkuh. Kalau hendak berdebat secara yang baik, kita berdebat dengan cara yang baik. Ikhlas saya cakap. Saya hendak bercakap ikhlas kerana saya mewakilirakyat kawasan saya dari Pasir Mas. Sebab itu saya hendak bercakap elok-elok. Baik, terima kasih.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta

penjelasan sekali lagi. Ini berkenaan dengan masalah perhubungan, lagi sekali saya belum puas hati, belum jelas lagi. Saya minta Yang Berhormat dari Pasir Mas dapat terangkan. Saya berasa hairan sedikit mengapa Semangat 46 tidak boleh mewujudkan pakatan sepertimana DAP, sepertimana yang dilakukan oleh UMNO dengan MCA. Itu yang belum saya dapat penjelasan sejelas-jelasnya. Saya hendak tahu yang itu dahulu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebagai jawapan. Kita sedang berunding sekarang ini. Belum selesai lagi. Bila selesai berunding nanti, adalah hasilnya. Jadi, oleh kerana perkara itu tidak selesai lagi, belum bolehlah kita jawab lagi. Kita sedang berunding. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung ucapan saya.

Bagaimana dengan hasil balak yang saya katakan tadi, bijih, sawit dan lain-lain hasil mahsul negara kita? Kenapa rakyat miskin turut dibebankan dengan Cukai Pendapatan seperti yang kita baca dalam akhbar peneroka-peneroka FELDA juga akan dihantar borang Cukai Pendapatan. Kerana ada gambaran mengatakan mereka ini sudah mempunyai pendapatan yang lumayan. Mungkin ada yang mendapat lumayan, mungkin tidak ada, tetapi umumnya ramai akan terima dan ramai akan menerima beban tersebut. Benarlah cukai tidak dinaikkan dan cukai-cukai baru tidak dikenakan, tetapi kenapa harga barangan terus naik dan mengganggu penghidupan rakyat. Kalau Kerajaan boleh memberi potongan dua kali kepada pengusaha hotel dan pelancongan bagi belanja promosi di luar negeri, kenapakah Kerajaan tidak menghapuskan sahaja cukai-cukai televisyen? Sepatutnya Kerajaan lebih memikirkan kepentingan majoriti rakyat terutamanya yang miskin dari menyuap keistimewaan-keistimewaan kepada segelintir rakyat yang istimewa itu.

Kerajaan nampaknya terlalu bermurah hati kepada pengusaha perhotelan dan pelancongan di negara ini. Menteri

Kewangan telah mencadangkan potongan dua kali kepada pengusaha tersebut bagi promosi termasuk perbelanjaan iklan, perbelanjaan keluar negeri untuk penyelidikan pasaran, rundingan kontrak, pameran perdagangan dan persidangan. Dan bagi kemudahan pengangkutan untuk pelancongan, duti import dan eksais ke atas komponen CDK bas pelancongan dan kereta mewah yang dipasang dalam negeri untuk kegunaan pelancongan dimansuhkan. Kita ingin bertanya kepada Kementerian berkenaan, kenapakah baru sekarang kemudahan seperti ini diberikan, selepas sebahagian besar hotel-hotel terutama di negara ini telah dimiliki oleh pemodal-pemodal asing. Saya ingin mendapat penjelasan tentang kedudukan atau taraf hotel-hotel penting di negara kita ini, dari segi ekuitinya, berapa yang masih dimiliki oleh warganegara Malaysia dan sebaliknya. Saya juga ingin mendapat tahu berhubung dengan syarikat-syarikat pelancongan yang besar di negara ini . . .

Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi mengatakan bahawa ekuiti hotel Malaysia sekarang kebanyakannya dimiliki oleh rakyat asing. Ini kurang tepat, sebenarnya kebanyakannya hotel sekarang masih dalam tangan dan dikontrol oleh rakyat Malaysia.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kalau betul dakwaan itu, saya minta diberi statistik secara terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, di waktu menggulung perbahasan ini nanti. Jangan cuba hendak memutar belitkan. Saya ingin mendapat tahu berhubung dengan syarikat-syarikat pelancongan yang besar di negara ini, berapakah jumlahnya yang dimiliki oleh warganegara Malaysia dan sebaliknya. Saya tidak mahu nanti keistimewaan-keistimewaan itu mengalir kepada rakyat asing seperti kata pepatah yang selalu kita dengar, kera di hutan disusukan, anak dikandung mati kelaparan.

Dato' Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya sama juga iaitu kebanyakan syarikat pelancongan Malaysia dimiliki oleh rakyat Malaysia, bukan oleh rakyat luar negeri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tak mengapalah, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan nanti beritahu secara detail kerana kita tahu bahawa di pasaran tanah dan bangunan-bangunan di negara kita yang berharga berbilion ringgit, sudah berpindah tangan, iaitu di waktu kita menggubal ataupun Kerajaan meminda apa yang dinamakan Kanun Tanah Negara. Sebab pindaan ini terpaksa dibuat, kononnya pada waktu itu kemelesetan ekonomi negara, pasaran hartanah jatuh, dari segi industri perumahan meleset. Bagi memulihkan keadaan itu, Kanun Tanah Negara telah dipinda pada tahun 1986.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta penjelasan sedikit. Saya hendak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa pindaan Akta Kanun Tanah Negara dibuat, dipinda semasa salah seorang anggota Semangat 46 menjadi Menteri Tanah dahulu. Dialah yang mencadangkan memindahkan perkara ini dan kita sama-sama sokong, dan saya percaya Yang Berhormat itu pun kalau ada dalam Dewan masa itu pun menyokong juga, saya rasa.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kalau nak kutip sedikit-sedikit itu kutiplah.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak jawab, tunggulah. Nanti banyak kena, saya hendak sebut satu dua sahaja, nanti kena tak fasal-fasal dan tunggu saya jawab dulu. Saya pun sabar, insya Allah. Saya mengatakan tadi apabila perkara ini dilakukan banyak harta negara kita berpindah tangan, berbilion ringgit harta-harta tersebut dimiliki oleh orang asing. Apakah ertinya kita merdeka, kita kata negara kita

merdeka, orang melawat negara kita sampai ke Kuala Lumpur, South East Asia Hotel sudah orang asing beli dan Wisma Supreme sudah Jepun beli. Bangunan Wisma Supreme, cerita Tan Koon Swan dulu, "the MCA boss" dulu, siapa beli? Indonesia beli. Saya baca dalam laporan akhbar, kalau tak betul apabila menjawab nanti nafikan. Ini ikhlas saya bercakap. Bererti kita merdeka, tetapi bangunan-bangunan dan harta negara milik orang lain. Mana kemegahan itu?

Sekarang ini kita sudah hiaskan Kuala Lumpur akibat Persidangan CHOGM, cantik, tetapi apabila tengok di dalamnya, bukan kita punya, asalkan rakyat Malaysia, terutamanya orang Melayukah, orang Cinakah atau orang Indiakah, tak kira tetapi tidak dimiliki oleh rakyat Malaysia. Sebab itu, saya hendak menyarankan di sini supaya, dengan ikhlas, Kerajaan mengambil langkah mulai sekarang dengan tegas. Cukuplah dan halang pemindahan harta negara sama ada dalam bentuk berupa bangunan ataupun tanah-tanah daripada berpindah tangan kepada orang luar, seperti yang berlaku di Johor. Kerana nilai ringgit kita jatuh, sebuah rumah di Johor Bahru yang berharga \$200 ribu, orang Singapura boleh beli dengan \$150 ribu dengan nilai duit Singapura. Ini yang berlaku. Jadi, kita kata kita pandai.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru adalah menetapkan 30% Bumiputera, 40% bukan bumiputera, rakyat Malaysia, dan 30% rakyat asing. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat sama ada beliau sedar bahawasanya kepunyaan hak asing adalah kurang daripada 30%, setakat 20% sahaja sekarang ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yalah, 20%kah, kurang 20%kah, sudah berlaku dengan sekian-sekian peratus yang berlaku, cuma saya ingin mengingatkan takut yang 20% jadi 30%, yang 30% jadi 40%. Jadi kita kena beringat-ingat kerana dikatakan ekonomi sudah pulih, jadi sudah sampailah masanya sekarang supaya berhati-hati atau dengan izin, so as to put a stop now, kalau

boleh diatasi bagi kebaikan negara dan rakyat. Saya rasa itu pandangan saya yang saya hendak luahkan, supaya jangan semua nanti terlepas. Sebab memang banyak orang hendak melabur sekarang ini kerana ringgit kita sudah jatuh teruk, banyaklah orang hendak beli kerana murah, tetapi hendak dapatkan balik nanti saya rasa tidaklah mudah. Dulu kita bangga bila Kerajaan dapat mencari jalan sehingga Sime Darby jadi milik negara kita dari segi ekuitinya dan banyak syarikat-syarikat besar, kita sokong, kita mengalu-alukan langkah bijak, alih-alih habis bab itu, bab ini pula yang timbul. Inilah yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan langkah Kerajaan memperuntukkan \$1,144 juta untuk memperbaiki kemudahan infrastruktur asas di kawasan luar bandar di mana bagi jalan luar bandar sebanyak \$524 juta akan dianggarkan 3,505 km jalan luar bandar akan dibina dan ditingkatkan tarafnya di seluruh negara. Apa yang saya ingin cadangkan daripada peruntukan yang disebutkan tadi supaya jalan-jalan yang akan dinaikkan tarafnya dikampung-kampung supaya ianya dibuat dengan secara yang teliti-ertinya "supervision" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, supaya tidak membazir. Kalau tidak jalan ini dinaikkan taraf, tahun ini kita buat, tahun depan rosak, belanja sebelum dibuat, belanja membaiki lebih banyak iaitu di mana jalan yang dinaikkan taraf, saya difahamkan sepatutnya enam inci tebalnya, mestilah digunakan batu quarry gred-gred tertentu, tetapi entah macam mana sama ada pihak yang melaksanakan ataupun kontraktor dia pakat macam mana, dia dapat kontrak tersebut, wallahu a'lam, kita tak tahu, tetapi hasilnya jalan itu yang sepatutnya enam inci, jadi tiga inci. Bahan itu dicampur dengan tanah, tak sampai beberapa bulan jalan tersebut pecah, berlopek-lopek, berlubang-lubang.

Dulu rakyat boleh naik basikal tanpa tar, sekarang ini ada tar, bila ada lopek-lopek, hendak naik basikal tak boleh. Hendak dapat peruntukan susah, kena tunggu peruntukan mengikut saluran-saluran, bukan main susah, tidak seperti peruntukan pesta

senang sahaja. Oleh itu kita harap supaya ianya dibuat dengan penuh teliti dan pihak JKRkah atau mana-mana agensi yang terlibat supaya tegas dalam bab seperti ini. Supaya tidak ada tolak ansur. Jangan pula jalan-jalan yang dibuat nanti seperti saya katakan tadi pecah dan berlopak maka dibaiki. Sudah dibaiki, baiki lagi akhirnya yang rugi ialah wang rakyat dan negara sendiri. Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Muar bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sila.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas melakukan satu tuduhan yang berat kepada Kerajaan seolah-olah Kerajaan merestui penyelewengan yang berlaku dan seolah-olah tuduhan bahawa ada pakatan-pakatan di antara kontraktor dan juga pegawai-pegawai Kerajaan. Saya rasa tuduhan ini adalah satu tuduhan yang perlu mendapat penjelasan lanjut dan kalau Yang Berhormat ada mempunyai bukti-bukti yang cukup, saya percaya adalah tugas dan tanggung-jawab Yang Berhormat sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Kerajaan supaya tindakan-tindakan lanjut boleh diambil kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat ada mempunyai bukti-bukti yang cukup. Kalau tidak saya percaya tidak perlu untuk berucap semata-mata untuk mendapatkan publisiti.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Kalau Yang Berhormat dengar apa yang saya sebutkan tadi, saya tidak tuduh. Saya mengatakan jalan-jalan ditempat

kawasan saya berlaku. Mungkin di tempat lain berlaku dan saya takut "kalau-kalau ada"; kalau tidak ada, tidak ada apa-apa. Kita tidak payah rasa guilty conscious, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dan saya minta disiasat. Saya tidak kata tuduhan kerana perkara itu cuma saya hairan sebab ada jalan, bila dibuat, dicampur dengan tanah, nipis. Mungkin tidak semua tempat. Mungkin ada berlaku satu dua tempat. Jadi itu yang saya maksudkan.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan ucapan saya ini. Kalau hendak bangun pun bangun di bawah on a point of order. Cukup sudah saya beri peluang kepada rakan-rakan saya daripada Barisan Nasional, sudah banyak sudah.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Saya fikir Yang Berhormat dari Pasir Mas tidak berani hendak jawab.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bukan soal tidak berani. Saya sudah cakap tadi . . .

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Kalau berani . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya sudah cakap tadi. Saya sudah cakap, saya sudah beritahu ada di kawasan-kawasan saya berlaku. Saya hendak minta Yang Berhormat melawat kawasan saya, tidak ada masalah kita boleh buktikan.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Kalau Yang Berhormat mengatakan di tempatnya berlaku maknanya perkara itu adalah benar seperti yang dicakapkan. Kenapa Yang Berhormat tidak sanggup membawa perkara ini kepada pihak yang berkenaan, pihak Kerajaan supaya tindakan-tindakan lanjut untuk menyiasat dapat dilakukan oleh pihak Kerajaan. Sebut di mana tempatnya untuk menyenangkan Kerajaan mengambil tindakan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Betul. Memang di waktu dahulu pernah semasa berada dalam Majlis Tindakan Daerah, kita sudah bangkit. Dan ini oleh kerana perbincangan dasar dari segi umum saya hanya hendak mengingatkan dari segi umum. Itu sahaja. Saya rasa tidak salah hanya sekadar mengingatkan dari segi umum, di waktu berbincang perkara dasar. Hanya hendak mengingatkan supaya jalan-jalan tersebut bila dibuat nanti supaya lebih serius dan lebih teliti dan kalau elok nanti jalan pun cantik segala-gala berjalan dengan baik, Barisan Nasional tidak perlu bimbang kepada Semangat 46, kepada PAS atau DAP. Tidak ada masalah. Tidak kesah, bagi kita ikhlas. Itu yang kita hendak beritahu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan menggambarkan Kerajaan bermurah hati memperuntukkan \$68 juta sebagai bantuan terus (direct) kepada rakyat miskin. Semua bantuan Kerajaan kepada rakyat miskin kita alu-alukan. Ini peruntukan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar iaitu di bawah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Saya akui di antara yang saya tengok, di antara menteri nampak bersungguh-sungguh termasuklah waktu kempen pilihanraya dan sebagainya. Soalnya sekurang-kurangnya minat itu sungguh-sungguh. Takkanlah \$68 juta untuk Timbalan Perdana Menteri. Berilah lebih tinggi, banyak lagi. Banyak hendak guna ini. Untuk membaiki sebuah rumah \$1,500. Buat rumah baru \$2,000. Ini Menteri Kewangan pun satu hal juga. Patut beri lebih, berganda sepatutnya angka ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya wakil dari Pasir Mas dan wakil dari Gerik ini pernah satu rumah. Jadi masing-masing tahu hal masing-masing. Saya cuma hendak tanya Ahli dari Pasir Mas, masih ingatkah beliau masa beliau dalam Barisan Nasional sebelum tahun 1984 apabila Kerajaan Barisan Nasional pada masa itu mengadakan

rancangan pemulihan kampung, tiap-tiap rumah diberi di antara \$150 hingga \$750. Mana lebih baik \$150 hingga \$750 dengan \$2,000 sekarang?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tentulah bagus \$2,000 sekarang. Cuma saya hendak cadangkan supaya lebih lagi. Sebab harga kayu berapa sekarang, Tuan Yang di-Pertua. Hendak baiki apa. Kadang-kadang kita hendak baiki dekat depan, belakang runtuh. Baiki dekat belakang, depan runtuh. Dan banyak lagi saya harap sepatutnya Menteri Kewangan beri. Ini sebenarnya dari segi keikhlasan nampak hendak tolong tetapi biar orang kata ada kesanlah. Biar ada munasabah sedikit. Ini yang lain-lain boleh, CHOGM boleh. Kata \$40 juta peruntukan khas. Betullah peruntukan itu \$40 juta tetapi Dewan Bandaraya dan lain-lain belanja lebih kot! Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "I don't believe it is \$40 million". Saya tidak percaya \$40 juta. Mungkin lebih. Mungkin \$200 juta lebih. Tengok apa yang berlaku. Baiki sana, baiki sini, Bandaraya hendak indah. Hujan tidak sampai sehari pun macam itu juga. Lampu bukan main cantik, berela sampai ke bawah. Tetapi apa jadi? Dulu, perbelanjaan-perbelanjaan lain kita sudah tengok. Macam-macam pesta, macam-macam perayaan sudah dihabiskan. Beri supaya . . .

Tuan Abdul Raman bin Suliman:
(Bangun)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sudah ada lagi.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat berkenaan. Tadi Yang Berhormat kata \$200 juta. Adakah Yang Berhormat yakin \$200 juta? Kalau yakin \$200 juta, selepas itu saya hendak tanya sedikit lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya yakin tidak yakin, itu tidak timbul. Tetapi belanja tetap banyak.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat

supaya bercakap dengan fakta-fakta. Sebab tadi dalam ucapan Yang Berhormat, Yang Berhormat kata mungkin. Mungkin ini maknanya tidak yakin.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yalah, mungkin, yakin, tidak yakin tetapi pokoknya lebih \$40 juta. Belanja itu banyak.

Saya tidak menentang CHOGM ini, saya mengalu-alukan. Dan kita bangga pula pada CHOGM di negara kita. Betul. Tetapi soalnya belanja itu tadi. Orang lain pun buat persidangan macam kita, persidangan-persidangan . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit. Saya ucap terima kasihlah. Saya rasa bangga dengan ucapan Yang Berhormat mengatakan beliau ini tidak menentang CHOGM, malah menyokong. Saya ucap terima kasih. Tetapi saya rasa hairan, macam mana kalau pihak Semangat 46 menyokong CHOGM tetapi pihak yang hendak dirunding-rundingkan ini iaitu pihak DAP tidak menyokong. Macam mana ini hendak bersatu, saya pun kurang faham. Yang CHOGM ini pun dia tidak boleh bersatu, macam mana yang lain-lain.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, ke lain pula hendak dihalanya. Letih saya dibuatnya. (*Ketawa*) Letih-letih, tetapi tidak apalah. Sebab kita walaupun bertengkar hebat, begitu-begini tetapi semua ini kawan. Saya tetap bersahabat baik, tidak ada masalah.

Soalnya saya katakan tadi, kita bangga CHOGM diadakan di negara kita. Kita bangga. Tetapi negara lain buat persidangan macam kita juga, serupa kita juga. Tetapi saya rasa tidak sebesar kita belanja. Boleh kita adakan persidangan CHOGM, hendak buat lagi persidangan pada masa depan kita alu-alukan. Kita pun sokong. Tetapi belanja itu janganlah melebihi had sangat. Ini sampai . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Man lagi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Yang Berhormat Maranglah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, mana dia tahu negara lain belanja lebih sedikit? Dia sudah pergi sebagai wakil CHOGM di negara-negara lain atau dia hentam sahaja mengikut syok cakap sahaja?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya belum jadi wakil CHOGM.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Habis, macam mana dia cakap?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Nantilah dahulu, ayat belum habis lagi ini. Yang saya hendak beritahu, saya pernah melihat persidangan-persidangan besar, pernah saya lihat di Eropah, sewaktu saya di dalam Belia Pelajar dahulu pernah menghadiri persidangan-persidangan besar tetapi tidaklah persidangan Ketua-ketua Negara, tetapi saya lihat ada juga persidangan-persidangan di peringkat Ketua-ketua Negara, persidangan-persidangan yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin negara.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Nanti dahulu, sekejap lagi bangun, boleh, tiada masalah. Saya pegang atas lutut, sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu, sepertimana yang saya sebutkan tadi, bukanlah sama Belia Pelajar dengan Ketua-ketua Negara Commonwealth, tidak sama. Begitu juga pernah saya lihat persidangan-persidangan yang besar melalui televisyen, tidak ada macam kita ini, sampai airport sambut dengan bunga manggar, turun dekat hotel—bunga manggar, turun dekat kapal terbang, palu kompong. Dia punya belanja, dia punya kemeriahan betul-betul lebih sangat, itu yang saya maksudkan. Itu semua melibatkan belanja.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Yang di-Pertua, dia cemburu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: No, I am never jealous, I never say that, dengan izin.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia tidak cakap tetapi hakikat itu ada di dalam. (*Ketawa*) Percakapan itu menjelaskan hakikat hatinya. Tidak apa, kita akan terima dia balik.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa Yang Berhormat pernah hadir di Persidangan-persidangan Belia Angarabangsa di luar negeri. Kalau Yang Berhormat pemimpin belia, saya pun pemimpin belia yang kerdil. Tahun sudah di Piongyang, Kerajaan Korea Utara telah mengadakan Perhimpunan Belia Sedunia di Piongyang. Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa mereka mengadakan Mini Olympic Belia di Piongyang. Berapa agaknya belanjanya?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Mana saya tahu, saya tidak pergi. Dia yang pergi, dialah yang patut beritahu. Adooi!!! (*Ketawa*)

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Korea Utara telah membina sebuah stadium track, sebuah stadium yang tertutup untuk kolam renang, sebuah stadium tertutup valadrom dan lain-lain. Adakah belanja dia lebih kurang daripada belanja kita mengadakan CHOGM atau lebih?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya kata saya tidak pergi tadi, mana saya hendak tahu, cuma bagi kita, kalau orang belanja lebih, biarkan orang belanja lebih. Kalau kita boleh buat kurang, bukankah bagus?

Dato' Haji Zakaria bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas tentang belanja CHOGM, fasal dia bercakap tadi tentang belanja CHOGM. Tidakkah sebagai manusia yang waras manakala kita mempertimbangkan pembaziran wang rakyat

dan wang negara berasa curiga atau berasa pelik apabila pada 23hb Oktober, Dewan ini diminta peruntukan tambahan dan pada masa itu diminta untuk peruntukan CHOGM kalau tidak salah ingatan saya \$3,078,900. Pada 24hb Oktober, waktu perbahasan belum selesai lagi atas perkara itu, Timbalan Menteri Kewangan menyebutkan bahawa perbelanjaan CHOGM telah memakan belanja sebanyak lebih kurang \$39 juta. Tiga hari kemudian, sewaktu Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan, Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebutkan perbelanjaan CHOGM sudah naik menjadi \$40 juta. Daripada \$3 juta yang diminta, dalam masa seminggu bertambah menjadi \$40 juta. Oleh yang demikian tidak mustahil sekiranya sekarang ini atau mungkin bulan depan kita mendengar perbelanjaan CHOGM sudah meningkat sampai \$100 juta atau \$200 juta. Ini wang rakyat, bolehkah dibelanjakan dengan cara yang sedemikian itu? Tidakkah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas merasa pelik atas perkara ini?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bukan pelik, tetapi ajaib. Memang itulah yang saya maksudkan mengenai perbelanjaan ini. Kita hendak nasihatkan dan memberi pandangan kita supaya kalau hendak mengadakan persidangan lagi di masa-masa hadapan, kalau boleh dihalusi belanja-belanja itu. Kalau boleh diperkecilkan, dijimatkan seberapa yang boleh, kerana kalau kita lihat, seperti saya sebutkan tadi \$68 juta kepada rakyat miskin yang bilangan besar berada di negara kita ini. Kalau hendak diukur dari segi peratus mungkin lebih. Tetapi dari segi peratus ini, saya ingin bertanya apakah diguna garis kemiskinan sebanyak \$350 sebulan biarpun nilai ringgit kita telah jatuh. Adakah Kerajaan sedar bahawa masih terdapat 24% orang Melayu berada di tahap kemiskinan, manakala orang Cina 17% dan India 10%? Itu peratus. Saya juga ingin mengetahui mengikut kajian yang dibuat oleh salah seorang pakar ekonomi dari Universiti Kebangsaan bahawa terdapat 120,000 keluarga yang masih mendapat kurang daripada \$175 sebulan. Ini yang penting.

Sebab Dasar Ekonomi Baru sudah sampai ke penghujung, ke penamatnya tahun 1990.

Kita harap Belanjawan ini lebih baik, sebab pilihanraya hendak diadakan, Dasar Ekonomi Baru akan tamat. Jadi yang kita harapkan supaya biarlah belanja untuk orang miskin di luar bandar yang kita maksudkan tadi setimpal dengan cara belanja untuk perkara-perkara yang tidak berfaedah, bukan kata tidak berfaedah, tetapi membazir, tidak sepatutnya sebanyak itu. Itu yang saya hendak sarankan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya seperti terdapat juga beberapa keistimewaan kepada kakitangan awam. Antara kelonggaran syarat mendapat pinjaman perumahan dan persaraan pilihan pada umur 40 tahun bagi kakitangan kategori B, C dan D, manakala kakitangan kategori A ditentukan oleh sokongan Ketua Jabatan. Kakitangan awam menjadi hairan dan bertanya kenapa tiba-tiba Kerajaan seolah-olah meminta agar mereka melepaskan pekerjaan begitu terburu-buru. Ada anggapan begitu. Adakah ini menandakan kewangan negara berada di tahap yang telah meruncing? Adakah sebagai petanda Kerajaan pada tahun-tahun hadapan sudah tidak mampu menampung gaji kakitangan awam? Kita juga percaya Kerajaan merasakan terlalu berat dengan jumlah kakitangan yang ada pada hari ini dan cara yang paling senang menawarkan supaya mereka meninggalkan pekerjaan. Nampaknya kekosongan nanti tidak akan menjadi ruang kepada penganggur-penganggur kerana jelas tujuan sebenarnya ialah untuk mengurangkan kakitangan tersebut. Apakah sebabnya? Pada pandangan umum, ini bagus, dapat pencen cepat, tetapi dari segi realitinya, sudah ditanam dari segi psikologi, bahawa rakyat memang tidak perlu lagi mengharapkan pekerjaan dengan Kerajaan sebab; pertamanya, banyak agensi sudah pun diswastakan dan akan diswastakan. Jadi, kalau ianya diswastakan dan agensi tersebut sudah bertukar pula menjadi badan perniagaan, apa pula peluang pekerjaan kepada rakyat nanti?

Saya masih ingat di waktu Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, saya masih menyimpan keratannya dan saya masih ingat kata-kata allahyarham Tun Abdul Razak iaitu cara hendak membasmi kemiskinan ialah kita menghantar anak-anak kita terutamanya anak-anak Melayu, bumiputera yang daif ini pergi keluar negeri—ini memang sudahpun berjaya—dan bila balik, setiap orang ada tempat dan ada peluang pekerjaan, tidak ada pengangguran terutamanya yang ada degree, ada ijazahnya yang kita belanja puluh ribu ringgit setiap orang, maka mereka akan mendapat pendapatan \$1,000 atau \$2,000 sebulan dan secara tidak langsung boleh membantu keluarga apabila mereka mendapat pekerjaan terutama dengan kerajaan atau agensi kerajaan.

Hari ini kita hendak pencen cepat pula. Kenapa kita hendak pencen cepat? Kalau mula bekerja umur 25 tahun boleh pencen umur 40 tahun. Kalau pinjam duit perumahan daripada Kerajaan dalam masa 15 tahun . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta penjelasan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu dia sebut persaraan ini secara pilihan. Yang Berhormat sebutkan tadi seolah-olahnya dimestikan persaraan umur 45 atau 40 tahun. Ini adalah pilihan. Jadi, saya ingat Yang Berhormat patut perbetulkan kenyataan tersebutlah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih di atas teguran daripada rakan saya daripada Arau. Memang saya sedar ianya pilihan tetapi saya katakan tadi dia boleh menanam psikologi. Tujuannya saya fikir, janganlah difikir soal kerja dengan Kerajaan. Ada yang berfikir begitu. Jadi, soalnya sekarang ini siswazah yang menganggur begitu ramai dan harapan nanti tidak semua boleh dapat kerja dengan . . .

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas sama ada beliau sedar atau tidak bahawa

Kesatuan Guru-Guru Lepasn Maktab Malaysia (KKGLM) telah membuat satu memorandum kepada Kerajaan meminta supaya Kerajaan menurunkan had persaraan secara pilihan kerana ramai daripada pegawai-pegawai Division C dan D ini ada diberi kursus oleh Kerajaan iaitu kursus untuk menjadi usahawan dan apabila mereka tamat kursus mereka memang berhasrat untuk berniaga tetapi mereka terpaksa meletakkan jawatan daripada Kerajaan dan mereka yang pergi ke kursus ini yang dianjurkan oleh MARA dan lain-lain telah membuat satu memorandum juga kepada Kerajaan meminta supaya Kerajaan menurunkan had pilihan untuk bersara untuk membolehkan mereka berkecimpung dalam perniagaan dan di samping itu mendapat sedikit-sedikit imbuhan persaraan. Jadi, adakah Yang Berhormat sedar berkenaan dengan perkara ini?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya sedar. Itu pandangan pihak kesatuan yang menghantar memorandum. Ini pandangan saya pula sebagai "check and balance".

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Yang Berhormat, terima kasih. Ini tentang persaraan, saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak kalau saya katakan bahawa cadangan Kerajaan untuk memberi peluang kepada kakitangan Kerajaan yang sudah berumur 40 tahun untuk bersara lebih awal atau optional retirement dan apabila mereka ini bersara maka peluang pekerjaan itu bertambah kepada mereka yang masih lagi menganggur. Jadi, maknanya pertama, kita memberi peluang kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah mempunyai pengalaman dalam Kerajaan untuk berniaga sepertimana yang kita hajatkan, dan yang keduanya, dengan persaraan itu membolehkan mahasiswa-mahasiswa yang menganggur mendapat pekerjaan. Bukankah ini cadangan yang baik? Saya minta kenyataan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya, mungkin cadangan itu baik dan saya juga mengemukakan pandangan saya yang saya anggap baik juga. Timbanglah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi . . .

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat sama ada Ahli Yang Berhormat sedar bahawa yang diberi pilihan bersara umur 40 tahun ini hanya mereka yang berada dalam kategori B, C dan D. Hari ini mereka yang berada dalam kategori A yang terpaksa memohon kebenaran daripada Kerajaan untuk membuat pilihan bersara waktu umur 40 tahun. Mereka sekarang ini tidak begitu puas hati. Mereka mahu supaya mereka juga diberi pilihan seperti pegawai-pegawai Division B, C dan D. Jadi, adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa Kerajaan tidak patut melayan langsung Divison A, B, C dan D ini?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itulah dia. Soalnya sama ada keputusan tadi bijak atau tidak? Kita memutuskan supaya dari segi persaraan pilihan untuk umur 40 tahun dan adakah ini bijak atau tidak dari segi dasarnya? Sebab dia timbul banyak implikasi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, cukuplah . . .

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak habiskan ini.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya hendak tanya sama ada Ahli Yang Berhormat menyokong ataupun tidak cadangan Kerajaan untuk memberi pilihan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang dalam kategori B, C dan D untuk mendapatkan persaraan awal. Saya hendak jawapan, menyokong ataupun tidak, itu sahaja.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Semangat 46 macam Kerajaan pula sekarang. Jadi, soal sama ada menyokong atau tidak, kita sudah bagi pandangan tadi. Saya sudah sebut berhati-hati supaya tidak ada implikasi yang boleh

menimbulkan reaksi yang lain pula daripada keputusan tadi. Itu dia punya maksud, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mutang Tagal : (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Cukuplah, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah layan banyak sangat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Satu lagi barangkali daripada Sarawak.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sarawak, integrasi nasional, boleh. (*Ketawa*)

Tuan Mutang Tagal: Banyak telah diperkatakan mengenai dengan optional retirement yang telah diberikan kepada pegawai dalam kategori B, C dan D. Saya ingin satu jawapan daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas sama ada beliau memikirkan bahawa persaraan pegawai dalam kategori B, C dan D adalah kerugian kepada negara walaupun mungkin mereka yang bersara itu akan melibatkan diri dalam perniagaan dan mungkin pembangunan tanah mereka sendiri di kampung-kampung ataupun di bandar. Jadi, bukankah persaraan mereka itu dari pekerjaan di Jabatan Kerajaan dan bekerja di bidang swasta merupakan satu keuntungan bagi negara oleh kerana matlamat seterusnya ialah sama ada bekerja dengan Jabatan Kerajaan ataupun di bidang swasta adalah untuk membangun negara dari segi perkembangan ekonomi, pertanian dan mungkin bidang pengeluaran?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Kalau pilihan bersara itu diambil dengan awal umur 40 tahun atas dasar pilihan, dia bersara 40 tahun, dia balik kampung, betul, kerja tanah-tanah terbiar—bagus. Tetapi kalau dia ambil kesempatan, cukup sudah 40 tahun minta bersara manakala kebetulan itu ada di kalangan mereka itu orang-orang profesional yang banyak Kerajaan belanja melatih mereka ini. Maka itu mungkin rugi bagi negara kita—yang B, C dan D tadi. Sebab kita tengok malah ada di kalangan . . .

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat, nanti sekejap, saya beri, Yang Berhormat. Ada di kalangan mereka ini sudah bersara, lepas, sudah cukup umur 50 tahun lebih, malah dalam soalan Dewan Rakyat hari ini ada dijawab masih ada lagi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengambil pekerja yang sudah pencen. Apa yang dibimbangkan, orang-orang yang kategori ini nanti ambil kesempatan, maka kita akan kerugian tenaga-tenaga profesional ataupun tenaga-tenaga yang berpengalaman . . .

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tenaga-tenaga profesional yang kebanyakannya berada dalam kategori A misalnya akauntan, engineer, doktor, lawyer semuanya kategori A yang mana Kerajaan tidak memberi pilihan kepada mereka untuk bersara waktu umur 40 tahun. Yang diberi pilihan bersara umur 40 tahun ini ialah kategori B, C dan D, bukan kategori A yang profesional.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Cakaplah.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Sebelum Yang Berhormat dari Pasir Mas menjawab, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Pasir Mas, adakah Yang Berhormat bercadang hendak mengesyorkan kepada Kerajaan supaya pegawai-pegawai kategori A juga diberi kemudahan yang sama kerana pada masa ini ramai pegawai-pegawai dalam kategori A ini yang hendak bersara awal kerana mereka hendak menyertai cergas dalam Parti Semangat 46 ini (*Ketawa*) dan mereka sekarang ini tidak boleh. Yang kategori B, C dan D pun ramai yang sekarang ini yang membuat permohonan kerana selama ini mereka tertekan dan sekarang mereka ini boleh berhenti dan boleh masuk Parti Semangat 46. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jawab belum lagi sudah dua kali . . .

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Pasir Mas, adakah beliau sedar bahawa secara tidak langsung Yang Berhormat dari Besut menyokong Kerajaan, kerana bukan sahaja dia hendak B, C dan D, dia hendak A pun dapat pilihan umur 40 tahun, bermakna Ahli Yang Berhormat dari Besut secara tidak langsung menyokong cadangan Kerajaan ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bukan soal sokong cadangan Kerajaan, kalau cadang B, C, D tentu A hendak sama, ini yang susah ini-itu maksudnya. B, C, D kita beri, A tidak boleh, sebab itulah kita buat dasar ini biar seragam, fikir habis-habis, cuma yang dibuat ini macam saya kata tadi lah sebab ada tujuan, ada udang di sebalik batu. Inilah masanya kononnya hendak ambil hati kakitangan Kerajaan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengatakan bahawa Belanjawan ini untuk ambil hati kakitangan Kerajaan, saya minta Yang Berhormat putarkan balik filem kita kepada tahun 1981, pada masa itu Penyelia-penyelia KEMAS dinaikkan gaji lebih 100%, selepas itu Wakil-wakil Rakyat dinaikkan elau dari \$2,000 kepada \$3,000, pencen daripada 9 tahun diturunkan kepada 3 tahun, ingatkan balik itu dan sila buat penjelasan!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tahun 1981, saya belum ada dalam Dewan Rakyat, jadi kalau ada filem itu tolong beri pada saya, saya boleh tengok. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin membangkitkan mengenai dengan masalah BBMB (Bank Bumiputra Malaysia Berhad). Baru-baru ini kita baca dalam akhbar berlaku lagi kerugian \$1,000 juta. Usul telah dibuat oleh pihak parti Pembangkang DAP tetapi ditolak.

Saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai dengan Pengerusi BBMB, Pengerusi Eksekutif BBMB ialah Tan Sri

Basir Ismail, yang juga beliau adalah Presiden PETRONAS. PETRONAS sekarang ini memiliki BBMB kerana melabur menyelamatkan Bank Bumiputra, siapa pula yang menjadi Executive Director ataupun yang berkuasa Eksekutif di PETRONAS, bagaimana pula Executive Director yang mempunyai kuasa Eksekutif di PETRONAS hendak check Bank Bumiputra dari segi pengurusan kerana Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra adalah Presiden PETRONAS. Perkara macam ini saya minta Kerajaan mengkaji balik. Kalau Tan Sri Basir itu sesuai untuk Presiden PETRONAS—Presiden PETRONAS, Pengerusi BBMB boleh lantik orang lain supaya tidak timbul soal percanggahan ataupun orang bawah takut hendak pergi check dan banyak lagi orang yang layak. Yang Berhormat dari Batu Berendam pun boleh, Yang Berhormat dari Arau pun boleh, ramai lagi, takkanlah Tan Sri Basir seorang sahaja boleh buat, boleh duduk situ—Ah! Yang Berhormat dari Larut saya lupa hendak sebut—boleh—dia pun pandang pada saya . . .

Seorang Ahli: Yang Berhormat dari Pasir Mas!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Pasir Mas memang tidak boleh sebab "Semangat 46", saya pun sedar saya siapa, bila memerintah nanti tidak tahulah, tetapi sekarang ini saya sedarlah, saya terima hakikat, tetapi pokoknya janganlah seorang itu memegang beberapa jawatan. Dari segi kedudukan BBMB dengan PETRONAS ini perkara serius supaya dibetulkan dari segi pengurusan, macam mana Eksekutif daripada PETRONAS hendak pergi ke Bank Bumiputra, sebab Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra ialah Presiden PETRONAS. Ini kena dibetulkan supaya perjalanan pengurusan itu biarlah benar-benar profesional. Ini gembur-gembur sahaja bahawa keadaan pulih, begitu-begini, alih-alih cerita \$1,000 juta rugi pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada lagi Yang Berhormat?

Dr Abdul Hadi bin Derani: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya kenapakah tidak profesionalnya seseorang Pengerusi itu memegang dua jawatan, satu PETRONAS satu BBMB. Apakah yang tidak profesionalnya dan saya mendapati banyak lagi orang-orang yang profesional lain yang memegang jawatan sebagai Pengerusi 2-3 syarikat. Jadi bagi saya, saya rasa hujah Yang Berhormat itu tidaklah betul.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tahu Yang Berhormat dari Kota Setar ini adalah seorang yang berpendidikan PhD dan pernah berkhidmat dengan bank. Sepatutnya dia tidak bertanya soalan itu pada saya, yang saya maksudkan tadi sebab di PETRONAS dia Pengerusi tanpa Eksekutif, di Bank Bumiputra Pengerusi Eksekutif jadi pagi sana, petang sini, pegawai mestilah tengok muka dia sahaja, takut juga. Sebab saya dengar rungutan, saya juga baca sedikit-sebanyak makalah.

Saya bangkitkan dari segi pengurusan profesional, ini memang tidak wajar. Saya yakin ramai lagi tokoh-tokoh negara kita ini, pemimpin-pemimpin lain ramai lagi yang boleh buat kerja, taklah dia seorang. Ini bukanlah saya mempunyai apa-apa niat dengan Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra dan juga Presiden PETRONAS Tan Sri Basir—tidak sama sekali. Cuma saya hendak memberi pandangan membetulkan pandangan yang tidak baik dari segi pengurusan. Kalau dari segi psikologinya, Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap bolehlah, tetapi bila hendak jumpa, ini Presiden dekat sana, ini Pengerusi dekat sini macamana? Cadangan saya supaya Kerajaan mengkaji balik kedudukan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini hendak terangkan mengenai perlantikan Pengerusi itu, saya tidak mahu pertikaikan sekarang, saya akan jawab pada Yang Berhormat

dalam ucapan saya. Cuma saya hendak sebut fasal kerugian Bank Bumiputra. Yang Berhormat baca laporan dari mana ini? Saya ingin tanya adakah kerugian itu dari segi perniagaan ataupun dari segi hutang lapuk yang disebutkan. Yang keduanya, adakah Yang Berhormat sedar Yang Berhormat masa itu sama ada setuju ataupun tidak berhubung dengan Akta Bank yang kita lulus di Parlimen baru-baru ini yang hanya membenarkan bank mesti mengumumkan kerugiannya tiap-tiap 6 bulan. Ini keputusan Bank Negara dahulu bolehlah kita tangguh sampai setahun, jadi hutang lapuk ini yang kebanyakannya dipinjam oleh Yang Berhormat sedia maklum, siapa yang meminjam, sekarang ini terpaksa diisytihar, tetapi hutang ini boleh dikutip balik. Apakah Yang Berhormat sedar perkara itu? Tidak ada kerugian yang berlaku.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Dikatakan hutang itu boleh dikutip balik, kalau boleh kutip balik tidak payahlah PETRONAS pam kali yang kedua. Ini PETRONAS terpaksa beri lagi untuk menyelamatkan Bank Bumiputra dalam laporan baru-baru ini. Itu betul, saya hendak sebut detail lebih daripada itu saya bukan akauntan, tetapi yang saya tahu Bank Bumiputra rugi, PETRONAS kena masuk duit lagi kali yang kedua. Itu yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian mengenai dengan cadangan ataupun pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak menambak laut baru-baru ini, iaitu satu pengumuman yang memang mengejutkan juga orang ramai, kerana tanah-tanah kita masih lagi banyak boleh diusahakan, tiba-tiba dengar pengumuman hendak tambak laut daripada Perlis sampailah ke Johor untuk masa depan. Yang saya hendak bangkit mungkin dikatakan untuk masa depan, generasi masa depan, perancangan mesti dibuat daripada sekarang-memanglah. Tetapi soalnya kita janganlah cepat-cepat macam kita buat kerja-kerja dahulu, kerja-kerja dahulu yang kita kata cepat ini macam kita membuat

projek HICOM, diizinkan membuat projek raksaksa, dahulu, waktu itu semua bercakap semua boleh, akhirnya mengalami kegagalan, akhirnya mengalami kerugian, kita kira projek tersebut haruslah dikaji dengan teliti demi teliti, biarlah diambil masa yang panjang sesuai ataupun tidak sebab dia melibatkan . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung besok.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya sambung besok. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.